

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 22 Selasa 25 Julai 2017

KANDUNGAN

| | | |
|--|----------|-----|
| JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman | 1) |
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman | 7) |
| RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT | (Halaman | 35) |
| RANG UNDANG-UNDANG: | | |
| Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 | (Halaman | 37) |

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA
Selasa, 25 April 2017**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Noor Ehsanuddin Bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan apakah langkah kementerian dalam usaha melindungi peminjam yang dikenakan caj bayaran lewat oleh syarikat pemberi kemudahan kredit akibat kegagalan mereka dalam membuat pembayaran ansuran bulanan mengikut masa yang telah ditetapkan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Tinggi yang begitu prihatin dalam mempersoalkan isu kepenggunaan terutamanya tentang pemberian kemudahan kredit yang diberikan kepada pengguna. Walau bagaimanapun, saya hendak menjelaskan di sini Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pengguna melakukan pembayaran ansuran bulanan yang lewat, itu bermakna beliau atau pembeli telah pun melakukan satu kesalahan dalam perjanjian asal mereka. Maka dalam Akta Perlindungan Pengguna 2017 yang dipinda, ia memberi ruang kepada pemberi kemudahan kredit untuk mengenakan caj bayaran lewat.

Buat masa ini, pembeli dikenakan caj bayaran lewat walaupun mereka terlewat membuat bayaran ansuran untuk sehari mahupun untuk sebulan. Secara kebiasaan, pembeli dikenakan caj bayaran lewat yang bermula daripada RM10 sehingga RM40 sebulan. Justeru, kerajaan telah mengenal pasti perkara ini dan atas dasar sebagai sebuah *caring ministry*, kita cuba dan telah pun menggubal peruntukan khusus dalam Akta Perlindungan Pengguna 2017 untuk menguatkuasakan transaksi jualan kredit. Melalui pindaan pada Bab IIIB di bawah Akta Perlindungan Pengguna 2017, Menteri mempunyai kuasa untuk menetapkan kadar bagi caj bayaran lewat di bawah Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Jualan Kredit) 2017.

Sehubungan itu, dalam draf Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Jualan Kredit) 2017 tersebut yang kita cadangkan, satu formula pengiraan caj bayaran lewat yang seragam dan berpatutan akan diperkenalkan. Pengenaan caj bayaran lewat ini adalah bergantung kepada kadar inflasi dan polisi kewangan semasa caj bayaran lewat yang akan ditetapkan apabila kerajaan mewartakan peraturan ini nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin dan kami pun rasa simpati kepada rakyat. Kadang-kadang bila kenaikan harga dan sebagainya, kita mengambil langkah-langkah untuk membantu mereka. Kadang-kadang mereka ada yang diberhentikan kerja contohnya, ditukar pekerjaan dan ada masanya mereka mempunyai kekangan kewangan dan kadang-kadang menyebabkan mereka tertunggak ataupun ada masalah untuk membayar tanggungjawab mereka untuk pinjaman-pinjaman.

Jadi saya hendak tanya, adakah dalam situasi pembeli mempunyai tunggakan ansuran bulanan yang tinggi serta mempunyai masalah kewangan, adakah dibenarkan untuk pihak industri jualan kredit menawarkan pinjaman peribadi kepada pembeli agar mereka boleh membuat penyelesaian tunggakan tersebut. Terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap sekali lagi terima kasihlah. Benar sekiranya mereka mempunyai satu masalah peribadi untuk menyelesaikan pinjaman tersebut. Dalam akta yang telah pun kita luluskan dalam sesi yang lepas, ia tidak kita berikan ketentuan sama ada boleh ataupun tidak. Ini kerana kita merasakan yang memberi kredit itu mempunyai opsyen untuk dia berbincang semula dan kita biarkan begitu. Walau bagaimanapun, sekiranya ada perjanjian yang baru yang ingin mereka lakukan, ia wajib mengikut undang-undang yang telah pun kita tetapkan.

Jadi bermakna bukan tidak boleh, boleh dan bukan mesti kerana ia adalah merupakan satu opsyen yang kita berikan rasa kemudahan untuk mereka berbincang di antara satu sama lain. Ini kerana pinjaman kredit ini, ia merupakan satu risiko kepada syarikat pemberi kredit. Maka sekiranya pada asal seseorang itu menerima kredit, mungkin kredit *risknya* begitu baik tetapi bila sampai satu masa, ia mungkin menyebabkan beliau mempunyai risiko yang agak tinggi.

■1010

Maka terpulanglah kepada pembeli atau pemberi jualan kredit itu sendiri untuk menentukan sama ada ianya boleh ataupun tidak. Terima kasih.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Kalau kita lihat kepada apa yang berlaku di sini ialah ini sistem riba yang mana jika seseorang itu tidak membayar dalam tempoh yang ditentukan maka ia terpaksa membayar lebih. Adakah pihak kerajaan ada usaha-usaha tertentu untuk mengadakan satu

program yang tidak ada unsur ini dengan kata lainnya tidak ada faedah yang tidak ada unsur riba. Terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Buat masa ini, inilah sistem yang digunakan dalam negara kita. Walau bagaimanapun dalam *Islamic Financial System* yang ada dalam negara kita ini, kita melihat kaedah-kaedah baru, kita hendak memastikan akta yang baru akan digubal semula. Bukan hanya untuk jualan kredit tetapi banyak akta-akta mikro kredit yang kita berikan selama ini akan kita lihat supaya kita gunakan sistem *Islamic syariah compliance* yang lebih baik. Mungkin diberikan opsyen seperti bank-bank yang sekarang ini menggunakan sistem-sistem yang sedemikian rupa. Kita sedang melihat, kita sedang mengkaji dan akhirnya *insya-Allah* akan kita bawa ke dalam Parlimen nanti, pada satu hari nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan berkenaan kenyataan Lynas pada 19 Julai 2017 bahawa mereka telah berjaya mencari kaedah untuk mencipta "*condisoil*" daripada *residue* kilang Lynas yang telah mendapat pengesahan keselamatan daripada SIRIM.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Panglima Madius Tangau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak Lynas telah melantik SIRIM sebagai perunding pensijilan standard *condisoil*. Buat masa ini ujian pengesahan keselamatan sedang dijalankan oleh SIRIM dan laporan akhir dijangka akan dikeluarkan pada akhir Ogos 2017. Pada masa ini keputusan bagi analisa logam berat telah dianalisa di empat makmal yang diiktiraf ataupun *accredited lab* iaitu Makmal Jabatan Kimia, SIRIM, Jabatan Pertanian dan MARDI menunjukkan bacaan di bawah had kawalan berdasarkan standard Malaysia.

Lynas juga telah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk kelulusan penggunaan *condisoil* dan terpulanglah kepada pihak Jabatan Alam Sekitar untuk membuat kelulusan. Sementara itu Lynas masih meneruskan kajian penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D dengan kerjasama institusi pengajian tinggi dan pusat penyelidikan tempatan seperti MARDI, Lembaga Kenaf dan Tembakau Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaysia Pahang bagi *transform* atau penukaran *residual water leached verification* sebagai satu kaedah pengurusan sisa norma yang kepada produk komersial sejak Oktober 2015. Sekian terima kasih.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya seterusnya ialah berapa peratus kah daripada *condisoil* tersebut merupakan daripada *water leach purification solid waste (WLP)*, *how many percent?* Ini kerana CEO Lynas di dalam e-mel beliau kepada Pengerusi Save Malaysia, *Stop Lynas!* telah menyatakan bahawa *condisoil* ini *non-toxic, noncarcinogen, nonradioactive*. Ini merupakan satu kenyataan yang, /

think jumping the gun kerana Menteri kata tadi masih dalam kajian. Saya hendak tahu apakah kaedah *dilution* juga digunakan di dalam buat *condisoi* ini. Ini sebab kita tahu bahawa *torium is a noncarcinogen*. Terima kasih Menteri.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau: Terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Berkenaan dengan nisbah campuran yang di antara WLP dan juga *neutralization underflow* dan FGD adalah nisbah 1:2:7 dan bagi tambahan *breeze* pula nisbah ialah 1:2:7 juga. Apa pun saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kuantan bahawa Lynas telah *jump the gun*. Ia masih dalam proses kajian dan biarlah pihak SIRIM selesaikan kajian mereka dan biarlah akhirnya Jabatan Alam Sekitar yang memberi kelulusan. Terima kasih.

3. **Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah inisiatif terbaru yang dilakukan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam menambah baik proses pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia serta apakah nilai tambah yang bakal diperoleh oleh para pemohon sijil ini menerusi inisiatif terbaru yang digariskan tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong yang telah pun mengemukakan soalan berkaitan yang mana Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) daripada masa ke semasa telah menyelaras inisiatif-inisiatif bagi mempercepatkan dan memperkasakan proses pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia ataupun diringkaskan dengan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) di seluruh negara.

Ini adalah bagi menangani isu yang berkaitan kelewatan bagi pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia sama ada di peringkat persekutuan maupun di peringkat negeri-negeri. Kerajaan amat memahami rintihan dan juga rayuan daripada industri yang memohon kepada kesegeraan kepada sijil ini. Maka yang tersebut inisiatif yang terbaru, ini terbaru dalam sekitar bulan Ramadhan yang lepas, satu bulan, inisiatif terbaru ini mempercepatkan pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) telah dilaksanakan di mana dengan peringkat JAKIM disusuli dengan negeri-negeri. Empat inisiatif yang telah diperkenalkan iaitu:-

- (i) kelulusan segera bagi tiga kategori *fast track process* iaitu kelulusan segera melalui langkah pertama semakan dokumen oleh pegawai penyemak. Pegawai penyemak syorkan kelulusan segera di antara tiga hingga tujuh hari;
- (ii) *fast track audit* iaitu kelulusan di peringkat auditor halal tanpa melalui audit ulangan memandangkan syarikat telah diaudit dalam tempoh lain dalam tempoh yang tertentu iaitu tujuh hari; dan *fast track* tanpa laporan

ketidakakuruan iaitu kelulusan segera disyorkan oleh *auditor* setelah audit lapangan dijalankan dan didapati pemohon komited dengan tidak ada laporan ketidakakuruan. Ini dalam tempoh 14 hari dan proses audit kombo iaitu proses audit dokumen berserta audit lapangan secara serentak tujuh hingga 14 hari;

- (iii) *halal expressway* iaitu kelulusan segera hasil komitmen dan tindakan pemohon membetulkan teguran audit dalam tempoh yang diberikan iaitu 14 hari hingga 30 hari; dan
- (iv) *halal fast lane* iaitu di mana pegawai penyemak mengklasifikasikan jenis permohonan kepada kategori yang kritikal dan bukan kritikal. Bagi yang kritikal ini ialah melibatkan soal binatang yang *mughallazah* najis berat, anjing babi seperti mana kasut kulit dan sebagainya dan yang bukan kritikal yang lain-lain.

Inisiatif ini melibatkan penambahan kekerapan bilangan mesyuarat. Ini pun juga penting. Dahulu kita mesyuarat iaitu pengesahan sijil halal dua kali sebulan sekarang ini lapan kali sebulan ataupun dua kali seminggu. Proses ini juga menghasilkan keputusan pengesahan dalam tempoh tiga hari bekerja bagi permohonan produk yang tidak kritikal satu hingga tiga hari. Pada masa yang sama— minta maaf Tuan Yang di-Pertua, JAKIM telah memperkenalkan kategori pemohon syarikat *white list* iaitu syarikat pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang komited serta patuh terhadap prosedur dan memberikan komitmen yang tinggi terhadap syarat-syarat pensijilan halal. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebagai sebuah negara yang menjuarai industri halal global apakah inisiatif baru oleh JAKIM ini akan menjadikan syarikat tempatan lebih kompetitif di peringkat antarabangsa. Apakah pula pencapaian dan pecahan kelulusan bidang yang telah dicapai hasil daripada pelaksanaan inisiatif terbaru ini? Terima kasih.

■1020

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Parit Sulung atas inisiatif yang kita lakukan ini di dalam tempoh satu bulan secara angka dapat saya sebutkan bahawa kita dapat menyelesaikan permohonan dalam tempoh satu bulan ini yang menjangkau kepada 85 peratus permohonan.

Maknanya pada hari ini kita ada lebih kurang pemohon-pemohon di hadapan kita ini dalam tempoh sebulan yang kita telah luluskan. 85 peratus daripada mereka itu diluluskan dalam tempoh yang segera. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, ada syarikat yang ia dalam tempoh tidak sampai tiga hari ia hantar pergi oleh kerana dia patuh dan tidak ada berlaku ketidakakuruan kita telefon terus kepada syarikat dan dia pun terkejut dalam tempoh

tidak sampai tiga hari dia telah pun mendapat keputusan. Ini bagi kategori yang tidak ada sensitif kepada barang-barangan pengeluaran daripada mereka yang tercemar dengan bahan-bahan yang lain.

Insya-Allah dengan pendekatan seperti ini industri ini akan terus dapat berkembang dan pihak JAKIM akan berurusan secara dekat dengan industri-industri terutamanya SME dan sebagainya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini kita dikejutkan dengan satu laporan yang dirampas berkenaan dengan 120 tan, empat kontena daging kambing yang diimport daripada Sepanyol yang dicampur dengan daging babi. Persoalan saya ialah berapa lama sudah syarikat ini saya difahamkan mendapat sijil halal? Berapa lama sudah syarikat ini mendapat sijil halal dan berapa lama sudah kontena masuk ke negara kita, terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gantang atas keprihatinan yang berlaku. Sebenarnya soalan ini telah pun dijawab oleh pihak MAQIS yang telah pun diperjelaskan sebab JAKIM dia bertanggungjawab pada sijil halal tetapi kalau tanya kepada syarikat ini mendapat sijil halal, syarikat ini tidak mendapat sijil halal daripada pihak JAKIM. JAKIM hanyalah akan berkolaborasi bersama apabila pihak-pihak yang berkaitan, Jabatan Veterinar yang berkaitan untuk memantau di kawasan-kawasan kemasukan terutamanya di pelabuhan-pelabuhan dan tindakan telah pun diambil dan jumlah berapa yang dirampas empat kontena itu telah pun diperjelaskan oleh pihak MAQIS dan juga tindakan-tindakan perlu telah diambil.

JAKIM hanya bertanggungjawab kepada syarikat-syarikat yang memohon sijil halal untuk kita menahan mereka. Akan tetapi apa pun jaminan daripada pihak kerajaan penguatkuasaan dan pemantauan kerana ini adalah soal sensitif, daging yang bercampur akan berterusan dijalankan dan sudah ada satu *taskforce* yang diwujudkan di kalangan pihak JAKIM termasuk juga veterinar, termasuk juga pihak-pihak berkaitan di pelabuhan untuk hal yang berkaitan pencerobohan daging yang dicampur dengan binatang yang tidak halal dan diimport bawa masuk ke negara kita Malaysia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan tindakan kementerian dalam memastikan kedudukan semua utiliti bawah tanah dikenal pasti dan dipetakan bagi membantu kerajaan dalam pembangunan prasarana negara.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mengambil tindakan memetakan utiliti bawah tanah menerusi Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). JUPEM bertindak sebagai badan *repository* dengan membangunkan pangkalan data utiliti bawah tanah kebangsaan. Pada memperolehi peralatan pengesahan bagi melaksanakan kerja-kerja verifikasi.

Selaras dengan keputusan Kabinet pada tahun 1994 dan 1998 Bahagian Pemetaan Utiliti telah ditubuh dengan seramai anggota 55 orang. Utiliti bawah tanah ini melibatkan Tenaga Nasional Berhad (TNB), utiliti TELEKOM, pembetungan air dan gas. Sehingga kini JUPEM telah melaksanakan verifikasi sepanjang 1,052.4 kilometer perincian seperti—boleh diberikan kepada Yang Berhormat kalau mahu dan telah menghasilkan sejumlah 652 peta utiliti bawah tanah bagi kawasan Putrajaya, Cyberjaya, sebahagian daripada Shah Alam dan Kuala Lumpur dan butiran terperinci juga ada pada saya tetapi banyak, panjang sangat untuk dibaca.

Pemetaan utiliti bawah tanah ini amat penting pada negara kerana ia memberi kesan kepada alam sekitar, pembangunan, keselamatan dan ekonomi negara. Anggarankekangan yang dihadapi oleh pihak JUPEM adalah kakitangan yang tidak mencukupi. Pada masa kini Bahagian Pemetaan Utiliti hanya mempunyai 49 orang. Kedua, data yang diperolehi daripada penyedia utiliti tidak memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan.

Untuk jangka masa hadapan, JUPEM akan meningkatkan kerjasama dengan pihak kementerian lain umpamanya KPKT, KeTTHA serta pihak berkuasa tempatan melalui garis panduan dan perundangan. Selain itu, kementerian juga sedang berusaha untuk menyediakan kepakaran yang tersendiri daripada anggota JUPEM dan pihak swasta. Menjelang tahun 2020 Malaysia dijangka akan mempunyai lebih 150 orang pakar dalam pemetaan utiliti bawah tanah. JUPEM juga sedang memperluaskan aktiviti pemetaan ini bawah tanah ke seluruh negara dengan penglibatan semua JUPEM Negeri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan kepada perkara yang saya bawakan tadi. Cumanya soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri ini adalah dalam jangka masa panjang, saya ingin Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan apakah perancangan untuk mencepatkan

lagi proses untuk pemetaan utiliti di Malaysia ini dan sejauh manakah kementerian bersedia untuk mengamalkan data kedudukan utiliti bawah tanah ini terutama dalam situasi persaingan sengit untuk menarik FDI ke negara kita kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain di luar sana yang telah mengamalkan dasar ini. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soalan data maklumat ini adalah suatu perkara yang amat penting kepada negara khususnya negara kita apabila kita hendak menjadi negara yang membangun dan negara maju dan maklumat-maklumat daripada data ini ada hubung kait dengan beberapa perkara iaitu *competitiveness* dalam soal kita membangun.

Kedua, untuk maklumat-maklumat terperinci yang ada untuk pihak pemaju, pihak-pihak konsultan, pihak-pihak kerajaan sendiri boleh mengguna pakai data-data maklumat yang kita bakal wujudkan. Jadi peringkat yang pertama Tuan Yang di-Pertua ialah kita saya telah mengarahkan Ketua Pengarah JUPEM dan anggotanya supaya memperluaskan bidang kuasa ini supaya tiap-tiap negeri buat kerjasama atau MOU dengan agensi-agensi *suppliers* iaitu *utility suppliers* ini yang saya sebutkan tadi TNB, Gas dan sebagainya membuatkan satu MOU di tiap-tiap negeri.

Tiap-tiap negeri mempunyai data maklumat masing-masing yang perlu ada pada tiap-tiap negeri itu kerana kita tahu kalau dilihat di Johor umpamanya di mana negerinya amat pesat membangun, kalau perkara ini tidak kita laksanakan sekarang bahawa kita akan berhadapan dengan masalah pembangunan yang akan tergendala, pembangunan yang terlambat ataupun terlewat dalam sudut kita melaksanakan mana-mana projek kalau utiliti ini tidak ada di bawah tanah yang tidak kita ketahui dan bakal melambatkan projek-projek yang bakal kita laksanakan.

Itu peringkat pertama kita bakal laksanakan dan yang kedua kita memperbanyakkan anggota-anggota yang terlatih dalam sudut ini di seluruh negara di tiap-tiap negeri mesti ada pihak-pihak pakar yang boleh mengesan dan tiap-tiap negeri mempunyai mesin pengesannya sendiri untuk mengesankan peta-peta lama sebab dia ada dua perkara, Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, utiliti-utiliti yang lama yang telah terpendam beberapa puluh tahun dalam tanah yang kita tidak kita ketahui. Kedua, iaitu utiliti yang baru yang bakal kita *collect* daripada *utility suppliers* masuk dalam komputer kita kena dicantumkan, kena dipetakan untuk diketahui ramai untuk kegunaan kerajaan.

■1030

Dalam sidang ini, rangka besar kita akan mewujudkan satu perundangan di bawah *geospatial* di mana data *geospatial* yang lain akan dirangkumi bersama *utility information data* ini dan kita rangkum bersama, boleh diguna pakai dan perundangan itu akan meletakkan syarat-syarat penggunaan, syarat-syarat pembatasan penggunaan data maklumat bakal ada

dalam ini nanti. Kita akan satukan data ini sebagai satu *geospatial* punya data maklumat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, setakat untuk mengenal pasti dan utiliti bawah tanah dan diplotkan dalam peta bukan satu kaedah penyelesaian untuk jangka masa panjang. Saya rasa *common trenching* adalah sesuatu yang perlu diwujudkan dengan segera supaya utiliti-utiliti ini dapat berkongsi satu sesalur yang sama untuk mengelakkan lebih banyak jalan dikorek dengan sesuka hati dan menjelaskan pengguna jalan raya. Adakah kementerian bersetuju untuk menjalankan program ini? Sekian.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Dia kalau dapat soalan, macam mana bahasa Melayu kata, *if I got your question right*. Dia dua perkara dengan izin Tuan Yang di-Pertua menggunakan bahasa Inggeris tadi. Pertama ialah soalan data yang wujud pada kita untuk kita rangkumkan sama ada *the accuracy of data* yang dimaklumkan kepada kita itu untuk dimasukkan dalam data maklumat kita. Kedua untuk mengesan data-data yang sudah ada ataupun maklumat utiliti yang telah ada menggunakan teknologi yang ada sekarang sama ada *remote sensing* dan sebagainya.

Pada masa sekarang Tuan Yang di-Pertua, kita hanya mempunyai satu jenis mesin yang mana boleh mengesan beberapa meter saja ke bawah tanah yang boleh mengesan di mana letaknya tadi TNB, paip air, paip gas dan sebagainya. Jadi ini kita tidak mempunyai teknologi yang terkini, yang boleh saya kata, saya sebut tadi kepada pegawai saya. Kalau kita ada gunakan *drone* ataupun kita gunakan helikopter ataupun kita guna kapal terbang yang supaya boleh mengesan kesemua utiliti ini atau buat lepas itu kita *translate* itu sebagai satu *map* yang boleh kita buat. Ini mungkin mempercepatkan kita mencari ataupun mengesahkan utiliti yang telah ada di bawah tanah.

Kedua ialah iaitu kita *ideally*, dia patut satu larian saja. Semua utiliti yang enam utiliti yang saya sebut tadi di satu laluan saja, dia satu ada koridor sendiri. Jadi ini juga Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang *it is easier said than done* oleh kerana masalahnya ialah perkongsian satu laluan ini siapa yang *maintenance* ini. Di antara agensi-agensi dan *supplier-supplier* ini dia ada sendiri sedikit pergeseran soalan siapa *maintain* laluan itu ataupun perkongsian dan berapa kos perkongsian untuk *maintaining* the laluan. Tetapi *ideally* kita hendak laksanakan itu Yang Berhormat. Sebenarnya *that is the best and that is the way forward* untuk negara kita. Terima kasih Yang Berhormat.

2. **Puan Teo Nie Ching [Kulai]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan jumlah kes pembuangan bayi sejak 2010, dan cara Kerajaan menentukan kewarganegaraan bayi yang ditemui, sama ada bayi tersebut akan diberi kerakyatan Malaysia.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching pada 25 Julai 2017...

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulai.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:dan Yang Berhormat daripada Kulai dan Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj pada 27 Julai bersekali kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa melaksanakan pelbagai usaha bagi membendung gejala pembuangan bayi yang berlaku pada hari ini. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia, kes pembuangan bayi yang dilaporkan pada tahun 2010 sehingga Disember tahun 2016 adalah sebanyak 697 kes.

| Tahun | Bilangan Kes |
|---------------|--------------|
| 2010 | 91 |
| 2011 | 98 |
| 2012 | 89 |
| 2013 | 90 |
| 2014 | 103 |
| 2015 | 111 |
| 2016 | 115 |
| Jumlah | 697 |

Bagi tempoh tersebut, lima buah negeri yang mencatatkan jumlah kes tertinggi adalah Selangor sebanyak 157 kes. Diikuti dengan Sabah dan Johor masing-masing mencatatkan jumlah 84 kes. Kuala Lumpur sebanyak 65 kes dan Sarawak sebanyak 49 kes.

Bagi bayi yang ditinggalkan di *baby hatch*, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menjalankan kerjasama dengan pertubuhan kebajikan dan pengurusan anak-anak yatim Kuala Lumpur atau *orphan care* yang menyediakan perkhidmatan perlindungan kepada bayi yang dilahirkan oleh ibu-ibu yang terdesak, yang tidak menginginkan bayi mereka dan ditinggalkan di *baby hatch*. Kini terdapat sebanyak lapan buah hospital dan sebuah NGO telah menukuhan *baby hatch*. Berdasarkan statistik *orphan care*, jumlah bayi yang ditinggalkan di *baby hatch* dalam tempoh tujuh tahun iaitu tahun 2010 hingga tahun 2016 adalah sebanyak 35 kes. Pecahan kes mengikut negeri adalah seperti berikut:

| Negeri | Bilangan Kes |
|-----------------|---------------------|
| Selangor | 29 |
| Kuala Lumpur | 2 |
| Negeri Sembilan | 2 |
| Perak | 1 |
| Pahang | 1 |
| Jumlah | 35 |

Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri walaupun semalam Yang Berhormat Menteri duduk di Dewan sampai 5.30 petang tetapi pagi ini beliau datang ke Parlimen untuk menjawab soalan ini. Jadi saya hendak pujiyah Yang Berhormat Menteri yang cukup bertanggungjawab dan prihatin terhadap isu kanak-kanak.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Macam perlu belajar daripada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya di sini, sebenarnya soalan saya ada dua bahagian. Satu bahagian lagi adalah tentang kerakyatan *baby-baby* yang dibuang ini. Saya rasa cukuplah menyakitkan hati bahawa dalam tempoh masa tujuh tahun melebihi 600 kes pembuangan bayi. Tetapi saya hendak tanya di sini oleh sebab kita tidak tahu siapa ibu bapa kepada *baby-baby* ini, jadi bagaimana kita menentukan kerakyatan *baby-baby* yang dibuang oleh ibu kandung kerana saya pernah terima kes di mana walaupun ada ibu ataupun keluarga yang sudi mengangkat *baby* itu menjadi anak angkat tetapi anak itu tidak dapat kerakyatan dan mereka menemui, menghadapi banyak kesulitan dari segi persekolahan, perubatan, tidak boleh dapat perubatan percuma di hospital kerajaan dan juga klinik kerajaan.

Selain daripada itu, walaupun *baby hatch* itu telah ditubuhkan, sekarang sudah ada sembilan lokasi, tetapi jumlah *baby* yang diletak di sana kalau berbanding dengan jumlah kes pembuangan *baby* itu adalah kurang sangat, hanya lima peratus. Jadi saya di sini juga endak tanya Yang Berhormat Menteri, apa usaha lagi untuk mendirikan lebih banyak *baby hatch* supaya saya rasa pembuangan kes ini sekurang-kurangnya kita boleh memastikan keselamatan *baby* tersebut. Sekian sahaja, ribuan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat Kulai yang sangat prihatin tentang keadaan bayi-bayi yang kita bagi nama cantik sikitlah Yang Berhormat, yang terdampar. Sebab bila kata bayi dibuang ini macam kasihan sikit, terdampar ya, *abandon* ya dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kulai dan saya rasa Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain sebab ini adalah satu gejala sosial yang sebenarnya kita harus tangani dengan baik. Kementerian sentiasa mengikuti segala pandangan yang

diberikan dan amat prihatin terhadap isu kerakyatan yang Yang Berhormat sebutkan, yang terdampar, yang ditinggalkan di *baby hatch*.

■1040

Yang Berhormat dia bukan sahaja di *baby hatch*, dia macam-macam cara ditinggal Yang Berhormat. *Baby hatch* ini seperti saya katakan tadi ada beberapa *baby hatch* tapi tidak berapa ramai *baby* dalam *baby hatch*. Dia yang ramai ini Yang Berhormat adalah ditinggalkan di merata tempat dan dia akan pergi ke institusi kami. Tadi Yang Berhormat sebab kita cakap *baby hatch*, kita ada 13 institusi kanak-kanak di seluruh negara. Di mana tempat anak-anak ini ditinggalkan, yang terdekat, jadi di sitolah kami tempatkan *baby* ini.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, memang kami mengetahui dari segi kewarganegaraan. Jadi bagi bayi-bayi yang ada di dalam *baby hatch* dan juga di institusi kami, kami sebenarnya sedaya usaha cuba membantu untuk memastikan bahawa anak-anak ini juga mendapat kerakyatan. Tapi sebenar Yang Berhormat, apa yang kami buat sebelum kerakyatan, kewarganegaraan, kita menguruskan terlebih dahulu permohonan daftar lewat kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara bagi kanak-kanak yang ditinggalkan. Semua *baby* ini memang tidak ada dokumen langsung dan satu persoalan yang diberitahu kepada kami supaya kita *trace* ibu bapa. Yang Berhormat, cara anak-anak ini datang memang *abandon*. Jadi kita cuba juga, kita pamerkan melalui mahkamah. Ini ada *baby* di institusi, siapa mak ayah yang punya *baby* ini, sila tampil ke hadapan. Yang Berhormat, memang tidak ada, sebab itulah mereka ditinggalkan.

Jadi mana-mana *baby* di dalam institusi kami Yang Berhormat, sijil kelahiran dahulu, selepas itu barulah kita menguruskan permohonan kewarganegaraan kanak-kanak yang masih belum ditentukan kewarganegaraan dengan memanjangkan permohonan kepada KDN. Oleh sebab itu di bawah Kementerian Dalam Negeri Yang Berhormat, iaitu melalui Jabatan Pendaftaran Negara apabila ada kes-kes kemasukan, kes-kes melibatkan pemeliharaan dan perlindungan. Jadi kita bersama-sama, Jabatan Kebajikan Masyarakat bersama-sama menguruskan dari segi sijil lahir dan sijil kewarganegaraan.

Bagi kanak-kanak yang telah diserahkan kepada keluarga pelihara atau keluarga angkat, permohonan kewarganegaraan boleh dibuat sebab masa itulah baru kita nak menentukan, sebab bukan dari mak ayah asal. Kalau kita dapat tahu mak ayah asal, kita juga boleh menentukan. Tapi dalam kes ini selalunya mak ayah asal itu tidak dapat ditentukan. Jadi kita menunggu satu lagi proses iaitu pengangkatan dan juga penjagaan, jadi barulah kita memprosesnya melalui keluarga angkat kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan – Pendaftaran Kewarganegaraan dalam keadaan khas. Selalunya anak-anak kami, bayi-bayi yang ada di institusi kami Yang Berhormat, dia adalah bawah 15A. Ini elok, ramai mengetahui supaya kita membuat yang terbaik dan secara terus

kepada KDN. Pihak kerajaan sentiasa menyokong usaha-usaha mengenai dokumentasi dan kewarganegaraan kanak-kanak yang terlibat yang menjadi mangsa kes pembuangan bayi.

Seruan saya Yang Berhormat, kalau ada yang telah mengangkat, dapat bayi, khususnya bayi, kalau dalam institusi Yang Berhormat atau *baby hatch*, kami dapat bimbing. Ini yang ada mendapat bayi yang di luar daripada bawah kami ini yang mungkin melalui keluarga dan sebagainya, mesti mendaftarkan kelahiran selepas itu mendaftarkan kewarganegaraan supaya segala masalah Yang Berhormat sebutkan tadi tidak berulang. Terima kasih.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga biasa didatangi oleh ibu bapa yang ada masalah dengan surat lahir dan dokumen-dokumen tertentu untuk anak-anak mereka. Saya ingin bertanya kepada Menteri selain daripada kes pembuangan bayi, apakah faktor-faktor yang menyebabkan kanak-kanak tidak mempunyai dokumentasi diri khususnya sijil lahir dan bagaimanakah cara untuk mengatasinya. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat daripada Sik sebab daripada soalan ini kita dapat sedikit sebanyak kita menambahkan lagi awareness dengan izin supaya sama-sama kita boleh memainkan peranan kita sebagai pemimpin-pemimpin di negara ini khususnya wakil rakyat.

Yang Berhormat, selalunya anak-anak ini tidak ada dokumen khususnya sijil lahir, satunya perkahwinan atau pernikahan ibu dan bapa tidak didaftarkan secara khas. Jadi ini satu daripada saya ingin memaklumkan bahawa mengikut seksyen 7 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957, Akta 299 setiap kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia tidak mengira sama ada ibu atau bapa kandung adalah warganegara atau bukan warganegara Malaysia, diwajibkan mendaftarkan kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara dan permohonan sijil kelahiran boleh dibuat di pejabat Jabatan Pendaftaran Negara yang berdekatan dengan mengemukakan bukti-bukti kelahiran bersama-sama borang permohonan daftar kelahiran. Ini selalu berlaku.

Keduanya Yang Berhormat, kita suka tidak suka, kena sebutkan juga, perhubungan sulit. Dia ada perkahwinan yang tidak didaftar dan kanak-kanak yang lahir hasil hubungan sulit oleh pasangan, sama ada pasangan Islam atau bukan Islam adalah sama keadaan yang kita mesti juga daftar, sebab sudah lahir. Ini anak, jadi kita mesti daftar, sebab itulah dia tidak ada dokumen.

Ketiga Yang Berhormat, kanak-kanak yang dijaga oleh keluarga lain sejak kecil. Ini kadang-kadang, dia tidak tahulah agaknya. Jadi kanak-kanak yang dipelihara oleh ibu bapa peliharaan yang mana ibu bapa kandung tidak dapat dikesan sejak lahir lagi dan ini menyebabkan kanak-kanak tidak mempunyai sijil kelahiran atau maklumat di dalam sijil

kelahiran yang tidak lengkap sebab ingatkan, “*Oh ini tidak apalah, ini adalah kita sama-sama kita*”. Tapi masih anak itu yang tidak berdokumen.

Keempat, kanak-kanak terdampar atau dibuang. Lazimnya kanak-kanak yang dijumpa oleh orang awam dan ditinggalkan di merata-rata tempat tanpa memang mereka ini tidak ada dokumen dan memang tidak ada maklumat asas. Sebab itulah kita seharusnya mengambil langkah bila sudah mengambil anak itu sebagai pelihara atau anak angkat, kitalah yang membuatkan dokumen untuk mereka. Terima kasih.

3. Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] Minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah dalam memastikan keselamatan pelajar Malaysia yang berada di luar negara terjamin ekoran daripada sentimen *Islamophobia* yang berlaku di London baru-baru ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa *Islamophobia* dilaporkan sememangnya kembali meningkat dengan mendadak terutamanya di kota raya London sejak akhir-akhir ini. Rentetan daripada beberapa tindakan keganasan dan serangan bom bunuh diri yang berlaku sejak awal hingga ke pertengahan tahun 2017.

Berdasarkan maklumat dari pihak berkuasa di UK, di London sahaja jumlah *Islamophobia* yang telah dilaporkan telah meningkat iaitu daripada 343 insiden pada 2013 kepada 1,260 insiden pada suku pertama tahun 2017.

■1050

Pihak *London Metropolitan Police* melaporkan bahawa jenayah *Islamophobia* meningkat sebanyak 500 peratus atau lima kali ganda selepas serangan di London Bridge. Pada ketika ini jenayah-jenayah yang bermotifkan anti Islam mencapai kadar 20 kes sehari dibandingkan dengan empat kes sehari dalam tempoh yang sama sebelumnya. Manakala pihak *Greater Manchester Police* melaporkan jenayah *Islamophobia* meningkat sebanyak 505 peratus selepas serangan di Manchester Arena. Terdapat 224 laporan *hate crimes* terhadap orang Islam pada bulan Jun 2017 dibandingkan 37 pada Jun 2016, tahun sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu pihak kerajaan— saya ingin mengambil kesempatan untuk juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan United Kingdom terutamanya di bawah kepimpinan Theresa May yang telah mengambil pendirian di *House of Common* tentang betapa pentingnya *Islamophobia* ini dibanteras dan ia menganggap ia merupakan satu bentuk ekstremisme yang perlu dibendung. Hal ini disebut juga oleh Menteri Dalam Negeri UK, Amber Rudd yang juga telah menyatakan dengan tekad bahawa *hate crime* khususnya terhadap orang Islam wajar dibanteras. Gesaan yang sama juga telah dibangkitkan oleh Datuk Bandar London, Sadiq Khan yang merupakan seorang Islam bahawa

pendekatan toleransi sifar atau *zero tolerance* terhadap *hate crime* dan memberi amaran untuk menahan siapa sahaja yang terlibat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak berkuasa di UK mendapati corak dan trend insiden *Islamophobia* meningkat selepas serangan keganasan di negara tersebut yang melibatkan suspek-suspek yang beragama Islam. Tindakan-tindakan yang disifatkan *hate crime* ini telah menjadi satu ancaman kepada nyawa orang awam tanpa mengira bangsa, agama dan kerakyatan mereka. Ini jelas bertujuan untuk menimbulkan permusuhan dan kebencian terutamanya ke atas masyarakat Islam. Kebanyakan mereka yang beragama Islam dan yang datang daripada kalangan warga asing dan tidak terkecuali juga warganegara Malaysia terdedah dengan tanggapan yang negatif yang dilemparkan ke atas orang Islam.

Untuk tujuan ini bagi pihak Kementerian Luar, sememangnya kita sentiasa mengadakan melalui Suruhanjaya Tinggi ataupun *our mission continued engagement with the Malaysian community* selain daripada memastikan warganegara komuniti Malaysia yang terlibat sentiasa diberi bantuan *counselors* sewajarnya jika ada. Ini membabitkan 70,000 rakyat Malaysia yang berada di United Kingdom yang berdaftar dengan pihak Suruhanjaya Tinggi. Daripada jumlah tersebut sebahagian besarnya tertumpu di Kota London dan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod perwakilan London seramai 18,092 daripada jumlah tersebut terdiri daripada pelajar manakala yang selebihnya terdiri daripada mereka yang bekerja dan yang ada urusan rasmi serta juga perniagaan.

Pada akhirnya Kementerian Luar Negeri sentiasa ingin mengulangi gesaan bahawa semua rakyat Malaysia termasuk komuniti pelajar di luar negara perlu berjaga-jaga dan sentiasa mematuhi, peduli tentang undang-undang tempatan ataupun *domestic law of the country* sambil mengambil makluman tentang perkara-perkara yang bersifat sensitif untuk negara tersebut. Warganegara Malaysia juga turut digesa dan di saran untuk mendaftar diri dengan perwakilan-perwakilan Malaysia agar ia bagi memudahkan bantuan kaunselor dan koordinasi dapat disalurkan sekiranya sebarang insiden yang berlaku tidak diingini berlaku, terima kasih.

Tuan Che Mohamad Zulkify bin Jusoh [Setiu]: Baru-baru ini kita dapat bahawa seramai tiga orang pelajar kita telah ditahan oleh pihak polis UK kerana disyaki terlibat dalam pengeboman di Manchester iaitu letupan konsert Ariana Grande. Jadi soalan saya, apakah bantuan yang pihak kementerian berikan kepada mereka dan apakah status terkini ketiga mereka tersebut? Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Baik, terima kasih kepada soalan agak *detail* berkaitan dengan perkara tersebut. Cuma saya boleh maklumkan memang benar tiga pelajar kita di Manchester ditahan dan telah pun disiarkan di akhbar sana dan juga tempatan. Mereka telah dibebaskan dua jam atau tiga jam *after they are being apprehended*, cumanya ini adalah salah satu daripada proses penyiasatan yang dilakukan oleh *National Crime Agency* UK dan pelajar-

pelajar kita akhirnya dibebaskan tanpa syarat. Kediaman mereka yang pada asalnya *was seal has been given back* dan bukan mereka sahaja malahan ada juga rumah-rumah yang berada di kawasan kejiranannya tersebut juga telah pun diserang ataupun telah pun diadakan operasi oleh pihak *National Crime Agency* (NCA).

Cuma saya hendak maklumkan bahawa pada waktunya ini, ketiga-tiga pelajar ini berada di sini, mereka hanya pulang pada bulan September. Saya sendiri sudah berhubung *on the very day of* dia orang kena, kita sudah hantar kedutaan kita ke Manchester melalui *Education Malaysia* dan pihak polis atase kita juga berhubung secara langsung dan saya mendapat peluang untuk berbual dan mendapat pandangan dan mendapat maklum balas bahawa ketiga-tiga mereka dilayan dengan baik.

Cuma kalau tanya keadaan ketika berlaku insiden tersebut *they were a bit traumatize* kerana yang melakukan operasi di bawah NCA ini adalah *a tactical squad*. *So tactical squad* ini biasalah bila dia rempuh ke rumah untuk disyaki itu, maka dia akan pecah rumah dan akan paksa, dia bagi gas pemedih mata, jadi trauma itu pada peringkat mula ada terkesan tetapi kita sudah mengambil tindakan susulan termasuk pihak MARA yang merupakan *sponsor* kepada dua daripada pelajar tersebut menyediakan juga kaunseling. Apa yang lebih penting, apabila mereka kembali ke pangkuan keluarga, sekurang-kurangnya ia telah menjadikan trauma itu lebih berkurangan. So, pada waktunya ini *they are clean and then* saya boleh nyatakan bahawa *there is no record about them. They are free to go back to continue their study*, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, antara cara kerajaan untuk melawan *Islamophobia* ialah satu inisiatif oleh Perdana Menteri menyatakan *Global Movement Moderate* sudah tujuh tahun, adakah ini inisiatif berkesan? Semalam ada satu rencana di *Malaysian Insight* sangat tepat kata bahawa *Global Movement of Moderate* tidak global, tidak ada *movement*, bukan orang yang *moderate*, sangat ekstremis dan adakah kerajaan bersetuju dan kalau bersetuju akan kah tutup dan *give up* dan berhenti *Global Movement of Moderate* yang menjadi satu *false* dalam dunia.

Dato' Seri Reezal Merican: Sebenarnya kalau dari segi *Islamophobia* ini *the effort will not be...* tidak akan tertumpu – *they will not be that easy either*. Cuma saya hendak maklumkan bahawa gerakan-gerakan anti Islam ini adalah gerakan yang bersepudu. Semalam pun saya berjumpa dengan dua, tiga orang NGO yang datang daripada UK. Kadangkala kalau *you browse* di Google, *you just type* Islam peringkat mula, *it will come out* Islam adalah *the religion of none tolerance and peace*.

■1100

Even dari segi orang kata *provocation* melalui alam maya yang mewarnai pemikiran supaya anti Islam ini berlaku dengan agak *rampant*. Oleh sebab itulah kalau hendak kira dari segi usaha-usaha menangani *Islamic phobia* ini, *it cannot come from one perspective*. GMM

adalah salah satu daripadanya. Saya hendak kata GMM ini kata gagal, tidak. GMM dijemput oleh beberapa negara untuk datang. untuk berkongsi untuk menjadi *co-sponsor* dan *co-organizer* di Sri Lanka *and then* India. Terbaru ini baru seketika saya menghadiri mesyuarat di OIC, negara seperti Maldives juga mohon– dan termasuk juga daripada Kyrgyzstan dengan negara di *central Asia*. So, dari segi peranan GMM saya tidak lihat bahawa ia tidak relevan.

Akan tetapi pada waktu yang sama apabila soalan Yang Berhormat tentang berkaitan dengan *Islamic phobia will not be able to be fought against it from one perspective alone. It has got to be in multiple perspectives*. Saya fikir bahawa ia tidak boleh dilakukan oleh Malaysia bersendirian. *It has got to be a collective by the whole– not just Islamic countries, but also the non-islamic countries. So that, the real teaching of Islam will finally prevail.*

4. Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah wabak penyakit rabies di Sarawak. Adakah jangkitan rabies berasal dari Kalimantan Indonesia. Apakah tindakan akan diambil oleh Jabatan Imigresen di sempadan Sarawak-Indonesia.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan empat soalan lain yang menyentuh isu berkaitan rabies iaitu Tuan Wong Ling Biu dari Sarikei - 25 Julai 2017. Yang Berhormat Lanang - 27 Julai 2017, Yang Berhormat Bandar Kuching - 27 Julai 2017 dan Yang Berhormat Kota Samarahan - 9 Ogos 2017.

Tuan Yang di-Pertua, pada 1 Julai 2017 tahun ini, Kementerian Kesihatan telah memaklumkan bahawa terdapat kes rabies dari daerah Serian di Sarawak yang di sahkan melalui ujian makmal pada 30 Jun 2017. Sehingga 17 Julai tahun ini sehingga sekarang, terdapat lima kes rabies di Serian, Sarawak dan kesemuanya telah meninggal dunia. Tiada kes rabies baru di laporkan di Serian, Sarawak selepas itu dan tiada kes rabies dalam kalangan manusia di negeri-negeri lain di Malaysia.

Kes terakhir rabies dalam kalangan manusia di Malaysia berlaku pada tahun 1998 dan sejak itu tiada kes rabies dilaporkan sehingga laporan baru iaitu pada 1 Julai 2017, iaitu kes yang telah dilaporkan di Serian. Malaysia telah diisyiharkan bebas daripada rabies dalam kalangan anjing pada tahun 2013. Namun begitu, risiko jangkitan masih wujud kerana terdapat kes rabies dalam kalangan haiwan di negara-negara jiran kita seperti Indonesia dan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit rabies adalah disebabkan oleh satu jangkitan virus daripada haiwan, contohnya anjing dan kucing yang dijangkiti rabies. Rabies berjangkit melalui air liur, cairan atau tisu tubuh yang dipindahkan daripada haiwan tersebut kepada manusia melalui gigitan.

Masa inkubasi rabies adalah tiga minggu sehingga ke dua bulan daripada gigitan haiwan tersebut sehingga timbul gejala. Individu yang dijangkiti rabies akan mengalami tanda *clinical* seperti demam, sakit badan dan sakit kepala, *hydrophobia*, lumpuh dan koma. Rabies adalah penyakit yang menyebabkan kematian hampir-hampir 100 peratus sekiranya tanda *clinical* penyakit telah timbul. Rabies hanya boleh menjangkiti manusia melalui gigitan haiwan, terutamanya anjing. Oleh itu kawalan dan pencegahan wabak rabies perlu bermula dengan kawalan haiwan. Bagi wabak rabies di Serian, Sarawak, kementerian telah melaksanakan tindakan kawalan dan pencegahan wabak rabies dengan tindakan-tindakan berikut:

- (i) Untuk membuka bilik gerakan untuk memantau kejadian dan menyelaras aktiviti kawalan dan penjagaan wabak.
- (ii) Pengurusan kes jangkitan rabies.
- (iii) Memperkuatkan pengurusan kes gigitan anjing dan haiwan liar.
- (iv) Mengukuhkan aktiviti *surveillance*, pemantauan kes gigitan anjing dan haiwan liar bagi kawasan bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia.
- (v) Pengeluaran *health alert* kepada semua pengawal perubatan.
- (vi) Menyediakan *stockpile vaccine* anti rabies dan Rabies Immunoglobulin yang mencukupi di Hospital Serian dan Hospital Umum Sarawak.
- (vii) Meningkatkan aktiviti pendidikan kesihatan berkaitan penyakit rabies dan langkah pencegahannya.

Selain itu, bermula pada 1 Julai 2017, kementerian telah pun melaksanakan aktiviti pengesanan kes secara aktif (*active case detection*), kes gigitan anjing sehingga sepuluh kilometer radius di sekitar kawasan yang diisyiharkan sebagai kawasan jangkitan rabies di Serian, Sarawak ataupun kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya. Kementerian juga telah dan akan terus bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sarawak dan agensi-agensi lain berkaitan dalam memastikan jangkitan virus rabies dalam kalangan manusia dan juga haiwan dapat di kawal dan tiada penularan berlaku secara berterusan. Terima kasih.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Soalan tambahan. Untuk menangani masalah rabies ini saya mendapati kerajaan ada beberapa kekurangan. Pertama, kekurangan kakitangan dari kerajaan tempatan untuk menangkap anjing liar. Adakah kerajaan bercadang untuk menggerakkan pasukan bomba atau pasukan tentera untuk membantu kerajaan tempatan untuk menangkap anjing liar? Itu soalan pertama. Soalan kedua ialah adakah vaksin di Sarawak mencukupi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Satu soalan sahaja Yang Berhormat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Semua dalam satu soalan. Adakah vaksin di Sarawak mencukupi untuk menangani isu vaksin rabies ini? Satu lagi ialah apakah SOP untuk merawat penyakit rabies ini? Saya mendapati bahawa kelima-lima mangsa si mati itu tidak pernah diberikan suntikan vaksin. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menangani wabak rabies yang ada di Sarawak, khususnya di Serian dan sekarang sudah sampai ke kawasan-kawasan yang lain ini. Kerjasama telah diwujudkan di antara beberapa agensi. Satu ialah Kementerian Kesihatan, kedua Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Kementerian Pertanian dan Asas Tani. Ketiga ialah Kerajaan Negeri Sarawak sendiri dan melalui kerjasama daripada agensi-agensi berkaitan memang banyak yang telah dibuat untuk meningkatkan semua kemudahan, termasuk *personel*, termasuk kemudahan-kemudahan lain seperti *stockpile vaccine* dan *Immunoglobulin* yang mencukupi untuk menghadapi wabak ini. Di dalam perkara memastikan bahawa ada tenaga kerja yang mencukupi untuk menangani isu berkaitan dengan mengawal dan menangkap anjing liar contohnya, di bawah Kerajaan Negeri Sarawak. Kerajaan Negeri Sarawak telah menubuhkan satu jawatankuasa khusus di bawah Timbalan Ketua Menteri mereka sendiri yang berjumpa— saya diberitahu tiap-tiap hari untuk melihat kepada keadaan, ambil tindakan dan menggerakkan *personel* daripada agensi-agensi yang lain untuk memastikan isu ini dikawal.

Saya memberitahu Dewan yang mulia ini, kerajaan memang memahami keberatan isu ini dan sedang mengambil segala langkah-langkah yang sepatutnya diambil untuk memastikan ia boleh dikawal. Tentang isu vaksin, memang ada vaksin diperlukan yang digunakan untuk manusia adalah lain, yang digunakan untuk haiwan adalah lain. So, kementerian-kementerian kesihatan mempunyai bekalan yang mencukupi untuk vaksin untuk kegunaan manusia. Jabatan Veterinar dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak telah menyediakan vaksin yang mencukupi untuk digunakan di kalangan haiwan. So, kadang-kadang perkara yang timbul seolah-olah tiada bekalan vaksin yang mencukupi itu tidak betul.

■1110

Tentang apa SOP yang digunakan oleh pegawai perubatan untuk merawat ini, mereka menggunakan bukti-bukti sains untuk membuat itu. Adakah memberi vaksinasi selepas mendapat gejala-gejala itu akan mendapat faedah atau tidak, itu adalah satu keputusan yang akan dibuat oleh para doktor yang menjaga mereka. Kalau tiada faedah langsung, mungkin mereka tidak... Tetapi sebenarnya pada kes-kes yang diperlukan *vaccination* atau menggunakan apa yang digunakan *immunoglobulin* sebagai satu *passive protection* terhadap gigitan itu digunakan di keadaan-keadaan di mana para profesional memberi pandangan bahawa daripada segi bukti sains ia akan bantu mereka. Terima kasih.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Soalan tambahan.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang di-Pertua, ini krisis di Kuching.

Kalau boleh, satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sibuti.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sibuti? Jauh sangat. *[Ketawa]*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Ini Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sibuti mana ada. Belum sampai sana lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibuti.

Seorang Ahli: Bagilah tanya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sampai Kuching sudah. *[Ketawa]*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *Crisis in Kuching.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payah protes Yang Berhormat. Duduk, duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Satu lagi tambahan.

Beberapa Ahli: Duduklah, duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kawasan kita pun banyak anjing liar. *[Disampuk]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching, duduk Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Apa yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri ialah yang memelihara anjing-anjing yang besar, yang kecil, yang cantik, yang molek ini, kadang-kadang mereka ini melepaskan anjing ini keluar untuk mengawan. Apabila mereka mengawan, tentulah ada simptom-simptom gigitan dan untuk jangkitan-jangkitan rabies ini.

Apakah tindakan kerajaan, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Sibu tadi, bahawa tidak cukup kakitangan daripada majlis-majlis untuk menangkap dan memberi vaksinasi kepada anjing-anjing ini sehingga mereka boleh berkeliaran di sekolah-sekolah di

mana anak-anak sekolah kita ramai. Itu yang kita takut. Kalau anak-anak kita kena gigitan ini, berbahaya, terlalu berbahaya. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, isu kawalan haiwan ialah di bawah Jabatan Veterinar dan pihak berkuasa tempatan. Walaupun demikian, daripada perbincangan yang kita ada bersama dengan semua agensi berkaitan di dalam mesyuarat ini, pendekatan terhadap anjing liar dan anjing peliharaan yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan atau jabatan haiwan ini di situasi yang biasa dan di situasi selepas wabak rabies ini memang berbeza.

So, dengan mengambi kira ini, jabatan haiwan dan Jabatan Veterinar dan pihak berkuasa tempatan telah menasihatkan bahawa semua orang yang ada memelihara anjing, kalau boleh khususnya di lokaliti-lokaliti yang telah diumumkan, dapat vaksinasi untuk rabies daripada pihak-pihak bertanggungjawab.

Untuk anjing yang liar, ada pendekatan-pendekatan yang berbeza. Ada yang ditangkap, dilihat adakah anjing itu mempunyai simptom-simptom atau tanda-tanda yang menunjukkan bahawa ada penyakit rabies. Kalau ada tanda-tanda, mereka akan mengambil tindakan mengikut SOP yang telah ditetapkan. Kalau tiada ada tandatangan, terpulang kepada pejabat haiwan dan pihak berkuasa tempatan berasaskan kepada SOP mereka untuk melaksanakan pendekatan yang paling sesuai. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak perlu bising-bising ya. Saya tahu *magnitude of this problem*, sebab itu saya bagi soalan yang ketiga kepada Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Thank you. Thank you, Mr. Speaker.* Ya, soalan saya. Tadi Yang Berhormat Menteri kata di mana ada kesan itu anjing yang dijangkiti itu *rabies virus*, ada satu kawasan 10 kilometer yang akan di-declare sebagai kawasan *rabies affected area*. Maka, dua hari lalu, beberapa anjing yang dijangkiti *rabies virus* ini telah dijumpai di Jalan Semaba, *fourth miles*, Kuching. Maka ini bermaksud bahawa segala Bandar Kuching sekarang adalah diklasifikasikan sebagai *rabies affected area*. Saya masih lihat ada banyak itu anjing liar yang berleluasa di Bandar Kuching. Apakah yang kementerian atau kerajaan akan mengambil tindakan terhadap perkara ini? Saya dimaklumkan bahawa kakitangan-kakitangan di *council* MBKS, DBKU, MPP semua tidak cukup untuk tangkap itu anjing-anjing liar. Itu soalan pertama

Kedua, saya pun telah dimaklumkan bahawa ada ketidaksudian doktor-doktor untuk memberi itu vaksin *immunoglobulin* untuk mereka yang digigit oleh anjing. Ini kerana semalam sahaja, seorang bekas ADUN Sarawak yang telah digigit anjing satu bulan sebelum itu, dia

pergi ke hospital tiga kali, ketiga-tiga kali doktor tidak mahu beri dia itu *injection* untuk itu vaksin rabies. Apakah sebab-sebabnya ini boleh berlaku? Adakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukup.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini kerana apa yang saya dimaklumkan, *once you can detect the symptom, you are gone, you cannot be save, you are dead. Once you detect the symptom, you are dead. But before the symptom is develop, the doctor would not want to give vaccine.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Adakah itu sebab vaksin mencukupi? Definisi mencukupi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Inilah tak boleh diterima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching, duduk Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Oleh itu, saya ingin meminta penjelasan.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Kena saya jawab soalan ini bagi pihak agensi-agensi yang lain juga. Kerajaan dan semua agensi yang bertanggungjawab selain daripada Kementerian Kesihatan, jabatan haiwan dan pihak berkuasa tempatan, Kerajaan Negeri Sarawak, semua faham tentang keberatan selepas anjing dikesan positif untuk rabies berhampiran dengan Bandar Kuching. Memang kita tahu bahawa di dalam satu *urban setting* di mana ada rumah yang banyak di mana mungkin pemeliharaan anjing pun begitu tinggi, risiko untuk penularan penyakit ini lebih kuat daripada apa yang mungkin berlaku di dalam kampung-kampung di mana rumah itu jauh daripada satu tempat yang lain.

Dengan mengambil kira perkara ini, kerjasama yang ada di antara agensi-agensi dalam kerajaan khususnya melalui kementerian Kerajaan Negeri Sarawak yang ada jawatankuasa yang telah diwujudkan di mana Timbalan Ketua Menteri mereka yang mempengerusikan jawatankuasa ini, mereka telah mewartakan kawasan-kawasan yang berkaitan. Kalau ada keperluan, saya ingat kerajaan mesti mengambil langkah-langkah untuk mengerahkan tenaga kerja daripada kawasan-kawasan daripada Sarawak yang lain kepada kawasan Bandar Kuching untuk memastikan aktiviti-aktiviti pengawalan itu boleh dilakukan secara menyeluruh dan secara mencukupi.

Tentang rawatan yang diberi oleh doktor, saya sudah jawab soalan ini. Ini diasaskan kepada bukti-bukti sains. Contohnya, daripada *evidence* sains ini, *immunoglobulin* ini cuma

diberi— ia punya kesan ialah kalau digigit daripada anjing yang mempunyai rabies dan semasa luka itu masih *current*, baru punya luka, bukan lama punya luka, di masa itu sahaja bila *you* gunakan *immunoglobulin* itu, ia berkesan. Kalau luka tiga minggu, empat minggu yang lalu itu, beri *immunoglobulin* atau tidak beri, tiada berbeza.

■1120

So, doktor kena membuat apa-apa cara rawatan yang digunakan oleh mereka diasaskan kepada bukti sains kerana kita pun tahu vaksinasi rabies ini bukan satu vaksinasi yang biasa. Kadang-kadang kesan sampingan daripadanya untuk orang yang sihat dan tiada risiko langsung itu boleh jadi lebih teruk daripada kesihatan mereka itu sendiri. So, doktor kena mengambil langkah-langkah yang baik untuk membuat keputusan diasaskan kepada bukit sains untuk memberi perlindungan kepada mereka yang memerlukan rawatan. Terima kasih.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat, perkara 36 nombor 12. Boleh? Peraturan mesyuarat. Tadi Yang Berhormat Menteri telah mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak perlu Yang Berhormat. Saya menjemput Yang Berhormat Datuk Wilson Ugak.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Ini peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Menteri telah mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, berikan saya *explanation*. Bagi saya peluang untuk- Ini peraturan mesyuarat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak ada isu yang mengelirukan Dewan Yang Berhormat

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang di-Pertua belum dengar apa yang saya cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya *rule* tiada pelanggaran 36(12).

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Akan tetapi tadi Yang Berhormat kata ada vaksin yang mencukupi tetapi sebenarnya tidak mencukupi. *Give me a chance to explain*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: You just gunakan peraturan mesyuarat untuk bertanya soalan Yang Berhormat. Sudah habis ya Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Okay, but you have not listened to my explanation. How can you not listen to my explanation?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Perkara 36(12).

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Duduklah.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tadi Yang Berhormat Menteri cakap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya sudah rule tiada pelanggaran.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *But you have not listened to my question, how can you rule?*

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat Stampin, duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Sit down please* Yang Berhormat Hulu Rajang.

Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 5.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Perkara 36(12) telah dirule, dipetuakan oleh Tuan Yang di-Pertua, perkara yang diulang-ulang dengan niat dan sebagainya tidak ada pelanggaran.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *But you did not listen to my...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *That is the reason why I said* tiada pelanggaran.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *You must understand what this 36(12)...*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *But you must understand what I am trying to say.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *You sit down!*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *I don't even say my statement, how can you say that is wrong? Cannot be applied?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *I am telling you that 36(12) perlu diperhatikan secara terperinci. You don't simply take the quote 36(12). You must understand what is 36(12).*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *Saying that...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: ...Menteri mesti berulang-ulang ada niat jahat dan sebagainya walaupun telah dibagi tahu bahawa dia masih berulang-ulang. *That is why I said you sit down, tiada pelanggaran because...*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: ...apply to 36(12).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *You sit down.*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *You ask me to sit down, you don't even listen to my explanation.*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak apa Tuan Yang di-Pertua, itu...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: You don't even listen to my explanation.

5. **Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sejauh mana kerjasama di antara Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Luar Negeri untuk menyelesaikan kes-kes yang melibatkan warganegara Malaysia terutamanya kes kemalangan pekerjaan dan aduan penipuan yang dilaporkan di luar negara kepada kedua-dua Kementerian tersebut.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab kepada soalan nombor 5, sebagai ahli atau wakil rakyat bagi kawasan Parlimen Serian yang telah disebut-sebutkan tadi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua agensi kerajaan yang telah bekerja bertungkus-lumus yang untuk memastikan wabak penyakit *rabies* yang telah berlaku di Serian sekarang dalam keadaan terkawal. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Boleh penjelasan? Ini kerana ini luar tajuk, saya pun masuk jugalah. Ada luar tajuk, jadi saya pun masuk. Dia ada tambahan itu...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ini Yang Berhormat Bandar Kuching sudah kena *rabies*.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa *rabies*? Siapa itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, jawapan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sana *rabies*?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Ini satu krisis, jangan main-main.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, jangan main-main.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Nyawa sudah terkorban. *This is crisis status*.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *From Dewan*, kerajaan kata sudah terkawal...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *This is Parliament*.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *I know this is Parliament, but...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *This is not JKK meeting, this is Parliament*. Peraturan.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *How can you disturb Minister when Minister is answering the question?*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *But the Minister said outside the peraturan mesyuarat, so we can do likewise. We ask penjelasan boleh?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, teruskan dengan jawapan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *From day one, the government had said it's under control, under control but it is out of control.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching, *you're out of order.* Yang Berhormat Bandar Kuching, *you're out of order here.*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang di-Pertua, *the statement says it is not enough vaccine but Yang Berhormat Menteri say got enough vaccine.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Stampin, sila keluar Dewan Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *Why you ask me keluar Dewan? I am raising a crisis? This is a crisis in my kawasan, people have died.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Keluar Dewan.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *The statement in newspaper said there is not enough vaccine, but the Minister said they got enough vaccine.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sila patuh pada peraturan. Sila keluar Dewan.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Saya keluar. *I use perkara Dewan, peraturan mesyuarat. This is nonsense!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bentara, keluarkan Yang Berhormat Stampin. Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada soalan nombor 5 yang telah diajukan oleh Ahli Yang Berhormat Hulu Rajang, Kerajaan Malaysia melalui perwakilannya iaitu perwakilan Malaysia di luar negara iaitu sama ada kedutaan besar, suruhanjaya tinggi, konsulat jeneral atau konsulat amat prihatin dan sentiasa peka dengan kebijakan warganegara Malaysia yang berada di luar nagara. Pada masa ini, terdapat 4 orang atase buruh atau *labour attaché* di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu di Singapura, Jakarta, Chennai India dan juga di Pejabat Bangsa-bangsa Bersatu di Geneva. Kesemua pejabat atase buruh ini ditempatkan di pejabat konsular atau Kedutaan Malaysia di negara terbabit.

Kementerian Sumber Manusia mempunyai hubungan yang amat rapat dengan Kementerian Luar Negeri kerana semua atase buruh beroperasi di bawah penyeliaan suruhanjaya tinggi atau kedutaan. Sebagai contoh di Singapura, mesyuarat mingguan yang dipengerusikan oleh suruhanjaya tinggi diadakan di mana atase buruh akan melaporkan dan membentangkan kes-kes pampasan serta membincangkan isu-isu berbangkit. Kementerian Luar Negeri akan memberi bantuan yang sewajarnya bagi menyelesaikan isu-isu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kes-kes seperti kemalangan pekerjaan dan aduan penipuan ada diterima oleh perwakilan Malaysia dari semasa ke semasa. Dalam hal ini, sekiranya terlibat kes penipuan, rakyat Malaysia yang terlibat dinasihatkan untuk melaporkan kepada pihak berkuasa tempatan dan merujuk kepada agensi kerajaan yang mengendalikan isu pekerja termasuklah kebajikan pekerja-pekerja asing di sesebuah negara. Penyelesaian sesuatu kes adalah berdasarkan undang-undang buruh negeri berkenaan. Sekiranya sesuatu pertikaian melibatkan pekerja dengan syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negara, pihak perwakilan akan menasihati kedua-dua pihak agar merundingkan penyelesaian bersama bagi menjaga nama baik Malaysia di luar negara.

Menyentuh mengenai kes kemalangan pekerjaan, pihak perwakilan akan memantau keadaan kesihatan mangsa dan melaporkannya kepada keluarga di Malaysia. Bil perubatan dan tanggungan proses pemindahan atau *medical evacuation* ke Malaysia atau negara ketiga adalah tanggungjawab majikan. Sekiranya terdapat isu dengan majikan, urusan pembayaran bil perubatan perlu diaturkan dengan syarikat insurans atau ahli keluarga. Pendekatan yang sama turut terpakai untuk kes-kes kematian di tempat kerja.

■1130

Pihak perwakilan akan menghulurkan bantuan konsuler khasnya urusan dokumentasi dengan pihak berkuasa tempatan sebelum dihantar pulang ke Malaysia.

Rakyat Malaysia Tuan Yang di-Pertua, adalah dinasihatkan untuk menyelidik terlebih dahulu mengenai bakal majikan dan bidang tugasan sebelum menerima tawaran bekerja di luar negara. Mana-mana rakyat Malaysia yang ingin bekerja di luar negara juga perlu mendapatkan visa atau permit kerja yang sah daripada kedutaan asing atau pihak berkuasa imigresen sesebuah negara. Kegagalan untuk berbuat demikian akan mendedahkan mereka kepada penipuan, eksloitasi dan risiko ditangkap dan dikenakan tindakan undang-undang oleh sesebuah negara. Pada masa yang sama, rakyat Malaysia yang akan keluar negara disarankan untuk mengambil insurans perubatan sebagai persediaan dalam menghadapi insiden yang tidak diingini seperti kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kes-kes yang melibatkan penipuan oleh ejen atau agensi pekerjaan swasta (APS), pihak kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) akan menjalankan siasatan lanjut. Sekiranya terbukti kesalahan-kesalahan tersebut dilakukan oleh agensi pekerjaan swasta, maka tindakan pendakwaan atau pembatalan lesen boleh diambil terhadap agensi pekerjaan swasta (APS) berkenaan. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak yang terlibat melakukan penipuan adalah merupakan APS atau ejen yang tidak berlesen, tindakan lanjut untuk mengesan APS berkenaan perlu dilakukan sebelum tindakan pendakwaan dapat diambil. Isu penipuan pekerja kebiasaannya melibatkan ejen di Malaysia, di mana ejen-ejen ini memberi gambaran palsu kepada bakal-bakal pekerja. Terima kasih.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri yang terperinci sekali.

Tuan Yang di-Pertua, ramai rakyat dari kawasan saya iaitu Hulu Rajang, saya ingat ramai juga dari Parlimen Kapit, Parlimen Kanowit, Parlimen Limbang, Parlimen Julau yang bekerja di luar negara. Ini kerana kebanyakan kem pembalakan di kawasan kita sudah berkurangan. Mereka terpaksa mencari kerja di luar negara bagi mencari rezeki dan juga mencari sesuap nasi di negeri orang. Jadi itu untuk kepentingan keluarga mereka.

Saya beri contoh kepada Yang Berhormat Menteri, satu kes kemalangan maut menimpa Encik Tagong anak Bruna pada 25 Julai 2012 dan kes ini telah dirujuk kepada kementerian/DP/7/130 dan rujukan kepada Kementerian Luar Negeri SR/166ATO(S384-4). Jadi atas kematian ini, pembayaran insurans sampai sekarang belum selesai lagi. Saya menerima surat Yang Berhormat Menteri daripada isteri beliau. *Can I read here*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Akan tetapi perlu ringkaskan soalan Yang Berhormat.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Okey. Jadi saya mintalah, apakah bentuk tindakan diambil oleh Kementerian Sumber Manusia ke atas ejen-ejen tempatan yang menipu rakyat – undang-undang, supaya dapat dikenakan tindakan kepada ejen-ejen yang menipu ini untuk membawa pekerja kita keluar negara? Sekian, terima kasih

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada wakil dari Hulu Rajang iaitu Yang Berhormat Datuk Wilson Ugak anak Kumbong di atas keprihatinan beliau akan kes tersebut. Akan tetapi dukacita dimaklumkan bahawa surat itu belum lagi sampai ke tangan saya, mungkin di tangan pegawai. Maka saya akan memastikan bahawa surat itu akan sampai ke tangan saya dalam masa dua, tiga hari ini. Kita akan menjawab dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Mengenai kes penipuan, telah saya sebutkan tadi bahawa apa jua penipuan yang berlaku – satunya, kalau ia berlaku di luar negara kita harus melaporkan kepada pihak berkuasa tempatan. Selepas itu kita juga harus melaporkan kepada atase buruh yang berada di negara-negara di empat negara yang telah saya sebutkan sebentar tadi. Di dalam kes di mana kita tidak mempunyai atase buruh atau *labor attaché* kita boleh terus merujuk kepada kedutaan kita di negara-negara tersebut.

Jadi apa yang saya ingin tambah di sini iaitu kalau penipuan itu seperti mana insurans sehingga kini belum dapat dilangsangkan, sebenarnya di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta dan di bawah Jabatan Tenaga Kerja. Kalau untuk di Semenanjung, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, untuk Sarawak kita mempunyai Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sarawak. Kalau di Sabah, Jabatan Tenaga Kerja Sabah. Maka dengan surat itu kita

mengambil tindakan yang sewajarnya. Kalau memang terdapat kes-kes penipuan atau penipuan telah berlaku maka kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sarawak boleh membatalkan lesen-lesen syarikat yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berdasarkan kepada soalan dan jawapan yang saya dengar tadi, maka saya memahami bahawa bukan semua negara mempunyai atase buruh. Maka boleh tidak Yang Berhormat Menteri menerangkan atas dasar apa pilihan yang dibuat di negara-negara mana yang ada atase buruh? Apabila diadakan jawatan atase buruh itu dalam usaha untuk menjaga kepentingan pekerja Malaysia yang bekerja di luar negara, sejauh mana perkhidmatan yang disediakan ya?

Sebagai seorang yang pernah bekerja di luar negara, kalau kita dapat kita menghadapi masalah dengan majikan ataupun *claim insurance* dan sebagainya, kadangkala rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara ini dia tidak ada kenalan dalam bidang guaman. Hendak cari peguam yang baik, yang boleh diyakini dan sebagainya, adakah pihak atase buruh di kedutaan kita menyediakan iaitu senarai peguam-peguam ataupun khidmat guaman daripada peguam-peguam yang tertentu untuk membantu pekerja kita, pekerja Malaysia ini yang berada di luar negara. Ini kerana dia tidak kenal, *he is not - dengan izin, he is not familiar with people who are practicing law, who are the good lawyers, who are the trustworthy lawyers* dan sebagainya. Di situ saya rasa satu perkara yang amat penting seperti mana yang kes hendak buat tuntutan daripada insurans. Apabila dia nampak ini orang luar negara, *the foreigner* dia lengah-lengahkan. Akhirnya boleh menimbulkan masalah. Harap boleh memberi jawapan, terima kasih.

■1140

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian]: Ya. Kita hanya mempunyai *labour attaché* atau *attaché* buruh di empat buah negara. Mengapa? Ini kerana kita setakat ini belum mampu untuk mempunyai '*author*' ataupun untuk menempatkan *attaché* buruh di kesemua negara di mana kita mempunyai kedutaan dan ia berdasarkan kepada jumlah pekerja—jumlah pekerja negara kita di tempat-tempat berkenaan. Sebagai contoh, saya mengambil di sini bilangan pekerja yang paling ramai di negara kita adalah dari Indonesia. Diikuti dengan—setelah Jakarta saya telah menyebut yang paling ramai. Chennai juga kita mempunyai atau India kita juga mempunyai jumlah pekerja yang ramai yang bekerja di Malaysia. Lepas itu, kita mempunyai—sememangnya di Geneva kerana *international labour organization* dia punya *headquarters* atau ibu pejabatnya adalah ditempatkan ILO *headquarters* adalah ditempatkan di Geneva.

Oleh yang demikian, kita mahu tidak mesti menempatkan *lebour attaché* kita di Geneva. Tentang Singapura, *we must not forget* kita setakat ini kita mempunyai lebih 300 pekerja Malaysia yang 300,000 pekerja Malaysia yang bekerja di Singapura. Maka, untuk menjawab soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi. Kita menempatkan *labour attaché* atau *attaché* buruh ke empat buah negara ini iaitu berdasarkan kepada jumlah pekerja yang datang dari tempat itu atau yang pergi untuk bekerja di negara tersebut. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan sijil atau cap "TIDAK HALAL" ke atas barang-barang yang diharamkan kepada umat Islam secara menyeluruh, bagi memudahkan pengemarannya kepada para pengguna.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]: *Bismillahi Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sentiasa peka dan amat prihatin terhadap keperluan orang ramai untuk mendapatkan makanan dan minuman yang halal. Sungguhpun pensijilan halal Malaysia yang dijalankan ketika ini, adalah bersifat sukarela dan terbuka kepada semua pemohon tanpa mengira status agama mahupun bangsa hanya pemohon yang memenuhi syarat dan mematuhi segala prosedur yang ditetapkan sahaja layak untuk diberikan Sijil Pengesahan Halal Malaysia atau singkatannya SPHM.

Pemohon yang layak akan diberikan sijil pengesahan halal ini dan kebenaran menggunakan logo halal pada produk dan perkhidmatan yang dinyatakan di dalam SPHM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Peruntukan mengenai kawalan pensijilan logo dan tanda halal adalah di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 atau APD 2011 di bawah perintah Perihal Dagangan Perakuan dan Penandaan Halal dan Takrif Halal 2011. APD 2011 memperakukan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sebagai pihak berkuasa berwibawa dalam memberi pengesahan halal di Malaysia. Ini bermakna JAKIM dan MAIN ataupun JAIN hanya mengeluarkan sijil pengesahan halal sahaja. Oleh itu, tiada peruntukan undang-undang yang membenarkan pihak kerajaan mengeluarkan sijil tidak halal atau sijil haram ke atas produk atau barang-barang yang diharamkan.

Dalam hal ini, masyarakat pengguna perlulah peka dan bijak dalam memilih barang-barang keperluan mengikut garis panduan syarak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan. Saya tahu

bahawa permohonan untuk mendapatkan sijil halal adalah sukarela. Cuma apa yang saya ingin kemukakan dari segi cadangannya adalah untuk kerana pensijilan halal ataupun mengetahui sesuatu barang itu halal adalah sesuatu yang sangat penting khususnya pada pengguna Muslim. Apa yang saya nampak sebenarnya banyak produk yang ada di Malaysia ini lebih banyak yang halal daripada yang haram.

Apa yang saya ingin cadangkan ialah apakah tidak pihak kerajaan memikirkan untuk kita memberikan ataupun mengenakan ataupun meletakkan sijil tidak halal ke atas barang-barang yang jelas tidak halal berbanding dengan sijil halal. Ini kerana ia lebih mudah dan ia lebih sedikit berbanding dengan produk-produk yang halal. Saya merasakan cop tidak halal itu pun ia tidak akan mendorong untuk dipalsukan kerana ia tidak digalakkan dan dalam *al-Quran* sendiri pun perkara yang tidak halal itu sangat sedikit berbanding dengan apa yang dihalalkan yang sengaja tidak disebut oleh *Allah SWT*. Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya nyatakan tadi buat masa ini kerajaan tidak memikirkan akan keperluan untuk kita memperkenalkan suatu bentuk cop ataupun pensijilan tidak halal. Ini kerana untuk pengetahuan seperti yang saya sebutkan tadi, kaedah ataupun pendekatan yang kita gunakan hari ini pun di bawah APD 2011 dia ialah merupakan satu bentuk sukarela dan dalam konteks sukarela ini pun hari ini *alhamdulillah* kita dapat menyaksikan kecenderungan banyak sekali syarikat-syarikat dan industri-industri yang mahu mendapatkan tanda pengesahan ataupun sijil pengesahan logo halal ini daripada pihak JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri. Kenapa? Kerana tahap kesedaran masyarakat dan rakyat secara keseluruhannya sudah meningkat.

Cuma dalam konteks untuk memperkenalkan pula sijil tidak halal ia akan bertentangan dengan konsep kesukarelaan tadi. Saya kira dan juga dalam konteks negara kita yang berbilang agama dan berbilang kaum ini, kita menggunakan prinsip supaya rakyat itu mempunyai tahap keprihatinan, kepekaan dan kecenderungan untuk memaksa akhirnya akan memerlukan syarikat-syarikat yang mahukan produknya disahkan. Maka, mereka akan pergi ke JAKIM secara sukarela untuk mendapatkan pengesahan sijil halal ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri berapa kekerapan pihak-pihak berkuasa yang memeriksa syarikat-syarikat yang ada sijil halal ini supaya tidak berlaku pengimportan barang-barang yang bercampur seperti yang berlaku di Tanjung Pelepas baru-baru ini. Kekerapan pemeriksaan untuk menentukan bahawa halal itu akan berterusan. Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dalam konteks penguatkuasaan dan pemantauan, bagi syarikat-syarikat yang telah mendapatkan sijil halal kita mempunyai beberapa agensi yang bekerjasama secara holistik dan komprehensif. Termasuklah kementerian-kementerian yang bertanggungjawab dan juga

Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan juga JAKIM yang diberikan kuasa di bawah APD 2011 ini.

Dalam konteks ini ada dua peringkat pemantauan dan kategori. Bagi kategori yang dianggap sebagai kritikal seperti rumah-rumah penyembelihan ataupun premis-premis makanan yang dikenal pasti sudah berlaku kekerapan perlanggaran kepada peraturan-peraturan yang disyaratkan apabila mereka telah memiliki Sijil Pengesahan Halal ini. Biasanya pemantauan ini akan dilakukan lebih kerap. Sebulan, dua bulan sekali akan dilakukan oleh pihak JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri. Manakala yang tidak kritikal, secara rutinnya setiap syarikat dan industri yang mendapat sijil halal mereka akan dipantau dan diaudit tanpa dimaklumkan terlebih dahulu. Maknanya, dia buat secara serta-merta. Ini sekurang-kurangnya satu kali dalam setahun. Ini di bawah JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri.

Manakala, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Ia dijalankan secara berterusan oleh pihak MAQIS, oleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, oleh pihak kastam di pelabuhan-pelabuhan. Ini kerana ada juga syarikat-syarikat pengimport ini yang tidak pun mendapat logo ataupun pensijilan halal ataupun mendapat pengesahan halal oleh pihak-pihak berautoriti.

■1150

Jadi inilah antara perkara-perkara yang dilaksanakan dan akan terus dilakukan oleh pihak berkuasa secara bersama, secara sinergi dan secara komprehensif. Sekian, terima kasih.

7. Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan sama ada kementerian dapat mempertimbangkan untuk membina kilang-kilang sawit khas untuk pekebun-pekebun kecil sawit di Sarawak supaya mereka dapat menjual buah sawit dengan harga yang berpatutan mengikut harga pasaran.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perniagaan dan operasi kilang sawit adalah dijalankan oleh pihak swasta dan kementerian tidak bercadang membina kilang-kilang sawit khas untuk pekebun kecil.

Sehingga 30 Jun 2017, terdapat 81 buah kilang sawit sedang beroperasi di Sarawak dan daya pemprosesan sebanyak 21,937,000 tan setahun. Manakala terdapat tujuh buah kilang lagi yang sedang dalam proses pembinaan dan dengan daya pemprosesan sebanyak 1,540,000 tan. Oleh itu, jumlah keseluruhan kapasiti diluluskan di Sarawak adalah sebanyak 23,477,000. Dalam hal ini, bilangan kilang sawit di Sarawak adalah mencukupi pada ketika ini dengan mengambil kira jumlah buah tandan sawit (FFB) yang diproses di kilang-kilang sawit

di Sarawak pada tahun 2016 sebanyak 17,909,260 tan dan sebanyak 9,076,228 tan bagi tempoh Januari dan Jun 2017.

Walau bagaimanapun kementerian boleh mempertimbangkan pembinaan tambahan kilang sawit di Sarawak tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Antara lain, pengilang hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 4,000 hektar kawasan ladang yang telah ditanam dengan sawit dan akan mengeluarkan hasil apabila kilang dijangkakan beroperasi serta sumber bekalan FFB berada di dalam lingkungan 200 kilometer dari kilang tersebut. Ladang sawit ini boleh terdiri daripada satu ladang sendiri, kumpulan subsidiari sekutu dan atau ladang atau kebun luar yang mengemukakan surat perjanjian jangka panjang melebihi tiga tahun bekalan FFB dan tidak terikat atau bertindih dengan perjanjian bekalan FFB pada mana-mana kilang sawit yang lain. Sekian, terima kasih.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri yang memang jelas berkenaan dengan pembinaan lebih banyak lagi kilang-kilang sawit di Sarawak. Saya faham kapasiti kilang sawit memang mencukupi tetapi masalah sekarang adalah pekebun-pekebun kecil ini membuat *complaint* pada kita bahawa harga sawit mereka, FFB mereka yang dijual kepada *collection centres* ataupun pusat timbang sawit adalah terlalu rendah. Lebih kurang dalam RM140, RM150 setan, kurang daripada harga yang di kilang.

Ini yang membuat mereka sangat tertekan. Jadi satu daripada cara yang mereka cadangkan adalah supaya kilang-kilang kecil sawit ini ditubuhkan di sesetengah tempat yang berdekatan dengan mereka sebab mereka kalau hantar ke kilang-kilang yang besar, mungkin jauh dan dengan lori-lori yang kecil mungkin tidak ekonomi. Jadi kedua, kita patut memberi pertimbangan kepada pekebun-pekebun kecil ini kerana ini adalah satu daripada *argument* kita ataupun asas kita untuk di mana kerajaan sekarang memberi tekanan kepada pekebun-pekebun kecil sebab kita kalau sekarang ini kita ingat yang sedang berlaku adalah *Anti Palm Oil Campaign* di Eropah di mana mereka menyalahkan kita kerana sawit kita adalah ditanam di hutan-hutan dan memberikan kesan buruk.

Jadi kita selalu menangkis anggapan ini dan kita telah diperkatakan bahawa di Malaysia, kita mempunyai lebih kurang daripada 500,000 pekebun kecil dan di Sarawak tidak kurang daripada 25,000 pekebun kecil. Sebab ini, saya fikir kerajaan perlu memberi pertimbangan kepada pekebun kecil ini supaya mereka dengan harga yang berpatutan seperti harga yang di pasaran itu maka lebih ramai lagi pekebun kecil di Sarawak ini akan menceburkan diri di dalam bidang sawit ini. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat Kanowit. Sebenarnya kerajaan amat prihatin dan faham berhubung dengan harga-harga kelapa sawit yang dijual kepada

kiland-kiland dan juga kepada jabatan timbang ataupun *weighbridge* yang disediakan di seluruh Malaysia.

Masalahnya ialah kerajaan tidak mahu mengawal harga ini sebab kita tidak mahu harga-harga ini menjadi harga kawalan. Kalau itu yang dilakukan oleh kerajaan, kita menentukan harganya maka ia akan menjadi harga kawalan dan tidak ada *open market*. Kita mahu industri kelapa sawit ini biarlah terbuka kepada pasaran terbuka. Akan tetapi apa yang dilakukan oleh kerajaan ialah kita menggalakkan penubuhan-penubuhan koperasi-koperasi. Di antara semua *holders* ini, mereka menukuhan koperasi dan apabila ada koperasi maka mereka mempunyai kapasiti, mempunyai *volume* yang besar. Apabila mereka mempunyai *volume* yang besar maka mereka boleh mempunyai *leverage*, mereka mempunyai kuasa untuk berunding harga daripada mereka secara individu menjual dengan kapasiti yang kecil ataupun dengan *volume* yang kecil, maka mereka ini akan merugikan kepada mereka.

Jadi kerajaan mengajak mereka untuk menukuhan koperasi dan itu sebabnya di Sarawak, kita ada apa yang dinamakan Koperasi Penanam Sawit Mampan. Koperasi Penanam Sawit Mampan ini ataupun KPSM ini ada 14 buah KPSM telah ditubuhkan di Sarawak dengan tujuan supaya mereka boleh dapat mengumpul tandan sawit mereka untuk dijual kepada kilang-kiland ataupun kepada timbangan-timbangan ataupun *weighbridge* supaya mereka boleh menawarkan harga yang lebih baik kepada ahli-ahli mereka.

Oleh sebab itu, kerajaan telah menggalakkan daripada 14 KPSM ini telah ada lima buah KPSM yang mempunyai timbangan mereka sendiri. Mereka akan membeli bahan-bahan itu daripada pekebun-pekebun, daripada ahli-ahli mereka dan mereka akan dengan *volume* yang besar akan menjual kepada kilang. Ini akan memupuk mereka menaikkan harga dengan *volume* yang besar. Jadi inilah usaha kerajaan untuk memastikan harga yang diperoleh oleh pekebun-pekebun kecil itu mendapat harga yang baik dan mengikut pasaran yang ada. Sekian, terima kasih.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. soalan saya ialah apakah yang menentukan harga sawit? Apakah faktor yang paling menentukan harga sawit? Ini kerana saya difahamkan daripada perbincangan dengan pengilang, antara faktor terbesar adalah kecederaan yang dialami oleh buah sawit. Jadi kalau ia cedera dan enzim *lipase* telah keluar maka bermula proses fermentasi, itu akan menurunkan kualiti minyaknya. Itu satu faktor. Kalau itu faktor utama, maka terlebih pentinglah pihak yang bertanggungjawab supaya mengusahakan supaya buah tadi tidak diuruskan dengan cara yang mencederakan ia dan kemudian dibawa secepat mungkin ke kilang pemprosesan. Apakah benar pandangan itu? Terima kasih.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya harga kelapa sawit ditentukan oleh *open market*. Kita apabila ada *volume*-nya, ada *offer*, ada *supply* maka itu yang menentukan harga pada asasnya. Akan tetapi kerajaan

berusaha untuk membantu para pekebun-pekebun kecil khasnya sebab mereka ini adalah orang-orang biasa yang menanam kelapa sawit dan tidak mempunyai ilmu yang begitu mendalam dalam mengurus, mentadbir urus ladang-ladang mereka maka MPOB berusaha sedaya-upaya untuk membantu mereka dengan memberi nasihat dan mengajak mereka untuk belajar macam mana menggredkan tandan-tandan kelapa sawit.

■1200

Ini akan menentukan tetapi pada asasnya kerajaan tidak mahu terlibat langsung dalam menentukan harga-harga kelapa sawit ini supaya dia terbuka kepada *market*. Itulah dasar kerajaan yang ada sekarang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat itulah sesi soal jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG AKSES KEPADA SUMBER BIOLOGI DAN PERKONGSIAN FAEDAH 2017

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk melaksanakan konvensyen kepelbagaian biologi dan mana-mana protokol kepada konvensyen berkenaan dengan akses kepada sumber biologi dan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi dan perkongsian faedah yang terhasil daripada penggunaannya dan bagi perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PERIHAL DAGANGAN
(PINDAAN) 2017****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perihal Dagangan 2011 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH
(PINDAAN) 2017****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA
(PINDAAN) 2017****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH
(PINDAAN) 2017****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah 1973 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN
(PINDAAN) 2017**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan 1978 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG KEGANASAN
RUMAH TANGGA (PINDAAN) 2017**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” **[24 Julai 2017]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

12.06 tgh.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri dan seluruh rakan Ahli Parlimen.

Saya ingin mulakan dengan membahaskan Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) dengan memberi suatu gambaran bahawa negara kita sedang bergerak ke arah kemajuan dan sudah pastilah kita berhadapan dengan pelbagai masalah yang kompleks, yang rumit yang menuntut kepada satu pendekatan yang lebih komprehensif dan bukan semata-mata pendekatan undang-undang.

Saya ingin mulakan dengan memberi komentar berkaitan dengan definisi keganasan rumah tangga. Seperti mana dalam pindaan ini, dalam rang undang-undang ini, kita dapat lihat bagaimana di dalam bab definisi ataupun takrifan keganasan rumah tangga ini, ia bukan lagi sekadar fizikal ataupun seksual tetapi telah pun ditambah dengan elemen ataupun tafsiran ekonomi. Berlaku penggelapan harta mangsa dan sebagainya menyebabkan

berlakunya penderaan dan juga yang dimasukkan ialah satu elemen yang lebih penting iaitu *cyber harassing*, dengan izin keaiban melalui elektronik.

Saya ingin tanya kepada Menteri dan pihak kementerian, selain daripada elemen-elemen ataupun tindakan-tindakan yang disebutkan tadi, apakah tidak ada pertimbangan kementerian dalam kita menyelesaikan atau meletakkan takrifan keganasan rumah tangga ini kepada *element psychological* dan juga emosi. Ini kerana kita tahu bahawa Akta Keganasan Rumah Tangga ini Yang Berhormat, ia telah pun digubal pada 1994, kemudiannya telah dipinda pada tahun 2012 dan sekarang ada pindaan yang ketiga. Sudah tentu dalam keadaan yang saya sebutkan tadi di peringkat awal, mukadimah perbahasan saya ialah kita berada dalam keadaan sebuah negara yang menuju ke arah kemajuan dan kita berhadapan dengan pelbagai masalah yang kompleks dan ia termasuk masalah psikologi, masalah emosi dan sebagainya.

Kita dengar dari semalam perbahasan, sedang menuju ke arah itu dan apakah kita hendak menunggu satu lagi pindaan untuk memasukkan takrifan ini. Saya percaya kalau sekiranya pihak kementerian berfikir lima langkah atau tujuh langkah ke hadapan, elemen keganasan mengenai psikologi dan emosi ini sudah pasti merupakan satu elemen yang cukup penting yang perlu diletakkan dalam ruang lingkup atau nuansa perbicaraan kita, perbahasan kita mengenai keganasan rumah tangga ini. Itu yang pertama.

Kedua, saya ingin maklumkan ataupun saya ingin kongsi dengan Dewan yang mulia ini, apakah ada komitmen daripada kementerian untuk meletakkan ataupun membuat satu kajian yang menyeluruh mengenai ekosistem, untuk kita mengatasi masalah keganasan rumah tangga ini? Hal ini kerana dia tidak boleh sekadar menggunakan pendekatan undang-undang semata-mata. “*Prevention is better than cure*”, kalau itu pepatah yang boleh saya kongsikan bahawa kita mesti cari akar umbi kepada permasalahan ini dan bagaimana kita menyediakan suatu ekosistem yang menyeluruh untuk mengatasi agar perkara ini tidak berlaku ataupun dikurangkan.

■1210

Misalnya bagaimana kementerian menggunakan akta ini, menggunakan pindaan ini meletakkan keseluruhan jaringan agensi yang ada. Misalnya dalam bidang perubatan, dalam bidang pendidikan, pihak berkuasa tempatan, institusi agama dan digabungkan kesepadan ini dalam kita membina satu ekosistem yang menyeluruh supaya perkara mengenai keganasan rumah tangga ini dapat diatasi dengan lebih efektif. Ini kerana kalau undang-undang ini tidak menyediakan ruang itu saya bimbang ia akan sekadar berlegar persoalan *emergency protection order, interim protection order or protection order*, dan semuanya berkaitan tentang *the protect, not to prevent*.

Ini yang saya ingin tegaskan kerana sudah pasti dalam hal ini, bila kita berbahas mengenai satu undang-undang, maka di sana perlu ada keperluan bagaimana kementerian

memandu suatu perancangan yang menyeluruh agar perkara ataupun masalah ini dapat diselesaikan dengan menggabung jalin kesemua agensi yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sewaktu mula-mula menjadi peguam pada tahun 1999, kes yang pertama saya kendalikan adalah kes yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga. Itu berlaku apabila undang-undang ini mula digubal pada tahun 1994. Tahun 1999 saya dapat seorang klien. Di dalam kes ini bila kita mengendalikan kes yang berkaitan dengan Akta Keganasan Rumah Tangga, maka di sana kita dapat lihat pelbagai masalah yang berlaku pada ketika itu. Saya yakin sekarang ini mungkin sudah ada perubahan tetapi pada ketika itu saya hendak sebut apa dia masalah.

Dalam kes saya tentulah yang menjadi mangsanya adalah wanita. Kita bawa ke pihak polis. Pihak polis akan sentiasa pada waktu itulah memberi anggapan ataupun mendapat satu gambaran bahawa ini adalah merupakan masalah rumah tangga. Jadi pihak polis tidak muh terlibat. Kita yakinkan bahawa ada peruntukan di dalam Akta Keganasan Rumah Tangga, dipanggil *interim protection order* untuk memberikan perintah perlindungan sementara. Itu pun polis kata dia akan teliti dahulu. Saya yakin perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Akan tetapi yang hendak sebut di sini ialah *how difficult it is*, betapa susahnya dan betapa kompleksnya masalah. Kalau berlaku dalam kes saya itu pembantaian terhadap wanita. Bukan pukul lagi dah, memang bantai. Jadi ini perkara yang cukup serius. Bila mana kita bawa wanita ini ke pihak polis dan sebagainya mereka mula-mula okey, tetapi kemudian malu dan segan. Jadi inilah elemen yang saya fikir kita perlu teliti semula bagaimanakah pendekatan yang lebih efektif. Misalnya saya lihat dalam pindaan dimasukkan sebelum daripada *interim protection order* itu Tuan Yang di-Pertua ialah *emergency protection order* yang akan memberikan *emergency protection order* ini Tuan Yang di-Pertua ialah pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini kebimbangan saya.

Sebagai pengamal undang-undang, saya ingin tanya kepada kementerian apakah pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat ini bersedia dan memahami pertamanya dari segi undang-undang. Keduanya apakah pegawai-pegawai kita mencukupi kerana kes keganasan rumah tangga ini bukannya kalau ambil kiralah daripada segi *urgency* ataupun kesegeraan kes ini, dia bukan bermakna pergi ini ada masalah kena pukul, tidak kiralah suami kena pukulkah, isteri kena pukul berlaku masalah ini bukan maknanya kita boleh tunggu satu minggu, dua minggu atau tiga minggu, tidak boleh tunggu. Kita mesti selesaikan dengan segera.

Saya dapat banyak maklumat bahawa pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat ini tidak mencukupi. Saya ingin tanya kepada kementerian, apakah perancangan dan strategi kementerian bagi mengatasi masalah pertamanya kurangnya kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan bukan sekadar Tuan Yang di-Pertua tetapi tidak berpengalaman dalam mengendalikan kes-kes yang membabitkan undang-undang dan apatah lagi...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: ...Bagaimana undang-undang ini menyediakan *check and balance* supaya tidak berlaku *abuse*, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani di belakang, bangun.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Oh! Terima kasih. Sila-sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setujukah Yang Berhormat Bukit Katil dengan saya, kalau saya sebutkan bahawa ilmu ataupun pengajaran ataupun pendedahan kepada hak-hak individu sama ada isteri ataupun suami itu diketengahkan pada peringkat mereka akan mengambil tindakan untuk bernikah sama ada kalau orang-orang Islam semasa upacara mengangkat nikah itu dimaklumkan ataupun di *solemnized*-kan. Maknanya Tok Imam akan memberikan hak-hak tertentu.

Keduanya kalau *non-Muslim*, semasa dia register itu maka dimaklumkan dengan ini pengantin akan tahu bahawa inilah hak-haknya dia dan waktu itu juga dia juga boleh pergi ke mana. Jadi dengan sendirinya kadang-kadang kita lihat pengantin tidak tahu apakah hak mereka. Bila ajak bernikah, jom pergi bernikah. Selepas itu ada masalah dia tidak tahu hendak buat apa.

Jadi saya rasa elemen pengajaran ini juga harus dimaklumkan kepada pihak-pihak yang mengambil tindakan untuk menikahkan satu keluarga itu. Apa pandangan Yang Berhormat Bukit Katil tentang ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani kerana memberikan pandangan yang baik. Saya ingin respons berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat berkaitan dengan ilmu kepada mereka yang ingin berkahwin dan sebagainya. Saya setuju sangat tentang perkara ini. Sebab itu saya sentuh tadi berkaitan ekosistem. Ekosistem untuk memastikan agar tidak berlaku perkara ini. Institusi agama misalnya, ia bukan sekadar kita ingin bernikah, kita pergi kursus nikah dan *that's it* tidak ada lagi sudah kursus.

Itulah kalau yang tidak pernah buka kitab waktu itulah kena hafal, waktu itulah kena buka kitab Tuan Yang di-Pertua. Mesti ada jaringan dengan institusi agama seperti masjid yang akan sentiasa mengendalikan kursus-kursus tentang rumah tangga dan sebagainya. Kefahaman tentang undang-undang. Diajak sekali institusi-institusi kepegawaian seperti *Bar Council* misalnya ataupun Jawatankuasa Peguam di peringkat negeri agar berlaku kempen literasi undang-undang untuk memberikan kefahaman kepada rakyat bahawa ini ada undang-undang untuk baik, inilah hak kalau berlaku sesatu yang kurang baik, ini perkara-perkara yang serius dan perlu kepada suatu perancangan yang lebih menyeluruh.

Saya sebutkan tadi dan saya ulang banyak kali *the important*, dengan izin, isu yang berkaitan dengan ekosistem. Jadi saya setuju perkara ini dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan dan saya minta Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah bangun.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Silakan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Boleh? Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa kes pertama Yang Berhormat sendiri menghadapi banyak masalah sebab tidak ada tindakan yang diambil oleh pihak polis. Saya juga merasakan bahawa mungkin pihak polis juga menghadapi beberapa kekangan dalam hal keganasan rumah tangga. Apabila si isteri pergi membuat laporan polis pada mulanya mungkin kerana kemarahan dia buat laporan polis.

Selepas itu mereka sendiri, si isteri sendiri pergi dan tarik balik kes. Saya dengar ada banyak kes seperti ini dan mungkin pihak polis juga merasakan bahawa ini menjadi satu kekangan. Apabila mereka hendak ambil tindakan si isteri pula datang dan memberhentikan tindakan selanjutnya. Saya juga tahu dalam banyak kes terdapat pengaruh si suami. Mungkin dia seorang berkenamaan ataupun mempunyai pengaruh politik dan sebagainya maka pihak polis juga berasa susah sangat untuk mengambil tindakan terhadap si suami.

Mungkin inilah antara kekangan-kekangan yang dihadapi oleh pihak polis dalam menjalankan tugas mereka. Apa pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan isu ini? Terima kasih.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Pandangan Yang Berhormat Batu Gajah mempunyai asas Tuan Yang di-Pertua. Memang kita juga berhadapan dengan kes-kes ini di mana si isteri buat laporan polis, mungkin suami ini pandai pujuk belikan barang kemas dan sebagainya kan. Yang Berhormat Parit Buntar kata *diamond*, jadi kes itu ditarik balik ataupun pengaruh suami. Asas daripada masalah ini ialah kesedaran.

Saya sebutkan tadi ialah bila kita hendak wujudkan kesedaran, ia bukan... Ya, Yang Berhormat Menteri? Ia bukannya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Arau.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Ya, Yang Berhormat matlamat kehidupan ialah untuk menyelesaikan masalah. Kalau isteri pergi tarik balik kira selesailah masalah, itu kejayaanlah sebab sekurang-kurangnya dia pergi balai polis sebab itu kita tidak boleh teruskan dalam keadaan mereka ini berdamai. Yang Berhormat kena ingat tujuan kita ialah matlamat iaitu untuk mungkin mereka sudah belajar daripada kesalahan selepas itu mereka hendak berbaik balik. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

■1220

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya akan ulas nanti tetapi poin saya ialah matlamat tidak menghalalkan cara. Jangan maknanya, kita ada matlamat untuk negara maju tetapi kita sambung semua sekali, termasuk halal dan haram kita tak ketepikan.

Jadi, yang ini saya percaya bahawa dalam kes berkaitan hendak menyelesaikan masalah, betul kita mesti selesaikan masalah. Akan tetapi kesannya kepada masyarakat, contoh pukul bantal dan sebagainya, orang tengok lebam, anak-anak tengok, mesti ada satu pendekatan yang lebih komprehensif yang boleh kita dapat daripada undang-undang ini, itu maksud saya.

Kepada dalam konteks ini, kalau kita buat undang-undang sekadar hendak memindah beberapa perkara atas pandangan beberapa pihak, itu pada saya tidak mencukupi. Oleh kerana dalam keadaan sekarang kita berhadapan keadaan yang lebih ruwet, lebih rumit dan lebih kompleks. Oleh sebab itu seperti yang diulas oleh Yang Berhormat Batu Gajah tadi, kita hendak *address* isu-isu seperti ini yang kadang-kadang dia buat laporan polis tetapi dalam masa yang sama dia tarik balik kes tetapi badan sudah lebam habis. Ini sebab kesian, sedih, tarik balik. Adakah itu penyelesaian lebih baik? Pada saya tidak, kerana undang-undang ini memberikan contoh kepada rakyat yang lain, mereka tahu kalau berlaku suatu masalah, mereka ada tempat untuk mengadu. Itu perkara pertama.

Kedua, soal pengaruh suami orang kenamaan dan sebagainya. Saya fikir undang-undang tidak mengenal sesiapa dan sudah pastilah dalam konteks ini kalau kita mengamalkan prinsip keadilan, hatta hadis Rasulullah SAW, kalau Fatimah buat salah pun akan potong tangan dia. Jadi, yang ini isu yang berkaitan dengan secara sepintas lalu berkaitan dengan saya sebutkan tadi, soal berkaitan dengan ekosistem, berkaitan dengan hal yang *real* ataupun perkara yang sering kita hadapi dalam kita melaksanakan undang-undang Akta Keganasan Rumah Tangga.

Perkara ketiga Tuan Yang di-Pertua ialah soal *funding*. Saya hendak sebut soal *funding* ini kerana saya yakin dengan pindaan rang undang-undang ini sudah pastilah kerajaan terpaksa menyediakan peruntukan hasil daripada pembayar cukai berkaitan dengan dana, paling tidak pun untuk mendanai pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat yang akan dilatih untuk memberi ataupun menyediakan prasarana dipanggil *emergency protection order* ini, EPO ini.

Selain daripada itu, saya ingin bertanya kementerian. Apakah boleh kita sediakan satu kumpulan dana yang khusus yang akan mengkaji sebenarnya. Di mana kumpulan-kumpulan ini akan mengkaji *what is the best approach*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *The best approach to tackle violence against women, against girls, against the community*, dengan izin. *Domestic violence*. Kita hendak tengok apakah pendekatan yang lebih baik. Ini kerana kita

mesti *break the cycle of event* ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kerana *habit*. Kadang-kadang pukul ini ataupun bantai ini jadi *habit*, jadi seronok dan bagaimana hendak *break that cycle of event? There must be a strategy*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Sudah pastilah ini menuntut kepada satu pendekatan yang lebih holistik dan dengan itu kementerian mesti ada satu *funding* yang khusus tentang berkaitan perkara ini.

Misalnya, saya ambil contoh di United Kingdom, di sana ada dipanggil *service transformation fund*. Di buat satu dana yang khusus, memikirkan strategi dan cara-cara yang baru dalam usaha kerajaan dan kementerian di negara UK untuk menyediakan hal-hal yang lebih realistik, hal-hal yang lebih efektif dalam menangani masalah ini. Ini kerana saya teliti perbahasan daripada semalam, ramai yang membangkitkan tentang kemungkinan berlakunya *abuse* ini. Jadi, saya minta Menteri tolong fikirkanlah, kalau orang nak menganiaya orang ini senang sekarang ini. Oleh sebab itu dalam konteks ini, kalau dulu ada *interim protection order* sahaja kerana hakim yang terlibat, bila ada IPO, kita bawa ke mahkamah, hakim yang punya pengalaman undang-undang, dia yang akan teliti, tengok kes ini betul atau tidak.

Akan tetapi di dalam keadaan sekarang, kita ada *emergency protection order*. Kalau tanya pandangan saya, saya tidak ada masalah untuk *emergency protection order* dengan satu kaveat, dengan satu nota hati-hatilah, nota kakilah, bahawa perlu ada kefahaman yang menyeluruh tentang undang-undang yang disediakan kepada pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat. Di mana perkara ini saya fikir cukup penting dalam kita, dengan izin, *dispense justice without fear or favour*, tanpa ada sebarang masalah di kemudian hari. Ini kerana saya lihat dari segi para demi para tentang Perintah Perlindungan Kecemasan ini, ia ada hari-hari, dalam masa tujuh hari mesti diserahkan. Dalam masa tujuh hari Yang Berhormat Menteri, *anything can happen*. Ini kebimbangan saya, dalam masa tujuh hari hendak serah, mungkin sudah mati kah orang ini.

Ia bermula dari tarikh diserahkan kepada orang yang membuat jenayah itu, katakanlah dia pukul suami itu, dia pukul isteri. Dalam masa tujuh hari daripada tarikh dia serah itu, baru berjalan, hendak cari dia dekat mana, satu hal lagi. *These are the real problems yang is not being addressed*, dengan izin Yang Berhormat Menteri, dalam undang-undang ini. Di pengalaman United Kingdom misalnya, kalau kita mengkaji *Domestic Violence Act*, ia gabungkan antara mahkamah dan juga polis. Bila berlaku sesuatu kes, dia laporkan, hakim dan polis dengan nada segera, maknanya dengan *urgency-lah*, dengan segera, terus selesaikan perkara ini dan bagi pelbagai *protection order* yang diperlukan bagi mereka yang terlibat di dalam kes ini.

Jadi, baru nampak, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the sense of urgency* yang terbabit di dalam kes ini. Jadi, saya harap kebimbangan-kebimbangan saya ini dapat di fikirkan semula oleh pihak kementerian agar bila dari segi pelaksanaan...

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Ya, dari segi pelaksanaan ini kita akan betul-betul lebih efektif. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Saya sendiri ada pengalaman bekerja dengan satu NGO di Sentul ialah Pusat Bantuan Sentul. Masalah besar ialah bila kita dapat laporan pengganas kepada suri rumah tangga, bila kita buat kaunseling dan nasihat, mereka setuju ambil tindakan kepada suami. Akan tetapi apabila balik rumah, suami bagi tuduhan besar. Selepas itu, mereka enggan buat laporan polis, bagaimana kita boleh selesaikan perkara ini? Terima kasih.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Saya jadikan soalan yang dilontarkan ini kepada Yang Berhormat Menteri, untuk Yang Berhormat Menteri bantu dari segi jawapan dan sebagainya. Memang poin tadi telah pun saya ulas di peringkat awal tadi tentang bagaimana kes-kes ini memang berlaku dan bagaimana perlu kita tangani secara bersama. Jadi, ia berbalik kepada persoalan saya sebutkan di awal, mukadimah perbahasan tadi, *this is not a normal issue* ataupun *the normal problem*. Ia bukan satu masalah yang biasa tetapi ia perlu satu pendekatan yang lebih cermat, lebih teliti kerana masalah melibatkan emosi, melibatkan masa depan, fikir anak-anak macam mana, bagaimana esok kalau masalah ini *escalate* atau berkembang, jadi bagaimana hendak selesai?

Jadi, semua ini menghantui pemikiran dan dalam *subconscious*. Katakanlah wanita, isteri dipukul dan sebagainya, dia menyatakan kalau berlaku, dia mungkin tidak bekerja, macam tadi suri rumah. Jadi, kalau berlaku masalah ini, mana dia hendak bergantung harap, mungkin mak dan ayah pun meninggal. Jadi, perkara-perkara ini, perkara-perkara yang bukan suatu masalah yang normaliah pada saya, yang orang kata *extreme situation needs extreme measures* dalam konteks ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak pergi ke poin yang terakhir iaitu berkaitan dengan menyatakan bahawa masalah di dalam undang-undang ini ialah ataupun rang undang-undang ini masih lagi tidak mengiktiraf *domestic violence* ini sebagai satu jenayah di dalam *Penal Code*.

Ia adalah daripada kesalahan-kesalahan tapi kalau tak patuh dengan *emergency protection order*, tak patuh dengan *interim protection order*, itu dianggap satu kesalahan dan boleh dihukum denda dan sebagainya. Akan tetapi *domestic violence itself* itu Tuan Yang di-Pertua, tidak lagi dianggap dan ditakrif sebagai satu kesalahan yang penting di bawah *Penal Code*. Mungkin saya silap, jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri.

Apakah ini benar dan kalau benar kepada perkara ini tidak- *being addressed*? Oleh kerana pada saya, *domestic violence* ini *is no compromised*, Tuan Yang di-Pertua, itu satu jenayah.

Mesti diberi takrifan, mesti diberikan satu *clear provision* ataupun undang-undang yang jelas di dalam kita punya Kanun Keseksaan. Oleh sebab itulah apabila *domestic violence* tidak dianggap satu kesalahan, maka ramai boleh *scot free*. Ramai orang cari peguam untuk mencari jalan, sebarang *lacuna* atau *loop hole* dalam undang-undang ini. Akhirnya, mereka terlepas daripada perkara yang membangkitkan kesalahan yang cukup penting ini. Jadi, realitinya dalam konteks kita membicarakan persoalan Akta Keganasan Rumah Tangga ini, kita semua faham bahawa kerangka atau perkara yang menjadi pertikaian dalam Akta Keganasan Rumah Tangga ini, isunya adalah isu kekeluargaan. Kita semua faham bahawa kita ada *two different sets*, dengan izin. Undang-undang keluarga, kita ada yang bukan Islam, yang *being governed by Law Reform (Marriage and Divorce) Act*. Kita ada yang Islam yang akan rujuk kepada Mahkamah Syariah.

■1230

Jadi kita ada dua undang-undang yang menyelesaikan masalah yang satu iaitu masalah keluarga tetapi dua undang-undanglah kerana kita mengambil kira pengalaman dan takdir sejarah kita yang menuntut kepada satu *different sets* yang berkaitan dengan penyelesaian masalah keluarga ini.

Jadi sebab itulah saya hendak nyatakan begini, bahawa kita masih lagi tidak boleh menyelesaikan masalah ini secara menyeluruh. Misalnya, kalau katalah kes itu dibawa ke Mahkamah Syariah. Dalam Perlembagaan, jelas Mahkamah Syariah punya kuasa, Artikel 121(1A). Mahkamah yang biasa pun ada kuasa yang tersendiri. Kes dibawa ke Mahkamah Syariah. Kes pembantaian berlaku, kes pukul berlaku, dibawa dulu ke Mahkamah Syariah, dan dalam masa yang sama, kita hendak selesaikan juga kes di mahkamah yang biasa. Jadi campur aduk ini yang perlukan kepada suatu keharmonian dan pendekatan yang lebih komprehensif bagaimana kita ingin gabungkan pengalaman kedua-dua mahkamah, kedua-dua set undang-undang ini agar isu yang pokok dalaman ini dapat diselesaikan kerana perkara ini perkara yang cukup serius.

Oleh sebab itu saya hendak cadangkan kepada Menteri, ada pandangan di luar sana yang meminta supaya sudah sampai masanya perlu kita wujudkan satu mahkamah *domestic violence*, *Domestic Violence Court*. Mahkamah dalam negara kita ini ada yang dianggap sebagai mahkamah menyelesaikan masalah, *it's a 'problem solving court'*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Mahkamah menyelesaikan masalah. Misalnya mahkamah yang menyelesaikan *intellectual property* dipanggil *Intellectual Property Court*. Ada *Juvenile Court*-Mahkamah Juvana. Ini juga pendekatan mahkamah yang menyelesaikan masalah *intellectual property*, menyelesaikan masalah juvana.

Jadi saya ingin cadangkan supaya kerajaan, kementerian khususnya, mengambil satu pendekatan yang lebih teliti ataupun lebih berani, *it's a daring move*, supaya wujud satu mahkamah yang dianggap sebagai '*Domestic Violence Court*'. Saya sebutkan tadi asas daripada perkara ini ialah kerana kes ini adalah kes yang bukan biasa.

Yang Berhormat Arau tadi sebut hendak menyelesaikan masalah. Yes, kita hendak cari penyelesaian masalah. Dalam kes ini, masalah kekeluargaan. Justeru, kalau ditanya kepada saya apakah perkara-perkara atau elemen penting tentang mahkamah *domestic violence* ini, pertama ia mesti ada *specialize staff*, *staff* yang *specialize* dalam bidang ini. Yang kedua, ia mesti ada hakim yang faham betul-betul. Mungkin satu ke dua atau tiga hakimlah. Maknanya yang tahu betul-betul mengendalikan kes ini.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Hakim mesti kahwin, betullah. Kalau kahwin dia bercerai pun, tidak ada masalah, pernah ada pengalaman. Point nya ialah *specialize staff*, *judge* yang betul-betul tahu perkara ini, ada elemen segera dan dia tahu ada elemen segera yang perlu dibawa ke mahkamah dan ada pemantauan yang lebih intensif, sentiasa memaklumkan kepada mangsa. Kalau ini berlaku, bermakna lengkaplah apa yang saya sebut tadi "*protection*" ataupun dipanggil "*perlindungan*" yang akan diberikan. Selain daripada *emergency protection order*, kita ada *interim protection order*, kita ada *protection order* dan kita ada *domestic violence court* yang boleh menyelesaikan masalah ini kerana dia tahu, hakim itu tahu kes ini kes yang bukan kes biasa tetapi kes yang membabitkan emosi, psikologi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu bahawa mahkamah-mahkamah seperti ini bukannya baru bagi negara-negara maju. Kita boleh ambil contoh model- saya pun ingin tanya kepada Menteri, apa model yang kita gunakan sebagai rujukan untuk *Domestic Violence Act* yang kita ada? Dari segi pindaan ini, apa rujukan negara-negara yang telah pun buat perkara ini? Kalau kita hendak ambil rujukan misalnya Australia, Australia dia jelas, dia ada *family court*, dia ada mahkamah keluarga yang menyelesaikan semua isu yang berkaitan dengan kekeluargaan termasuk *domestic violence* ini. Di Amerika Syarikat pun ada *family court*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang lagi?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Sudah hendak *landing* ini. Ini perkara-perkara yang saya fikir boleh difikirkan oleh kementerian selain daripada pindaan ini kerana pada saya kalau betul kerajaan komited dan serius dalam menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga. Semalam kita telah mendengar pelbagai statistik yang mengejutkan saya, mungkin saya salah tetapi daripada segi pembacaan yang saya tengok, kes yang dilaporkan meningkat. Naik kes yang dilaporkan tetapi kes yang dibawa ke mahkamah begitu kurang. Apa sebabnya? Saya ingat ini kementerian mungkin ada

jawapan kenapa kes yang dibawa ke mahkamah begitu kurang. Mungkin mereka malu hendak pergi mahkamah, mungkin mereka segan hendak pergi ke mahkamah. Bayangkanlah abang sado dengan angkat berat dan sebagainya kena pukul dengan isteri, takut hendak pergi mahkamah, seganlah. Kadang-kadang isu-isu yang sensitif ini.

Oleh sebab itulah saya hendak tegaskan kepada Dewan yang mulia ini, marilah kita sama-sama merenung kembali pentingnya undang-undang ini tetapi dalam masa yang sama, saya sebutkan tadi, hujah-hujah saya ialah dalil-dalil yang saya kemukakan tadi menunjukkan bahawa undang-undang ini perlu difikirkan semula agar kementerian punya hasrat seperti mana yang disebut dalam ucapan pembukaan Menteri tadi untuk memastikan masalah keganasan rumah tangga ini dapat diatasi dan harap segala hujah-hujah yang dikemukakan dapat diberikan pertimbangan yang baik.

Jadi saya fikir cukup sekadar itu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sekijang.

12.36 tgh.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberikan saya ruang untuk sama-sama berbahas berkaitan dengan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga 2017 ini.

Kita telah mendengar ramai di kalangan rakan-rakan kita, saya kira semua sudah setuju keganasan rumah tangga merupakan isu yang sangat yang bukan saja memberi kesan kepada mereka yang terlibat secara langsung malah ia juga telah mengundang kepada masalah-masalah sosial yang lain yang melibatkan masyarakat kita keseluruhannya.

Secara ringkas, saya ingat tadi pun Yang Berhormat Bukit Katil ada sebut peningkatan kes-kes keganasan rumah tangga ini dilihat saban tahun meningkat daripada 4,123 kes pada tahun 2013, kini pada tahun 2015 ia terus meningkat kepada 5,014 kes. Jadi dengan jumlah kes yang direkodkan ini, saya kira dengan adanya pindaan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga ini, saya kira ini adalah masa yang bertepatan.

Melihatkan kepada angka-angka yang terus bertambah saban tahun, keputusan untuk meminda akta sedia ada adalah satu keputusan yang baik dan ia dapat melihat terdapatnya kelompongan yang kita rasa memerlukan pembaharuan terutamanya daripada segi perlindungan kepada semua mangsa. Tambahan pula, jika sebelum ini mangsa keganasan rumah tangga banyaknya dikhabarkan melibatkan mangsa di kalangan wanita, namun kini terdapat juga di kalangan mangsa lelaki yang terlibat dalam keganasan rumah tangga ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna trend ketika ini sudah nampaknya agak berbeza. Undang-undang semasa yang tumpuannya lebih kepada wanita dilihat perlu adanya penambahbaikan. Oleh sebab itu, saya menghargai usaha bagi memperkemas Akta

Keganasan Rumah Tangga ini termasuklah bagi menangani kes-kes keganasan rumah tangga yang melibatkan pasangan warganegara kita yang berkahwin dengan warganegara asing.

Persoalannya ialah apabila berlakunya isu-isu berkaitan dengan keganasan rumah tangga ini, jika berlaku di kalangan warga tempatan, kedua-duanya baik suami atau isteri adalah warga tempatan, ia tidak akan menjadi satu perkara yang mustahil untuk dibicarakan. Akan tetapi apabila ada kes mereka yang berkahwin dengan warga asing terutamanya mereka berkahwin dengan warga asing yang bukannya penduduk tempatan, jadi bila ada aduan dan sebagainya ini, bagaimanakah pihak kementerian boleh mengatasi kes-kes yang seperti ini? Mungkin ia tidak banyak tetapi saya yakin dan saya percaya masih kedapatan isu-isu warga kita, warga tempatan yang berkahwin dengan warga asing mengalami perkara-perkara penderaan yang seperti ini.

Adakah pihak kementerian akan menjalankan penguatkuasaan NBOS dengan Kementerian Dalam Negeri bagi menghalang mereka yang melakukan kesalahan penderaan ini terutamanya boleh menghalang pasport mereka untuk mereka kembali ke negara asal dan dibicarakan dahulu?

■1240

Begitu juga dengan tularnya beberapa kes keganasan rumah tangga yang melibatkan warga emas atau mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Walaupun mungkin kes seperti ini tidak diberitakan, tidak diuar-uarkan, namun masih terdapat kes-kes penderaan yang melibatkan warga emas ini. Adakah kes-kes seperti ini adalah kes berlarutan dan ia tidak selesai pada peringkat awal dan telah berlaku sekian lama sehingga adanya aduan daripada kejiranan atau keluarga terdekat setelah mereka melihat sendiri datuk, nenek mereka ini mengalami penderaan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan semasa memerlukan mangsa keganasan rumah tangga mendapatkan Perintah Perlindungan atau Perintah Perlindungan Interim hanyalah dari mahkamah. Kebanyakan laporan yang diterima menunjukkan keganasan rumah tangga berlaku pada hujung minggu dan memandangkan mahkamah hanya beroperasi pada hari bekerja, mangsa terpaksa menunggu tempoh yang agak lama untuk mendapatkan PO atau IPO tersebut.

Pindaan baru kali ini akan membolehkan mangsa untuk mendapatkan Perintah Perlindungan Kecemasan ataupun EPO dari agensi lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat yang merupakan langkah progresif memandangkan seperti yang saya ketahui sendiri, JKM ini lebih mudah berurus selain EPO ini juga boleh didapatkan melalui talian NUR yang beroperasi 24 jam setiap hari. Saya berpandangan tempoh 24 jam yang diperlukan untuk memproses aduan tersebut sebenarnya agak perlakan. Jika boleh, memandangkan akan terdapat 1,600 orang pegawai JKM yang boleh mengeluarkan EPO, saya berharap

proses 24 jam itu dapat dipendekkan bagi memberi perlindungan segera kepada mangsa-mangsa tersebut. Maksudnya janganlah 24 jam, mungkin dalam tempoh *less* 12 jam pun itu terbaik jika dapat dilaksanakan oleh pegawai-pegawai JKM.

Ini penting terutamanya bagi mangsa-mangsa yang pernah mempunyai rekod terlibat dengan keganasan rumah tangga sebelum ini. Kita tahu hujung minggu cuma ada dua hari dan 24 jam saya rasakan agak tidak bersesuaian. Kita tahu bahawa pelaku keganasan ini kebanyakannya melibatkan mereka yang panas baran ataupun pemabuk. Maka, potensi untuk mereka membuat ugutan atau sentuhan fizikal boleh dilakukan secara berterusan dalam tempoh dua hari tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan semasa tidak mempunyai peruntukan untuk memberi hak penghunian eksklusif kepada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga ini. Ini merupakan langkah yang baik bagi memberi perlindungan kepada mangsa tetapi pada masa yang sama, saya juga berharap ia diperhalusi apabila pengasingan ini dijalankan. Seperti yang saya katakan tadi, kebanyakan pelaku adalah mereka yang panas baran ataupun yang jenis pemabuk. Saya khuatir apabila pengasingan ini dijalankan, pelaku ini akan melakukan jenayah-jenayah yang lain pula apabila terpaksa keluar daripada rumah mereka memandangkan rasa marah kerana tiada tempat tinggal.

Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kementerian, bagaimanakah pengasingan pasangan ini akan dijalankan kelak yang mana pada masa yang sama, pemberian hak kediaman eksklusif ini tidak membawa kepada risiko jenayah lain yang mungkin dilakukan oleh pelaku tersebut apabila terpaksa keluar daripada kediaman mereka. Kita tidak mahu perlindungan diberi kepada mangsa tetapi pada masa yang sama, pelaku melepaskan marah dan geramnya kepada orang lain yang berada di luar daripada keluarga kerana sikap mereka yang kita tahu panas baran dan pemabuk tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan baru ini juga memasukkan elemen motivasi melalui program pemulihan yang akan dijalankan bagi tujuan kesedaran dan pendidikan kekeluargaan, pengurusan kewangan dan pengurusan emosi kepada mangsa dan juga pelaku. Kita sedar semua bentuk program kaunseling atau bimbingan ini memerlukan komitmen daripada kedua-dua belah pihak, pelaku dan juga mangsa.

Saya ingin mendapatkan kepastian daripada pihak kementerian yang saya tahu sememangnya mempunyai pengalaman dalam memberikan bimbingan dan kaunseling dalam kes-kes ini, sejauh manakah program pemulihan seperti ini boleh berjaya membawa perubahan baik kepada pelaku ataupun hubungan keluarga yang terlibat? Selain itu, berapakah jumlah pembimbing ataupun *motivator* yang akan terlibat dalam program pemulihan ini? Adakah pihak kementerian bersedia menerima kes-kes pasangan yang belum lagi berlaku keganasan, tetapi berisiko menuju ke arah tersebut? Jadi, saya minta perhatian daripada pihak kementerian dalam hal ini.

Juga saya minta jasa baik daripada pihak kementerian, ini cadangan supaya mewajibkan dalam kursus-kursus perkahwinan supaya dimasukkan juga modul pemahaman berkaitan dengan rang undang-undang ini supaya bakal-bakal pengantin ini, mereka dapat kesedaran tentang rang undang-undang ini. Jadi sekurang-kurangnya apabila berlaku keganasan rumah tangga, mereka yang terlibat ini tahu di mana mereka boleh merujuk tentang kes-kes yang seperti ini. Kita sedar bukan mudah untuk mengubah manusia, tambahan lagi bagi masalah-masalah yang melibatkan emosi dan juga perasaan. Semalam, hari ini pun ramai yang bercerita tentang emosi dan perasaan. Langkah pihak kementerian bagi menambah baik akta sedia ada adalah satu keperluan memandangkan rekod bagi kes keganasan rumah tangga meningkat saban tahun.

Jika sebelum ini keganasan rumah tangga adalah sinonim dengan mangsa wanita, tetapi ia tidak lagi seperti itu. Institusi kekeluargaan merupakan suatu yang indah. Pada masa yang sama, keindahan ini tidak mungkin kita boleh lari daripada sebarang permasalahan. Oleh yang demikian, pindaan ini diharapkan dapat memastikan keindahan institusi kekeluargaan itu mampu kita terus pelihara kerana ia bukan sahaja melibatkan pasangan suami isteri, tetapi yang lebih utama kepada anak-anak yang lahir dari institusi tersebut. Saya hendak sarankan supaya pihak kementerian dapat meneruskan program FACE yang pernah dicadangkan oleh Menteri sendiri kerana ini adalah program yang baik kerana kejiraninan akan melihat program FACE ini sebagai program untuk memelihara keluarga. Bukan sahaja keluarga mereka, tetapi kekeluargaan di dalam kejiraninan mereka sendiri.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya bagi kepada Yang Berhormat Lanang. Ya, sila.

12.47 tgh.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017.

Saya amat bersetuju dan menyokong cadangan dan pendapat pembahasan sebelum ini bahawa pasangan bertunang, pasangan yang tinggal bersama dan teman lelaki dan teman wanita perlu dimasukkan ke dalam pindaan ini. Ini kerana kita tahu banyak mangsa adalah mereka yang belum didaftarkan perkahwinan mereka.

Jadi selain ini, satu lagi isu ialah di Sarawak terutamanya, banyak kes *stateless children* atau mereka yang tidak mempunyai kad pengenalan. Jadi apabila mereka tidak mempunyai kad pengenalan, sudah pasti mereka tidak dapat mendaftarkan perkahwinan mereka. Jadi, apakah tindakan atau langkah-langkah yang dapat diambil oleh kementerian

apabila kes keganasan rumah tangga ini berlaku ke atas mereka yang tiada pendaftaran perkahwinan walaupun mereka tinggal bersama dan sudah beranak. Ini kerana banyak di kawasan saya, mereka sudah menjadi suami isteri, sudah ada keluarga, sudah menjadi nenek tetapi kerana tidak ada IC, mereka tidak dapat mendaftarkan perkahwinan mereka. Jadi saya ingin tahu, apakah tindakan? Adakah akta ini dapat melindungi golongan ini?

Selain itu, kita pun tahu apabila mangsa didera atau dibelasah, keluarga mereka juga akan dihasut. Banyak kali keluarga mangsa juga dihasut, mungkin membakar rumah mereka atau hasutan yang lain. Jadi saya ingin tahu sama ada akta ini dapat memberi perlindungan yang secukupnya kepada keluarga mangsa. Ini kerana apabila mereka yang duduk bersama memukul atau mendera mangsa, pasangan mereka, kadangkala keluarga mereka juga akan menjadi mangsa atau mempunyai risiko yang tinggi walaupun mereka tidak tinggal bersama. Jadi, saya ingin tahu sama ada akta ini juga dapat memberi perlindungan yang secukupnya?

▪ **1250**

Selain itu, saya ingin membawa satu isu iaitu orang papa atau kutu rayau atau *homeless, homeless person* yang tidak mempunyai tempat tinggal. Mereka mungkin adalah mangsa keganasan rumah tangga. Ada kes di Sibu di mana saya sudah memberitahu Jabatan Kebajikan Masyarakat bahawa ada *homeless person* di sesuatu tempat tetapi tiada tindakan yang diambil oleh JKM sampai hari ini.

Saya dimaklumkan bahawa ada orang yang tinggal di tempat awam itu adalah mangsa yang dihalau oleh pasangannya dan mereka mempercayai bahawa dia adalah seseorang yang mempunyai penyakit mental atau yang perlu mendapat rawatan. Jadi saya minta jasa baik JKM supaya mengambil tindakan yang sewajarnya dan segera apabila menerima aduan dari rakyat. Siasatan perlu dibuat ke atas punca atau sebab kenapa mereka menjadi kutu rayau atau kenapa mereka tinggal di sekitar tempat awam.

Saya ingin memberitahu Menteri bahawa ada beberapa kes di Sibu yang belum diselesaikan. Satu, adalah di kawasan bandar di bangunan pangsa. Tempat itu selalu ada orang tinggal di sana pada waktu malam. Satu lagi adalah di tepi *Ambank Panama's branch*. Kes ini saya sudah menghubungi JKM tetapi sampai hari ini, orang itu masih tinggal di sana dan dia sudah di sana selama setahun lebih. Satu lagi kes di mana seorang perempuan tinggal di perhentian bas, *bus stop* di tepi Jambatan Durin. Jadi saya ingin meminta jasa baik kementerian supaya mengambil tindakan yang segera dan secukupnya.

Di samping itu, saya rasa lebih banyak kempen kesedaran perlu diadakan supaya wanita dan juga lelaki tahu tentang hak mereka dan adanya akta ini yang dipinda untuk menjaga kepentingan mereka. Sekarang kita ada EPO iaitu Perintah Perlindungan Kecemasan. Langkah ini saya amatlah sokong dan saya rasa langkah ini adalah langkah yang amat baik dan akta dipinda memang untuk kepentingan orang ramai. Saya rasa JKM perlu mempunyai pegawai yang diberi latihan yang secukupnya dan sewajarnya dan lebih banyak

kakitangan yang berpengalaman perlu dilantik dan diletakkan di setiap kawasan terutamanya di kawasan yang mempunyai kes yang banyak keganasan rumah tangga.

Saya ada satu soalan tentang pegawai JKM yang dapat mengeluarkan EPO. Ini kerana adanya EPO, mangsa dapat perlindungan dari pihak berkuasa. Jadi saya ingin tahu, adakah pegawai JKM ini bertugas pada hari cuti atau Sabtu Ahad? Ini kerana kalau mereka pun rehat dan tidak bekerja pada waktu-waktu cuti, apakah yang dapat dibuat oleh mangsa dan di mana mereka dapat EPO?

Jadi saya ingin meminta penjelasan dari pihak kementerian sama ada pegawai ini mempunyai kerja *after office hour*? Saya juga rasa agensi penguatkuasaan amatlah penting walaupun akta yang dipinda ini amatlah baik tetapi kalau agensi penguatkuasaan tidak mengambil tindakan yang sewajarnya, akhirnya akta ini dipinda dan tidak memberi perlindungan yang secukupnya dan yang sewajarnya. Saya juga bercadang supaya satu *hotline* untuk mereka mangsa menghubungi pihak berkuasa apabila mereka menjadi mangsa supaya tindakan yang segera dapat diambil.

Akhir sekali saya ingin minta supaya lain kali kalau ada apa-apa akta yang dipinda boleh melibatkan semua golongan dan semua Ahli Parlimen. Ini kerana saya rasa apabila akta ini sudah dibentangkan dan apabila kita memberi cadangan kita, ia tidak dapat dimasukkan terus ke dalam pindaan ini.

Jadi saya bagi satu contoh di mana di Sarawak, Menteri wanita iaitu Yang Berhormat Fatimah telah menjemput Ahli Dewan Undangan Negeri daripada pembangkang, YB Irene untuk menghadiri *Workshop on Adoption of Stateless Children* di Kuching sebelum membuat pindaan kepada akta di Sarawak.

Jadi saya ingin minta juga pihak Menteri supaya menjemput Ahli Parlimen dari pembangkang untuk berbincang bersama supaya kita dapat memberi idea, pendapat dan cadangan yang berlainan yang kita tahu supaya kita dapat meminda akta yang lebih komprehensif kepada rakyat. Saya minta penjelasan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Manis.

12.56 tgh.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017.

Boleh dikatakan rang undang-undang ini adalah satu topik yang amat hangat diperkatakan di Malaysia sehingga dibuat satu drama bersiri yang mendapat ramai sambutan sampai mencecah 10 juta penonton yang telah ditayangkan pada bulan Ramadhan yang lalu bertajuk Andainya Takdir. Drama ini mengetengahkan kisah keganasan rumah tangga dan

menjadi perbualan hangat di media sosial. Menurut kata penerbit drama tersebut, drama bersiri ini menjadi perhatian ramai kerana jalan ceritanya adalah berdasarkan kisah benar dan dekat di hati masyarakat.

Jadi isu keganasan rumah tangga adalah satu topik yang harus kita perinci dengan sebaik-baiknya. Saya mengalu-alukan penambahbaikan Akta Keganasan Rumah Tangga ini terutamanya yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat Menteri Wanita kita. Sebanyak 15,617 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan oleh PDRM dalam tahun 2014 hingga Disember 2016. Daripada itu, 70 peratus lebih adalah mangsa wanita. Ini adalah isu yang berlaku yang kita sering mendengar dan juga ada kita mendengar keganasan rumah tangga tanpa fizikal tetapi mental dan juga sesetengah keganasan ini dimuatkan di dalam media sosial. Ini memalukan mangsa dan mengaibkan mangsa di dalam media sosial. Kita tahu media sosial adalah satu tempat yang *borderless* yang mana dapat dilihat oleh semua orang di seluruh dunia.

Apabila tanpanya satu akta yang dapat diperkuatkan ataupun dapat membantu mangsa-mangsa untuk mendapat perlindungan, maka kita telah gagal untuk membantu mangsa-mangsa. Dengan ini, saya mengalu-alukan Perintah Perlindungan Kecemasan, Perintah Perlindungan Interim Sementara dan Perintah Perlindungan PO terutamanya seperti menggelapkan harta mangsa dan mengaibkan mangsa dalam media sosial.

Ketiga-tiga fasal perintah perlindungan ini digubal bagi memastikan mangsa keganasan rumah tangga tidak terdedah kepada sebarang jurang keselamatan. Dengan adanya ketiga-tiga perintah ini, kebijakan mangsa keganasan rumah tangga dapat dijaga dari masa ia berlaku sehingga kes ini selesai sehingga menjalani perbicaraan.

Malah pindaan yang seterusnya yang telah melibatkan pemberian hak penghunian rumah kepada mangsa dan mengeluarkan pelaku adalah suatu yang amat wajar dilakukan sebagai satu langkah yang bersifat mencegah. Ini kerana yang akan menghadapi *psychological effect* adalah anak-anak mangsa. Kita haruslah mempertimbangkan apabila kita mendengar ibu bapa kita bergaduh, mangsa bergaduh dan anak-anak itu tidak tentu pasal akan menjerit kerana terkejut dan takut. Siapa yang akan membela mereka apabila suatu akta tidak diperkuatkan.

Memanglah selalu kita dengar beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyatakan supaya kes-kes ini haruslah ditangani oleh polis. Akan tetapi kadang-kadang kita dapat melihat juga polis tidak datang dengan segera. Ini adalah yang menyusahkan atau menyulitkan isu-isu ini. Apabila mangsa mendapat satu atau seseorang yang dapat mendengar keluhan mereka, maka mereka dapatlah merasa keselamatan terutamanya Perintah Perlindungan Interim.

Pindaan ini adalah sifat mencegah. Langkah ini amat bersesuaian dan pelaku akan berfikir dengan lebih dalam sebelum melakukan keganasan rumah tangga kerana akhirnya beliau akan diperintah keluar daripada rumah kediaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanjung Manis, panjang lagi kah?

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, kita sambung jam 2.30.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat sekalian, kita tempohkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempergerusikan Mesyuarat]

■1430

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Tanjung Manis untuk menyambung perbahasan.

2.32 ptg.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung.

Walaupun kita telah mendengar perbahasan, banyak yang bertanya sama ada Pegawai Kebajikan Masyarakat layak atau mencukupi kepakaran untuk membantu mangsa-mangsa keganasan rumah tangga, saya rasa apabila seseorang mangsa merasa mereka dalam keadaan ketakutan dan terasa teraniaya daripada mereka tidak tahu hala tuju atau mengambil keputusan yang cetek, sebaiknya mereka diberi perlindungan sementara untuk diberi peluang untuk mangsa reda dan berfikir dengan selamat tanpa ganggu gugat.

Pindaan terakhir ialah program pemulihan. Saya juga bersetuju dengan cadangan ini. Cuma yang tiada dalam data ialah pecahan keganasan rumah tangga mengikut bangsa. Saya ingin mengetahui pecahan mengikut kaum dalam keganasan rumah tangga agar pendekatan program pemulihan ini dapat disesuaikan mengguna pendekatan agama. Jika kaum Melayu yang ramai, maka program pemulihan ini dapat dilakukan dengan kursus yang berasas agama Islam. Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Sekijang tadi untuk diberi penerangan Akta Keganasan Rumah Tangga dalam kursus perkahwinan apabila mereka hendak

berkahwin. Bagi bangsa yang lain pula, bolehlah digunakan program pemulihan mengikut pendekatan agama masing-masing.

Apa yang menjadi kebimbangan juga pada saya adalah sama ada terdapat lebih banyak lagi kes keganasan rumah tangga yang tidak dilaporkan terutama di kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan pedalaman di negeri Sarawak. Perkara yang sama juga berlaku dalam kes-kes sumbang mahram seperti *incest* kerana berada di kawasan yang terpencil dan jauh dari Jabatan Kebajikan dan polis, kos pengangkutan mereka yang agak tinggi dan juga menyulitkan mereka, mereka terpaksa menggunakan bot. Maka banyaklah kes-kes ini tidak dilaporkan.

Ada juga kemungkinan mangsa keganasan rumah tangga di halang dan tidak dapat melaporkan kes tersebut. Dalam keadaan begini, hebahan atau maklumat juga patut diberi kepada mereka untuk membolehkan ahli keluarga mangsa, jiran atau saksi di tempat kejadian misalnya boleh bertindak dengan segera bagi membuat laporan tersebut. Talian kecemasan juga perlu dihebahkan kerana masih ramai lagi rakyat yang tidak tahu cara yang tepat untuk melaporkan insiden keganasan rumah tangga dengan kadar segera. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga boleh merangka satu program latihan khusus untuk wanita terutamanya di luar bandar bagi cara yang efektif dan terbaik untuk menangani keganasan rumah tangga yang kini lebih menjurus ke arah penderaan psikologi tanpa penderaan fizikal.

Saya juga mengambil kesempatan untuk berterima kasih kepada NGO iaitu Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) yang telah banyak membantu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sehingga rang undang-undang ini dapat dibentangkan di sesi Parlimen ini. Rang undang-undang ini adalah usaha kerajaan bagi melindungi dan menjaga keselamatan wanita yang majoritinya menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Tumpuan juga harus diberi kepada mangsa wanita yang meliputi 74 peratus kes berdasarkan statistik PDRM seperti yang saya katakan awal tadi, 2014 sehingga 2016. Rang undang-undang ini wajar dipinda memandangkan jumlah wanita yang terlibat dianggap mencecah sehingga 800,000 orang. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Pusat Penyelidik Wanita dan Gender (KANITA), Universiti Sains Malaysia pada tahun 2014. Mungkin juga Universiti Sains Malaysia dapat melakukan satu lagi kajian untuk tahun 2017 untuk mengetahui sama ada terdapat peningkatan ataupun penurunan terhadap angka tersebut yang saya kira agak besar untuk Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 agar diluluskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Temerloh. Saya ingin kepastian ramai lagi yang berminat atau tidak? Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Setiu dan Yang Amat Berhormat Gombak. Yang

Berhormat Menteri bercadang untuk menjawab pada pukul empat. Jadi pendekkan sedikit ya. Terima kasih.

2.38 ptg.

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian bagi membahaskan pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga. Perkara yang paling penting sebelum saya pergi lanjut perbincangan mengenai isu ini, sebagai mukadimahnya ialah untuk kita melihat bahawa institusi rumah tangga ini adalah suatu institusi yang mempunyai banyak kelebihan dalam Islam sehingga orang-orang yang berkeupayaan ataupun berkemampuan dan juga berkeinginan untuk mendirikan rumah tangga ini sangat dituntut supaya segera melaksanakannya. Sebagaimana dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari. Nabi SAW bersabda seperti berikut... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Maksudnya barang siapa yang berkemampuan untuk berkahwin, maka hendaklah ia melakukannya atau dia segera berkahwin kerana sesungguhnya perkahwinan itu akan menundukkan pandangan, memelihara kemaluan dan barang siapa yang tidak mampu untuk melakukannya, maka hendaklah dia berpuasa. Dengan itu ia akan melindungi dirinya daripada terjebak melakukan perkara yang mungkar. Itu yang pertama.

■1440

Kedua Tuan Yang di-Pertua, antara kelebihan yang diperoleh daripada pembentukan institusi rumah tangga ini juga ialah soal kasih sayang, ketenangan, rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT di samping ianya mengikut sunah para Rasul AS. Daripada itu juga ia akan diberikan pertolongan daripada Allah, pahala yang dilipat ganda dan menyempurnakan sebahagian daripada agamanya dan dikurniakan kebaikan untuk dunia dan juga di akhirat dan juga menyejukkan matanya apabila melihat pasangannya yang soleh dan juga solehah.

Ini Allah sebut dalam Al-Quran antaranya daripada surah Ar-Rum... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Antara maksudnya, sebahagian daripada tanda keagungan Allah SWT itu dijadikan bagi kamu daripada diri kamu ataupun jiwa kamu itu hidup berpasangan dengan pasangan kamu itu menyebabkan kamu dapat tiga perkara iaitu yang pertama *sakinah*- ketenangan; yang kedua, *mawaddah*- kasih sayang; *rahmah*- kasih belas, dan ini adalah merupakan tanda keagungan Allah SWT bagi mereka yang berfikir.

Baik, atas dua kelebihan ini ataupun kelebihan yang dijanjikan oleh Allah dan juga Nabi SAW yang saya bacakan sebentar tadi jelas menunjukkan kepada kita peri pentingnya membangunkan institusi kekeluargaan dan keluarga ini pula hanya boleh dibentuk melalui sebuah perkahwinan.

Persoalan yang saya hendak bangkitkan di sini ialah dalam masyarakat kita tentu sahaja individu-individu manusia itu adalah merupakan asas yang sangat penting dalam pembentukan sebuah masyarakat. Namun, perlu kita berikan perhatian bahawa individu-individu ini pula nantinya dia akan terbentuk daripada acuan rumah tangga yang dibina ataupun keluarga yang dibina, oleh itu jika sekiranya baiklah sebuah rumah tangga, sebuah keluarga maka baiklah individu yang dihasilkan dalam sesbuah masyarakat tersebut.

Oleh kerana itu untuk menjamin perkara ini Islam telah menggariskan beberapa panduan. Antaranya yang berkait dengan akta yang sedang kita bincangkan dan kita bahaskan pada hari ini ialah berkait dengan soal mensyariatkan hak dan juga tanggungjawab suami isteri, ibu bapa dan juga anak-anak dalam mengendalikan rumah tangga mereka.

Hak dan tanggungjawab ini adalah untuk memastikan bagi setiap pihak dapat melaksanakan peranan masing-masing dalam membentuk institusi keluarga yang bahagia dan saling berkasih sayang antara satu sama lain. Jika sekiranya hak dan tanggungjawab ini dilanggar dan diabaikan maka ia menjadi suatu tanda bahawa sebuah keluarga itu sedang mengalami keretakan ataupun konflik pergolakan dan akhirnya dia akan berakhir dengan penderaan terhadap isteri, anak-anak mahupun mungkin ke atas suami dan akhirnya berlakulah perceraian yang merosakkan dan memusnahkan sebuah rumah tangga tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah keganasan rumah tangga ini saya berpandangan bahawa tidak memadai kita hanya melihat kepada apa yang sedang berlaku dalam rumah tangga itu sahaja, dalam skop dinding rumah mereka itu sahaja tetapi perlu kita lihat secara menyeluruh dengan jujurnya. Di sana ada beberapa faktor yang boleh membawa kepada berlakunya keganasan rumah tangga ini.

Antara yang saya lihat dan banyak berlaku dalam masyarakat kita hasil daripada laporan-laporan keganasan rumah tangga ini ialah soal pengambilan dadah dan juga alkohol. Selain daripada latar belakang keluarga dan juga pasangan keluarga, masalah sosial, masalah emosi yang tidak terkawal, soal panas baran, cemburu dan lainnya yang saya lihat besarnya ialah soal pengambilan dadah dan juga alkohol.

Tuan Yang di-Pertua, individu yang mengambil alkohol ini terutamanya mengambil secara berlebihan ini memang mempunyai kecenderungan untuk berlaku agresif dan akhirnya berpotensi besar untuk melakukan penderaan ke atas pasangan hidup mereka dan banyak kes penderaan terhadap golongan wanita ataupun isteri dalam negara kita ini berpunca daripada akibat pengambilan alkohol yang berlebihan dan juga pengambilan dadah yang tidak terkawal. Ini dilaporkan dan diakui oleh Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Kuala Lumpur yang mana apabila mereka menyebut tentang laporan perceraian, penderaan, keganasan rumah tangga maka inilah antara faktor yang paling besar.

Justeru itu saya melihat pengawalan ketat ke atas minuman beralkohol ini mestilah terlebih dahulu dilakukan oleh pihak kerajaan. Sebelum kita pergi kepada penyelesaian

keganasan rumah tangga, perkara ini yang menjadi punca kepada keganasan itu berlaku mesti diambil tindakan yang lebih serius dan juga berkesan oleh pihak kerajaan.

Bagi pihak Muslim tentunya alkohol ini diharamkan sementara mana-mana pihak yang agamanya membenarkan mereka mengambil minuman beralkohol ini maka pastikan dihadkan kadar pengambilannya dan juga premis-premis alkohol ini mestilah dihadkan ataupun mungkin dibenarkan secara tertutup. Oleh sebab kita melihat kesannya adalah terlalu meluas dan ini diakui sendiri oleh Nabi kita Muhammad SAW... *[Membaca sepotong hadis]* Bermaksud, jauhilah oleh mu akan minuman yang memabukkan ini ataupun arak kerana ini adalah ibu kepada segala kemungkaran, kemaksiatan, segala kekejian dan juga segala kerosakan.

Tuan Yang di-Pertua, termasuk dalam perkara yang memabukkan ini selain daripada arak yang menghilangkan akal ini juga ialah sebagaimana saya sebut tadi dadah. Saya lihat dadah dalam negara kita juga masih juga berleluasa dan beberapa kali sudah sebelum daripada ini kita bincang di Dewan yang mulia ini untuk bagaimana kerajaan mesti lebih melipat ganda usaha menangani gejala dadah yang berleluasa dalam negara kita.

Oleh sebab apabila dadah ini berleluasa dan mudah diambil ia bukan sahaja memberi kesan kepada penagihnya tetapi ia akan merebak kepada orang yang berada di sekitar keluarganya, anaknya, isterinya mungkin ibu bapanya dan banyak kes yang berlaku dalam negara kita keganasan yang bermula dengan yang berakibat daripada dadah ini. Bunuh ibu bapa sendiri, bunuh anak sendiri, bukan setakat dera bukan setakat pukul sampai peringkat jenayah bunuh kerana mereka telah hilang akal, hilang kewarasan akibat daripada pengaruh dadah ini.

Jadi inilah punca yang perlu diberikan perhatian serius oleh kerajaan saya kira kerana akta yang kita bincang ini kalau sekadar untuk kita menggubal bagi menghukum pesalah maka ia tidak akan dapat menyelesaikan selama-lamanya apabila puncanya kita tidak tangani. Oleh sebab punca inilah yang akan terus berlarutan sehingga ianya akan membawa kepada kemusnahan yang lebih luas dan juga kebinasaan yang lebih melata dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya juga melihat kepada keganasan ini bermula daripada pengalaman yang dialami oleh seseorang yang mungkin dialami waktu sebelum mereka mendirikan rumah tangga mungkin kerana ada faktor waktu kecil mereka, waktu remaja mereka yang mempengaruhi sikap mereka. Suami yang sering menganiaya isteri sebagai contoh yang bertindak ganas ke atas ahli keluarganya mungkin mereka telah dahulunya mengalami sejarah silam penderaan yang dialami ke atas dirinya sendiri. Baik dan juga individu yang macam ini saya kira dia memerlukan satu rawatan dan juga pemulihan psikologi yang rapi dan berpanjangan oleh pihak yang berwajib supaya dapat ditangani

individu-individu yang sebegini. Kalau tidak nanti dia akan membawa penderitaan dan kesengsaraan kepada ahli keluarganya.

Secara holistiknya saya lihat penyelesaiannya itu tidak terhenti setakat rawatan secara klinikal tetapi apa yang paling penting ialah rawatan secara spiritual kerana perkara-perkara yang seperti ini saya setuju dengan rakan-rakan yang lain banyak menyebut bahawa agama juga menjadi aspek yang penting yang perlu dilihat untuk menyelesaikan masalah soal manusia yang tergamak untuk melakukan keganasan dan penderaan ini. Saya lihat sebagai contoh di kawasan-kawasan yang padat penduduk di rumah *flat* dan juga di tengah-tengah ibu kota sebagai contoh.

■1450

Ada kawasan-kawasan perumahan dan taman-taman itu yang tidak mempunyai *environment* yang baik untuk mereka menjalai agama dan juga mendekatkan diri mereka kepada Tuhan, seperti kawasan itu tidak ada surau pun, tidak ada musala pun untuk mereka menunaikan solat jemaah sebagai contoh, bertemu dengan masyarakat kerana orang yang seperti ini, dia biasanya ialah orang yang mempunyai satu penyakit menyendirinya, tidak suka bergaul dengan orang ramai. Kemudian dia tidak boleh dikontrol, tidak boleh dibangkang pendapat dia dan akhirnya faktor-faktor kejiwaan ini sebenarnya menyebabkan dia tidak tenang, hidupnya serabut, hidupnya kecamuk. Perkara yang paling baik untuk merawat orang yang macam ini ialah saya kira kembalikan mereka kepada agama supaya mereka dapat tunaikan solat berjemaah. Kemudian mereka bersama dengan anggota-anggota masyarakat yang lain.

Selain daripada faktor kejiraninan yang lebih mesra dapat dibentuk, mereka juga nantinya akan lebih tenang dan daripada ketenangan jiwa itulah mereka dapat menangani dan memimpin rumah tangga dengan baik. Sebab kalau kita lihat dalam konsep azan sebagai contoh, sewaktu kita laungkan untuk memanggil orang mendirikan sembahyang jemaah... [*Melaungkan azan*] “Marilah kita sembahyang” dan, “Marilah menuju kejayaan” dan kemenangan. Kejayaan dan kemenangan yang dimaksudkan di sini ialah bukan saja dalam bentuk akhirat semata-mata tetapi juga berjaya untuk hidup di dunia, sejahtera, damai, harmoni, tenang menjalani kehidupan di dunia.

Inilah sebenarnya yang perlu dilihat sama oleh pihak kerajaan saya kira untuk kita sama-sama menangani keganasan rumah tangga yang sedang berleluasa pada hari ini. Penderaan-penderaan yang sebegini boleh kita tangani jika sekiranya semua pihak mengambil langkah untuk mengatasinya. Bukan saja saya hendak bebankan kepada kerajaan 100 peratus tetapi pihak keluarga, pihak masyarakat, pihak agensi-agensi berkuasa yang lain turut sama mengambil bidang ataupun ruang keupayaan yang ada pada mereka untuk menangani kes ini. Cuma secara pihak berkuasa ataupun pihak yang

bertanggungjawab, kerajaan mestilah melihat perkara ini secara lebih serius supaya ianya dapat ditangani dengan baik.

Jadi inilah dua perkara yang saya hendak sampaikan. Mudah-mudahan ianya dapat memberikan manfaat kepada kita semua. Terima kasih banyak.

Timbalan Yang Di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Setiu.

2.52 ptg.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan bahas sedikit saja. Keganasan rumah tangga yang disebut merupakan masalah yang memang hangat diperkatakan dan ianya menjadi semakin serius pada masa sekarang. Jadi ini merupakan masalah yang telah melanda di seluruh negara tanpa mengira bangsa, agama ataupun dari segi kaumnya, jantinanya, keturunannya ataupun kedudukan pihak-pihak tersebut. Ianya melibatkan apa saja jenis kezaliman, keganasan ataupun ketidakadilan ataupun kesalahan sama ada secara fizikal maupun mental yang disebut sebagai psikologi ataupun emosi.

Perkara ini telah dinyatakan dengan jelas dalam seksyen 2, Akta Keganasan Rumah Tangga dan semua pihak dalam sesebuah keluarga itu sebenarnya boleh mendera antara satu sama lain. Tentang penderaan kepada wanita disebutkan secara jelas oleh pembahasan kita, sama ada pihak sini atau sebelah sana. Kalau pembahasan yang wanitanya, lebih bias kepada lelaki. Pembahasan lelaki ini dia lebih tidak bias sangat. Dia bercerita dua-dua.

Akan tetapi saya akan menjurus kepada penderaan kepada suami ataupun lelaki. Sebagaimana kita tahu bahawa walaupun kaum lelaki ini dikatakan lebih kuat, lebih kuat dari segi fizikalnya lah. Lain-lain itu saya tidak sebutlah dan tenaga mereka lebih kuat dari segi tenaga kalau berbanding dengan wanita ini, tetapi walau bagaimanapun berlaku jugalah isu-isu, isteri ini mencederakan atau cuba mencederakan suaminya dengan cara yang kadang-kadang begitu ekstrem sekali. Jadi penderaan emosi dan juga psikologi melebihi penderaan secara fizikal kepada kaum lelaki biasanya, lebih kepada emosi. Banyak lah kalau kita hendak sebut. Biasanya kalau isterinya, dimaki hamun suaminya, itu juga penderaan emosi. Banyak lagi ya. Menghina suami, menolak layanan batin. Semua termasuk dalam psikologi dan juga emosi. Yang biasa kita dengar, kita tahu lah, berleter kuatlah wanita ini.

Ada juga yang menuduh suami itu punyai hubungan dengan wanita lain. Itu pun biasa berlaku. Ini pun psikologi juga...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ada juga yang memalukan suami. Biasalah dengan pelbagai tuduhan. Ini kita boleh anggap sebagai satu perbuatan yang agak kejam, tuduh tanpa usul periksa.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Bagan Serai.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Doktor dia lebih tahuah.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Hendak tanya. Terima kasih Yang Berhormat Setiu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang Di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bila Yang Berhormat Setiu cerita tentang penderaan pada kaum lelaki. Ini pengalaman saya lah kan, pengalaman saya sebagai pengamal perubatan. Orang perempuan ini dia kalau sakit kan, dia jumpa doktor. Dia boleh pemeriksaan, boleh semua. Akan tetapi kalau orang lelaki ini dia punya tahap malu dia tinggi. Dia tidak cerita itu. Dia masuk dia sakit kepala lah, dia sakit di belakanglah semua. Akhirnya sampailah ke situ. Rupanya itu yang sakit dia... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua. Jadi itu tahap malulah. Kalau saya panjangkan ayat tahap kemaluan orang lelaki. Itu betul saya cakap. Saya hendak tanya Yang Berhormat Setiu, yang kita tengok statistik menunjukkan 26 peratus penderaan ini kepada lelaki.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu agak macam manalah di tahap kemaluan orang lelaki itu yang tinggi, macam mana kita dapat 26 peratus ini. Bila, siapakah, macam mana statistik itu datang. Dia orang pergi mengadu kah, ada orang lain tolong mengadu kah, sebab dia kemurungan disebabkan penderaan di rumah, satu. Bagaimana, apakah contoh-contoh lain yang banyaknya yang terpaksa dihadapi oleh lelaki yang telah didera ini. Terima kasih Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya rasa soalan ini saya terima dan ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri lah sebab Yang Berhormat Menteri yang meletakkan 26 peratus ini ya. Lebih elok Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Kalau saya hendak beritahu yang lain-lain itu adalah lagilah, sikap panas baran isteri, kalau isteri yang sado kah, ada juga ini. Itu yang bahaya ini. Kadang-kadang dan ada jugalah yang biasa berlaku ini suami berlaku curang pun ada juga kan. Adakah? Tapi di sini tidak adalah ya tetapi yang minta izin dapatkan yang lebih. Ini yang kita takut ini, kadang-kadang ini. Ada juga ini. Ada ahli-ahli di sini pun, ada ini yang hendak minta lebih. Yang daripada satu hendak kedua, dua ke tiga pun ada ini. Tiga ke empat pun ada lagi di kalangan kita ini sebenarnya...

Timbalan Yang Di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Setiu, kalau hendak tambah isteri tidak bagi macam mana?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Itulah yang saya kata itu. Psikologi itu maknanya isteri akan berleter dan menggunakan keganasan. Ini yang kita takut.

Timbalan Yang Di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh buat aduanlah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Punca-puncanya banyak.

Timbalan Yang Di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh buat aduanlah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Boleh buat aduan. Kalau setakat tidak dibenarkan, itu tidak boleh buat aduan. Kalau didera, dimarahi, dibaling dengan bermacam-macam barang keras, barang lembut, tidak kiralah.

Timbalan Yang Di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak termasuk deraan emosi?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Emosi. Agak-agak hendak tambah kah, agak Tuan Yang di-Pertua ya? Tidak payahlah. Saya rasa tidak payah tambahlah ya. Jadi punca-punca lain banyak lagi lah kalau hendak kira isteri yang ego, sering memandang rendah kepada suami, isteri yang tidak boleh bertolak ansur.

■1500

Kajian juga ada menyatakan isteri itu bertindak ganas kerana mempertahankan diri, ada juga yang mereka sebenarnya di dera dan mereka bertindak balas. Itu pun boleh berlaku dan juga isteri biasa menjadi mangsa kepada keganasan rumah tangga ini. Dia macam *revenge-lah*, dia balas balik. Ada juga yang berlaku yang biasa-biasa yang kita dengar selisih faham antara suami isteri ini, masalah anaklah macam-macam lagi, masalah kewangan, faktor yang lain cemburu dan sebagainya. Banyak yang faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada perkara-perkara tersebut dan yang disebut oleh Yang Berhormat Temerloh tadilah alkoholnya, dadahnya dan sebagainya.

Jadi inilah kebaikannya akta ini sekarang dibentangkan di Parlimen pada hari ini. Cuma satu soalan kepada pihak Menterilah, Menteri agak-agaknya tidak bias kalau berlaku kepada lelaki ya? Agak-agak tidak perlu adakan kementerian yang lain menjaga hal ehwal lelaki sebab dia orang ada 'WTO' apa? *Women organization* dia ada tapi kita lelaki tidak ada ya, ada?... *[Disampuk]* Oh! Tidak payah, walaupun kena dera tidak apa ya, takut jatuh kemaluan, tidak buat *report* dan saya ingin menyentuhlah sedikit. Saya akan lebih kepada yang peruntukan baru yang sebelum ini tidak ada, saya tak nak sentuh peruntukan lama yang sudah ada.

Peruntukan yang *interim*, apa semua itu perlindungan *interim* dan juga yang bawah Bahagian III itu. Perintah perlindungan kecemasan yang saya nak sentuh sikit. Daripada sini kita lihat perintah kecemasan ini yang saya tidak berapa faham sikit dihadkan hanya kepada dua 'A' dan 'B' sahaja. Saya minta Menteri jelaskan kenapa sebab penderaan lain itu ada

dinyatakan dinyatakan sehingga kepada ‘H’, ‘G’, ‘H’, dan ada juga yang seksual punya paksaan itu. Kenapa yang setakat fizikal sahaja yang disebut, jadi saya minta penjelasan daripada pihak Menterilah.

Seterusnya, berkenaan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Katil pagi tadi fasal perintah yang dibuat oleh pegawai Kebajikan Masyarakat yang diberi kuasa secara bertulis. Jadi yang Yang Berhormat Bukit Katil dia menyebut fasal mungkin tidak ada pengalaman dan sebagainya. Akan tetapi yang saya nak juruskan sekarang ini, kalau kita bagi kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat boleh pastikan sebab perkara ini berlaku boleh berlaku pada hari minggu dan Pegawai Kebajikan Masyarakat sama ada ia bermastautin di tempat mereka bertugas.

Kalau macam kalau majistret dan sebagainya mereka diminta supaya berada di 25 kilometer di kawasan-kawasan tempat bertugas. Akan tetapi kalau pegawai kebajikan ini saya tidak pasti sama ada kadang-kadang mereka tidak berada di tempat. Jadi macam mana kita nak mengatasi masalah ini sebab kuasa diberi kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat. Jadi sebaik-baiknya saya nak cadangkan, sebaik-baiknya kita bagi kuasa kepada mahkamah sebab bila sebut perintah biasanya perintah datangnya dari mahkamah, bila sebut perintah ini. Order ini tidak datang daripada jabatan-jabatan kalau saya boleh tekankan perkara ini, jadi seelok-eloknya kita bagi kuasa kepada mahkamah. Kita boleh pinda.

Lain-lain ini saya nak tanya sedikit dari segi kesan pindaan kita ini, kesan undang-undang kita ini dengan penderaan fizikal kepada orang Islam, orang Islam ini masalahnya sekarang ini kalau macam anak sebab tidak ada pengecualian langsung dalam akta kita. Kalau anak ini yang berumur 10 tahun ini boleh dah dirotan dengan soft ya, dengan cara lembut kalau tidak sembahyang, umurnya 10 tahun. Jadi di mana pengecualian ini, kalau itu berlaku adakah ini juga dikategorikan sebagai penderaan dan juga yang satu lagi tapi saya tidak berapa ingat sangatlah dari segi harta.

Harta ibu bapa ini, harta anak. Kalau anak ambil harta ibu bapa itu mungkin boleh dikatakan satu kesalahan, tapi bagaimana kalau ibu bapa yang ambil harta anak. Adakah ini juga merupakan satu kesalahan dalam akta kita. Kalau mengikut bacaan memang satu kesalahanlah sebab mungkin ada pengecualian tentang kalau ibu bapa yang mengambil harta anak dan satu lagi yang dari segi hukuman.

Hukuman diletakkan dua ini, kalau satu menghalang dia boleh- mana denda? Denda tadi bawah mana. Bawah 3E pelanggaran kepada perintah, dia buat dua kesalahan ini yang pertama, “*Mana-mana orang yang sengaja melanggar suatu perintah perlindungan...*” Dia boleh denda tidak melebihi RM2,000 atau di penjara atau kedua-dua sekali, penjara enam bulan tetapi yang kedua itu, disebut menggunakan keganasan. Jadi seolah-olah macam benda sama. Kalau melanggar itu makna dia sudah kira melanggar itu dia menggunakan

keganasan. Jadi seolah-olah benda yang sama, dua hukuman. Ini pun minta penjelasan tentang perkara ini.

Dari segi penyerahan, penyerahan ini saya tidak nampak dari segi kalau nak serah dia kata dia letak di rumah. Kalau penyerahan secara ganti ini diletak di rumah tetapi tidak ada bukti yang jelas. Adakah dia perlu ambil gambar baru diletak di tempat yang selamat, kalau diletak di luar hujan datang ke, perintah itu sudah hilang ke sebagainya, angin bertiup ke sebab perintah ini *just* satu helai kertas.

Jadi perkara-perkara macam ini kita kena pastikan lebih penyerahan itu biarlah dibuat dengan bukti-bukti yang agak jelas dan saya rasa setakat ini saja untuk kali ini dan saya pun menyokong. Terima kasih.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *[Duduk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gombak.

3.08 ptg

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kapar bagi laluan kepada Yang Berhormat Gombak, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Mohon direkodkan Yang Berhormat Kapar bagi laluan... *[Dewan ketawa] Sila.*

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Direkodkan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya...
[Dewan ketawa]

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Dengan izin saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, Gombak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kapar nak hidup, nak sambung lagi.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Sebagai?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Calon-calon pilihan raya.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Oh calon, dalam pertimbangan yang serius Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *[Ketawa]*

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Gombak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lepas ini belanja teh saya [Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, Gombak pada petang ini ingin mengambil bahagian dalam perbahasan dan saya ingin memulakan dengan merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang tuntas untuk membawa perubahan pindaan demi mengangkat martabat institusi keluarga dan akhirnya *insya-Allah* dengan usaha yang berterusan ini kita dapat memakmurkan masyarakat dan negara kita.

Antara objektif pindaan akta keganasan rumah tangga yang dibawa pada hari ini ialah untuk menambah baik perlindungan bagi mangsa keganasan rumah tangga dengan tambahan peruntukan perlindungan kecemasan atau EPO selain daripada perintah perlindungan *interim*, IPO dan juga Perintah Perlindungan (PO) yang sedia ada. Saya juga menyambut baik usaha kementerian untuk memperluaskan takrif keganasan rumah tangga dengan memperuntukkan tiga senario di mana keganasan rumah tangga boleh berlaku. Bukan lagi terhad kepada keganasan fizikal tetapi juga meliputi emosi, kewangan dan juga kehormatan.

■1510

Selain daripada usaha kementerian untuk memperkuatkannya lagi perintah bagi Perintah Perlindungan Interim dan Perintah Perlindungan Interim henti berkuat kuasa. Tuan Yang di-Pertua, seksyen baru 3A bercadang untuk memberi kuasa kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk mengeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) bagi mangsa keganasan rumah tangga pada bila-bila masa sama ada atau tidak suatu Perintah Perlindungan Interim atau Perintah Perlindungan telah dibuat sebelum ini atau masih belum selesai.

Yang Berhormat Menteri juga telah memaklumkan bahawa mangsa keganasan rumah tangga kini boleh mendapat Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) pada hujung minggu atau di luar waktu pejabat daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat berbanding dengan amalan pada hari ini, di mana mangsa hanya boleh mendapatkan IPO ataupun PO daripada mahkamah.

Walaupun perkara ini mungkin satu perkembangan yang positif yang kita alu-alukan kerana mangsa boleh mendapatkan perlindungan pada kadar segera. Akan tetapi pada pandangan saya, perkara ini mungkin menghadapi kegagalan sekiranya ia sekadar memberikan tugas tambahan kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat tanpa kuasa penguatan kuasa. Saya dimaklumkan Yang Berhormat Bukit Katil juga ada membangkitkan perkara ini pada lewat pagi ini, di mana cabaran pindaan ini Yang Berhormat Menteri, adalah isu

pelaksanaan. Kita semua sedia maklum bahawa bidang tugas dan kemahiran yang sedia ada pada Pegawai Kebajikan Masyarakat lebih bersifat pentadbiran, kemasyarakatan dan juga kebajikan sosial.

Namun, pindaan yang sedang kita bahas pada hari ini memberikan kuasa baru kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk menjalankan satu tanggungjawab yang amat berat dan mencabar iaitu memberi Perintah Perlindungan kepada mangsa rumah tangga. Memang Pegawai Kebajikan Masyarakat kita pada hari ini boleh diberikan latihan ataupun kursus khas bagi memenuhi tanggungjawab yang baru ini. Namun, kita tidak harus lupa bahawa Pegawai Kebajikan Masyarakat bukan anggota keselamatan yang mempunyai kuasa penguat kuasa untuk memerintahkan penahanan atau sekatan seseorang. Pegawai Kebajikan Masyarakat yang dibebankan dengan tugas tambahan ini berkemungkinan juga terdedah dengan ugutan pelaku keganasan rumah tangga kerana mereka tidak mempunyai kuasa penguat kuasa.

Mengikut pindaan ini, Pegawai Kebajikan Masyarakat juga perlu mengeluarkan EPO ini dalam masa dua jam selepas permohonan dibuat dan laporan polis tidak diperlukan ketika permohonan dibuat dan Pegawai Kebajikan Masyarakat dalam masa 10 jam perlu menyerahkan Perintah Perlindungan Kecemasan kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis berkenaan jika boleh dan pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis berkenaan dalam masa 12 jam perlu menyerahkan salinan perintah itu kepada pelaku jika boleh. Persoalannya Tuan Yang di-Pertua ialah dalam tempoh 24 jam bermula dari saat mangsa membuat permohonan, apa-apa pun boleh berlaku. Oleh kerana hanya berkuat kuasa apabila salinan perintah itu disampaikan kepada pelaku dan itu pun jika boleh perintah itu sah selama tujuh hari dari tarikh pengeluaran.

Yang Berhormat Menteri wajar mempertimbangkan bidang tugas dan kemahiran yang sedia ada pada Pegawai Kebajikan Masyarakat dan mempertimbangkan opsyen untuk memberi kuasa kepada polis bagi mengeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan walaupun tanpa persetujuan mangsa asalkan pada pandangan saya, pihak polis mempunyai asas yang kukuh bahawa mangsa terdedah kepada risiko keganasan rumah tangga dan berkuat kuasa mulai masa dan tarikh perintah itu dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini juga sewajarnya menyatakan had tempoh untuk polis menghadapkan pelaku ke mahkamah untuk tindakan undang-undang selanjutnya. Oleh kerana apabila saya melihat dan meneliti pindaan ini, tidak dinyatakan secara spesifik apakah had tempoh untuk polis menghadapkan pelaku ke mahkamah bagi tindakan undang-undang. Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah pendirian kementerian terhadap perbuatan hendapan ataupun *stalking*? Apakah kementerian melihat perbuatan hendapan ini sebagai satu jenayah yang boleh dimasukkan dalam Kanun Keseksaan dan dimuatkan dalam pindaan ini atau kementerian mempunyai pandangan dan pendirian yang berbeza terhadap perbuatan hendapan? Saya juga mengesyorkan supaya kementerian dapat

mengemas kini semula dokumen garis panduan pengendalian kes keganasan rumah tangga iaitu garis panduan yang dibuat secara bersama dengan agensi penguat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan dalam mukadimah saya pada petang ini, pindaan yang dicadangkan ini merupakan satu perkara yang positif. Akan tetapi kita harus ingat, mengubah undang-undang ini hanya merupakan langkah yang pertama. Apa yang kita hendak bangunkan ini ialah satu keluarga yang harmoni, yang hendak kita bangunkan ialah sebuah masyarakat dan akhirnya, yang hendak kita bangunkan ialah sebuah negara yang aman, makmur dan harmoni.

Kita bukan sekadar membangunkan mesin ataupun robot. Kita ingin membangunkan sebuah institusi keluarga, maka untuk mengubah kehidupan sebuah keluarga dan kehidupan rumah tangga secara holistik, saya ingin mencadangkan supaya agensi-agensi penguat kuasa sama ada PDRM, Pusat Khidmat Krisis Sehenti di hospital awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Peguam Negara dan juga pihak lain yang berwajib mestilah diberikan dengan satu sumber yang adil dan berpatutan, haruslah disiapkan latihan yang dapat mengangkat dan mengilap potensi dan keupayaan pegawai-pegawai untuk melaksanakan pindaan akta ini dan juga penyeliaan yang mencukupi bagi kita melaksanakan undang-undang ini. Sekiranya kementerian dapat memberikan jaminan dalam Dewan yang mulia ini, bukan sekadar pindaan yang diberikan perhatian tetapi satu usaha secara holistik untuk memastikan pelaksanaannya dan penguatkuasaannya dapat berjalan dengan baik dan lancar, saya percaya hasrat Yang Berhormat Menteri dan kementerian untuk membangunkan sebuah institusi keluarga ini, *insya-Allah* akan tercapai. Saya yakin ia akan mendapat dukungan daripada masyarakat di luar sana.

Jadi, itulah perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan yang dibawa oleh kementerian dan saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberi perhatian di atas cadangan yang telah dikemukakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Kota Samarahan.

3.19 ptg.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang untuk saya sama-sama berbahas Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017. Tuan Yang di-Pertua, umumnya kita mengetahui keganasan rumah tangga timbul disebabkan tiada keharmonian dan persefahaman dalam rumah tangga oleh pasangan suami isteri.

■1520

Penyalahgunaan kuasa yang sering berlaku apabila pasangan yang mendatangkan kecederaan secara fizikal ataupun penderaan mental, sengaja cuba meletakkan mangsa

dalam ketakutan, mencederakan secara fizikal, merosakkan harta dengan niat menyebabkan kesedihan atau kegusaran, memaksa atau mengancam melakukan perbuatan seksual serta mengurung, menahan tanpa kerelaan serta perbuatan khianat yang mampu memberi tekanan kepada mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, statistik telah menunjukkan keganasan rumah tangga semakin tahun semakin meningkat. Berdasarkan statistik keganasan rumah tangga tahun 2015 daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menunjukkan kes berkenaan meningkat antaranya disebabkan oleh masalah ekonomi dalam institusi keluarga, tekanan psikologi yang dialami oleh pasangan suami isteri serta mekanisme yang menjalankan tanggungjawab dalam keluarga seperti penjagaan anak kecil.

Masalah pengaruh alkohol dan dadah juga menjadi faktor utama menyebabkan wanita dan kanak-kanak menjadi mangsa keganasan dan penderaan. Keganasan rumah tangga melibatkan penderaan fizikal, mental, seksual, sosial dan ekonomi yang menyebabkan mangsa mengalami trauma yang lebih rumit.

Oleh itu, saya merasakan saya amat menyokong dengan usaha pihak Kementerian untuk meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 bagi memantapkan lagi ataupun menangani keganasan rumah tangga pada masa ini dan juga pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa aspek berkaitan dengan pindaan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga ini. Yang pertama sekali, kita amat menyokong penuh klausa menambah baik perlindungan mangsa keganasan rumah tangga. Ketika ini, kuasa memberi perlindungan terhadap keselamatan diri mangsa dikeluarkan oleh mahkamah iaitu perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan.

Difahamkan menerusi pindaan ini, kuasa mengeluarkan segera perintah perlindungan kecemasan (EPO) yang mempunyai sah laku selama satu minggu akan dilaksanakan. Mangsa hanya perlu menghubungi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan EPO akan dikeluarkan dengan kerjasama polis untuk menyampaikannya. Melalui EPO ini, hak pengasingan kediaman atau penghunian eksklusif kediaman bersama kepada mangsa akan terpakai. Si pelaku diminta untuk keluar dari rumah tersebut bermaksud tidak boleh tinggal serumah bersama mangsa selama satu minggu. Tempoh ini diperuntukkan sebagai *cooling period* supaya memberi satu perasaan selamat kepada mangsa.

Saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut daripada pihak kementerian berkaitan dengan SOP pengeluaran EPO ini. Adakah ini bermaksud mangsa berhak untuk mendapatkan EPO tanpa membuat laporan polis terlebih dahulu? Bagaimana pula jika pelaku yang telah diperintahkan untuk meninggalkan kediaman tidak mempunyai tempat tinggal kerana berjauhan daripada keluarga atau hanya sebatang kara, dan bagaimana peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam membantu memulihkan emosi dan semangat mangsa keganasan rumah tangga dan anak-anak mereka jika ada?

Selain daripada itu, adakah kementerian bercadang untuk menyediakan satu pusat pemulihan agar tujuh hari *cooling period* berkenaan dimanfaatkan dengan sesi kaunseling, atau pelaku akan didakwa dalam tempoh tujuh hari tersebut? Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian tentang Talian Kasih 15999 di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sehingga kini, berapakah statistik kes penderaan yang dilaporkan sendiri oleh mangsa melalui talian berkenaan? Kita faham emosi mangsa keganasan tidak menentu dan besar kemungkinan setelah diugut, mangsa teragak-agak atau bimbang untuk ke balai polis berhampiran. Penggunaan talian ini dan kesedaran untuk mangsa tampil sendiri membuat aduan amat penting agar mangsa mendapat keadilan dan perlindungan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pindaan yang telah dikemukakan dalam rang undang-undang ini ialah memperluaskan takrif keganasan rumah tangga. Cadangan pindaan rang undang-undang untuk turut merangkumi perluasan takrif keganasan rumah tangga dengan memperuntukkan tiga lagi hal keadaan keganasan rumah tangga yang berlaku iaitu merangkumi kegelapan harta mangsa yang menyebabkan mangsa mengalami kesedihan kerana kerugian wang, mengugut mangsa dengan niat menyebabkan mangsa takut akan keselamatan dirinya dan pihak ketiga atau hartanya serta mengaibkan mangsa melalui apa cara termasuk elektronik.

Persoalan saya kepada pihak kementerian dan mohon penjelasan, bagaimana untuk mentakrifkan bahawa ketiga-tiga hal berkenaan mampu mendatangkan penderaan emosi dalam tempoh masa yang lama kepada mangsa? Saya ambil contoh mengaibkan mangsa melalui media elektronik. Kini penggunaan media sosial semakin meluas dan ia menjadi salah satu medium mangsa diaibkan, namun ia mungkin bersifat sementara, berlaku akibat kecelaruan emosi tanpa sedar atau waras akibat tekanan hal sekeliling atau dipengaruhi oleh orang lain.

Justeru itu, bagaimana kita mengklasifikasikan kes seperti ini sesuai didakwa sebagai salah satu kes keganasan kerana ia tidak melibatkan kecederaan fizikal? Apakah justifikasi kementerian dalam mengeluarkan EPO dan kementerian mempunyai tapisan sebelum mengeluarkan EPO melibatkan kes penderaan melibatkan emosi mangsa atau mengikut garis panduan pengendalian kes keganasan rumah tangga yang diperkenalkan pada tahun 2015 yang membolehkan semua maklumat mengenai peranan, tanggungjawab dan prosedur yang diguna pakai agensi terlibat didokumenkan sebagai sumber rujukan?

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkaitan tempat selamat bagi kes keganasan rumah tangga. Sehingga kini, berapakah jumlah rumah perlindungan yang menempatkan mangsa keganasan rumah tangga dan adakah terdapat keperluan untuk menampung jumlah rumah perlindungan berkenaan? Di Sarawak, terdapat 129 *one-stop crisis centre* di hospital-hospital besar kerajaan yang membolehkan mangsa keganasan mendapat rawatan

komprehensif dan berpusat. Setakat ini, terdapat empat rumah perlindungan untuk mangsa keganasan di seluruh negeri Sarawak iaitu di Kuching, Sibu, Miri dan Sri Aman. Sejauh manakah rumah perlindungan ini mendapat bantuan daripada NGO dan badan-badan amal lain sebagai sistem sokongan dalam menjayakan kempen kesedaran berkaitan keganasan rumah tangga? Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya berharap dengan pindaan rang undang-undang ini, keganasan rumah tangga dapat dibendung dan diatasi dengan lebih komprehensif. Keganasan rumah tangga bukanlah masalah keluarga tetapi tanggungjawab bersama membantu memulihkan emosi mangsa dan mengharapkan institusi keluarga yang dibina terus utuh selamanya. Kota Samaraham mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

3.29 ptg.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk Kapar juga membahaskan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dengan pindaan tahun 2017 pada hari ini. Seperti Ahli Parlimen lain, saya merasakan bahawa kesemua 222 Ahli Parlimen setuju dengan akta ini secara dasarnya.

■1530

Pada waktu yang sama, saya mempunyai pandangan yang berbeza Yang Berhormat Menteri, di mana saya rasa undang-undang yang dipinda sehingga tahun 2012 itu pun sudah mencukupi untuk kita mengawal keganasan rumah tangga.

Apa yang menjadi persoalan adalah aplikasi undang-undang yang sedia ada hari ini, kita terima secara holistik pembaharuan yang telah dilakukan. Akan tetapi persoalan yang masih lagi akan wujud adalah setelah akta ini diwartakan dan digunakan, apakah aplikasi yang akan digunakan dan bagaimana ia akan digunakan dan apakah keberkesanannya untuk mengatasi masalah rumah tangga yang sedia ada. Pandangan saya adalah akta sebelum ini tanpa EPO pun sudah memadai, tetapi ketidakberkesanan pegawai-pegawai untuk mengaplikasikan undang-undang yang sedia ada merupakan satu halangan yang amat besar dan hasrat dan objektif kita ketika itu sehingga hari ini tidak tercapai.

Saya ingin meminta komitmen daripada Yang Berhormat Menteri, apakah dengan pindaan yang telah dilakukan, beberapa fasal telah dimasukkan secara positif, saya terima baik dengan kemasukan fasal-fasal ini, apakah masalah yang kita hadapi sejak 1994 dan selepas itu daripada tahun 2012 hingga sekarang, akan diperbaiki pada masa yang akan datang. Itu persoalan pertama yang saya ingin bangkitkan Yang Berhormat Menteri.

Kedua, apabila kita pandang undang-undang Akta Keganasan Rumah Tangga ini, saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada *United Nations resolutions draft*

in the relations to violence against women and girls, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dimaksudkan oleh *UN resolutions* adalah *legislation should be included an emergency or ex parte protection order as a vital aspect of a domestic violence law. An ex parte protection order is based upon the assumption that the victim is in danger of immediate harm and must be protected by the state. The safety of a victim and her children should be the most urgent priority of the legislation.*

Bila kita pandang *UN resolutions draft* ini Tuan Yang di-Pertua, ada dua elemen yang penting. Satu adalah *ex parte protection* iaitu saya terima baik memang sudah ada dalam undang-undang yang kita sedang gubal ini di mana *Emergency Protection Order* (EPO) memang menggunakan kaedah *ex parte*, bermaksud bagus. Akan tetapi bahagian yang kedua dalam *resolutions* ini juga mengatakan, “*victim is in danger of immediate harm and must be protected...*”. Itu sekali lagi kita ada EPO. EPO sedang merangkumi bahagian yang kedua itu tetapi kerisauan saya adalah lebih kepada bahagian kedua itu adalah SOP dia. Bagaimana kita nak aplikasikan dia, bagaimana kita nak pastikan kes ini memang mendapat perhatian yang khusus dalam masa yang terdekat tanpa elemen-elemen yang sebelum ini yang mengganggu kes keganasan rumah tangga daripada diselesaikan.

Saya ingin...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Ya, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, rakan sebelah. Sila.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada rakan baik saya yang duduk di sebelah saya. Saya cuma nak tanya sedikit kalau boleh tambah dalam ucapan Yang Berhormat Kapar tentang EPO ini. Saya cuma nak tanya Menteri kalau boleh, kenapakah tempoh EPO ini tujuh hari ini terlalu singkat? Kadang-kadang kemungkinan lebih diperlukan 14 hari atau satu bulan. Apakah prosedur sekiranya perlu untuk menambah lebih daripada tujuh hari? Terima kasih.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Saya ingin menjawab pertanyaan Yang Berhormat Kelana Jaya. Kalau kita ambil US di beberapa *states*, memang EPO ini antara tiga hingga lima hari. Memang ada sebab EPO ini dia berfungsi untuk *as an immediate protection*, dengan serta-merta. Fasal itu kita rangkumkan dalam masa dua jam pegawai daripada kebijakan kena berinteraksi, kena keluarkan *order* ini.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Saya rasa tujuh hari itu sesuatu yang telah dikaji oleh pihak kementerian, tetapi saya masukkan juga untuk dapat penerangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Batu Gajah. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Kapar tadi mengatakan bahawa pegawai kebajikan boleh mengeluarkan perintah dalam Perintah Perlindungan Kecemasan dalam tempoh dua jam. Akan tetapi pelaksanaannya jadi masalah apabila pihak kebajikan masyarakat memberitahu pihak polis memerlukan tempoh- dia boleh mengambil masa 10 jam dan untuk polis bertindak, untuk mengeluarkan perintah itu, menyampaikan perintah itu kepada pelaku, 12 jam. Hampir 24 jam diperlukan untuk perintah itu berkuat kuasa. Itu apa yang saya faham daripada pindaan yang dibuat. Jadi, kenapa perlu masa yang begitu lama sekali?

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Daripada pemahaman saya adalah 12 jam itu adalah had masa yang paling lama. Had masa minimum adalah dua jam. So, di antara dua jam hingga 12 jam perlu diselaraskan. Saya minta juga Yang Berhormat Menteri betulkan kalau saya punya tafsiran tadi silap, tetapi itu pandangan saya. Boleh masukkan juga untuk penerangan daripada Yang Berhormat Menteri. Itu bahagian pertama saya tadi Yang Berhormat Menteri.

Saya masuk kepada bahagian kedua. Bahagian kedua saya adalah statistik kes yang telah dilaporkan setakat hari ini dan kebelakangan ini. Melalui laporan yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri, dari tahun 2014 hingga 2016, 15,617 kes yang telah dilaporkan. Persoalan saya adalah, adakah kajian telah dilakukan oleh kementerian mengenai punca-punca sebenarnya berlaku keganasan sebegini. Tanpa kita mengetahui punca sebenar dan kita draf satu undang-undang, saya rasa ia tak selaras.

Saya bagi contoh seperti di Ghana ataupun di India sebelum mereka mengemaskinikan undang-undang Akta Keganasan, mereka telah melakukan satu kajian, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *patterns and trends of domestic violence in their countries*. So, ada tak kita juga telah melakukan *patterns and trends of domestic violence in Malaysia* dan benda ini tidak mustahil sebab kalau kita buat semakan kepada rekod-rekod mahkamah, kita boleh tahu dari mana puncanya, apakah masalah yang dihadapi dan apakah sebenarnya implikasi-implikasi di sebalik keganasan rumah tangga. So, saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri untuk menerangkan ada tak apa-apa kajian yang telah dilakukan sebelum ini.

Bahagian ketiga saya adalah mengenai yang saya katakan tadi masalah-masalah yang dihadapi, bukan dari sudut undang-undang tetapi dari sudut aplikasi undang-undang. Sebelum ini apa yang telah kita lalui, contoh Yang Berhormat Menteri masalah-masalah yang terlibat dengan IPO sebab sebelum ini tak ada EPO, kita ada IPO tetapi apa masalah dia.

Contoh, ketidakrelaan pihak polis untuk memberi atau merujuk kes IPO ke mahkamah. Kita ada masalah dengan pihak polis. Nombor dua, walaupun ada pelbagai program kesedaran tetapi pihak polis telah tidak menunjukkan keseriusan mereka dalam kes-kes keganasan rumah tangga. Tak ada keseriusan daripada pihak polis. Ketiga, walaupun pihak polis telah membuka kertas siasatan, tetapi pihak polis tidak meneruskan siasatan atau mendakwa pihak-pihak terbabit di mahkamah. Ini memberi ruang kepada pihak yang lagi satu untuk mara ke hadapan dan mengetepikan IPO ataupun *set aside* IPO. Ini masalah-masalah yang kita ada ketika IPO, keseriusan pihak polis dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya dalam satu kes yang telah diwakilkan oleh rakan seperjuangan saya di Balai Polis Kajang. Apabila kita bawa mangsa ke balai polis dan minta polis menyelaraskan IPO, pegawai polis itu memaklumkan kepada rakan seperjuangan saya bahawa, “*Saya pun tampar isteri saya. Takkanlah benda ini nak bawa sampai ke polis, lepas itu nak pergi ke mahkamah minta interim.*” That’s mean the mind set and attitude of the officer in charge. Apa yang kita sedang lakukan? Saya risau akta yang baik, satu akta yang boleh dikatakan terbaik, terkini pada hari ini tetapi tidak akan dilaksanakan sekiranya *mind set* pegawai kita masih lagi pada tahap yang sama.

Saya teruskan dengan menarik perhatian Yang Berhormat Menteri dan Dewan yang mulia ini kepada satu surat rasmi bertarikh 23 Jun 2011 daripada Pejabat Ketua Pendaftar yang ditujukan kepada semua Majistret.

■1540

Rujukan surat rasmi itu adalah JK/MP135 Jilid 2 bertajuk “Pengendalian Kes-kes di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Dalam surat ini telah ditekankan ketidakseragaman amalan dalam mengendalikan kes-kes yang melibatkan keganasan rumah tangga. Bermaksud ada undang-undang ini tetapi di mahkamah jika tidak ada keseragaman masalah sekali lagi wujud dan tiga isu yang telah dibangkitkan adalah yang pertama mengenai daerah yang berbeza iaitu saya terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri sebab kita sudah ada pemberian dalam akta ini, kita telah baiki isu pertama melalui akta ini.

Isu kedua adalah arahan mangsa perlu hadir bersama dengan pegawai JKM. Kalau dia tidak hadir bersama dengan pegawai JKM, setengah mahkamah bagi IPO, setengah mahkamah tolak IPO. Benda itu tidak dikemaskinikan dalam akta ini. Untuk perhatian Yang Berhormat Menteri, sekarang masalah sudah lebih meluas kerana EPO diberikan kepada pegawai JKM bila sampai ke IPO nanti perlu kah dia hadir bersama dengan pegawai JKM. Ini menyusahkan mahkamah kerana tidak ada keseragaman, tidak ada SOP, perlu ada penelitian secara khusus.

Isu ketiga pula IPO yang di keluarkan atas satu nama atau beberapa individu. Itu pun tidak seragam. Sewajarnya setiap orang yang mempunyai IPO perlu diberi secara individu dalam perintah itu perlu dinamakan nama dia. So kalau ada isteri dua anak kita kena

keluarkan tiga perintah. Akan tetapi yang ini pun tidak seragam. So masalah-masalah ini yang praktikal tidak diselami ataupun tidak diharungi di dalam akta yang kita sedang gubalkan pada hari ini yang perlu penelitian daripada Yang Berhormat Menteri dan kita kena datang dengan satu SOP. Kalau tidak kita akan menghadapi masalah dalam aplikasi undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, poin keempat saya kalau tidak silap saya. Saya ingin merujuk Yang Berhormat Menteri kepada isu yang telah saya bangkitkan dari poin pertama saya iaitu garis panduan yang sedia ada berkaitan dengan keganasan rumah tangga. Garis panduan yang digunakan dikenali sebagai Garisan Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga. Yang ini pegawai polis pun ramai di kalangan mereka yang tidak tahu tentang garis panduan ini. Kita—*that is my issue now*. Isu practicality, mereka tidak tahu. Adakah sekarang apakah JKM, polis telah menyediakan SOP baru? Adakah mereka mengenali dan memahami garisan panduan ini? Adakah latihan kebolehan dan kemampuan untuk mereka mengendali kes ini telah dipertingkatkan? Tidak patut kita ada undang-undang yang sebegini baik tetapi pegawai tidak memahami, pegawai JKM tidak memahami, pegawai-pegawai polis tidak memahami tetapi hendak melaksanakan satu undang-undang tanpa ada pemahaman dan sebagainya. Saya juga ingin merujuk kepada Yang Berhormat Menteri kami difahamkan ada 1,600 pegawai yang telah melalui latihan dan sebagainya. Apakah mereka juga mempunyai kemampuan, kebolehan dan sebagainya seperti yang kita telah bincangkan sebelum ini dalam Akta Kanak-kanak.

Akta Kanak-Kanak mempunyai satu *specialized environment, similarly dekat sini*. Bila melibatkan rumah tangga suami isteri dan sebagainya melibatkan satu *specialized skills*. So 1,600 pegawai ini macam mana *skill* mereka. Saya menerima baik cadangan beberapa Ahli Parlimen sebelum ini yang mengatakan bagi kuasa ini kepada mahkamah bukan kepada pegawai biasa, *with due respect to the welfare officers, due respect but then the skill is extraordinary*.

Saya bagi contoh Yang Berhormat Menteri. Kalau kita balik kepada akta asal, DVA ini, 1994 (Pindaan) 2012. Di bawah *domestic violence* ini, apa itu maksud *domestic violence*. Kalau kita tengok Bahagian F, *causing—I'm talking about domestic violence definition section 2*, akta ibu. *F—causing psychological abuse which includes emotional injury to the victim. This is very subjective. How to prove psychological abuse?* Bagaimana seorang pegawai biasa yang duduk dekat sana dia boleh menilai orang ini mengalami *psychological abuse* dan oleh itu dalam masa dua jam, saya akan keluarkan EPO. *That's a very something that I feel* orang biasa tidak boleh menjawab. Mungkin peguam ataupun hakim boleh menilai perkara itu sebab mereka melalui beberapa kes. Hanya dengan memberikan latihan, kemampuan untuk mereka menilai, kemahiran untuk mereka menilai dari sudut pendidikan ataupun dari sudut *skilled training*, baru mereka boleh memantapkan diri mereka dengan boleh menilai setiap kes dari kes basis.

Seterusnya, saya ingin menyentuh juga tentang program pemulihan (*rehabilitation programme*). Lagi sekali kalau kita merujuk kepada akta yang sedia ada, ada pemberitaan. Dulu kita guna perkataan kaunseling di mana dulu kita ada badan pendamai. Sekarang kita memperbaiki dengan adanya pampasan dan program pemulihan. Sekali lagi Yang Berhormat Menteri, program pemulihan secara holistik tidak boleh menyelesaikan *case per case basis*. Setiap kes mempunyai ceritanya, faktanya yang berbeza. Setiap kes mempunyai pandangan yang berbeza dan kerumitan yang berbeza.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar ringkaskan ya. Uh poin-poin.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sampai pukul 4.00? Terima kasih. Boleh, boleh, boleh. Poin ini penting Tuan Yang di-Pertua saya sentuh poin-poin yang rakan-rakan seperjuangan saya tidak sentuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih. So maka dari sudut pemulihan program ini Yang Berhormat Menteri. Apa yang telah direka ataupun apa yang telah diselaraskan, mekanisme yang akan digunakan untuk kita mengharungi setiap kes yang mempunyai pelbagai perbezaan dan sebagainya.

Seterusnya saya masuk ke dalam EPO, IPO dan PO. Saya hendak sekalikan sebab dia ada kesinambungan. Saya pilih EPO dulu. Saya terima baik ia adalah *ex parte*, tidak perlu membuat laporan polis. Saya terima baik dan diberikan dalam masa dua jam. Akan tetapi pada waktu yang sama Yang Berhormat Menteri, pastikan ia tidak disalahgunakan. Contoh, katakan ada satu keluarga mempunyai keretakan. Sudah ada masalah. Salah satu pihak hendak mengambil kesempatan terutamanya lepas ini hendak masuk mahkamah, hendak minta cerai dan sebagainya. Dia perlukan perlindungan anak dia, hak penjagaan anak dia. So *immediately now she will run and ask for EPO*. Walaupun satu atau dua kes, kita kena pastikan keadilan pada tahap yang tertinggi dan ketidakadilan langsung tidak boleh berlaku. Itu yang kita kena letak di hadapan. Maka SOP yang digunakan lagi sekali perlu diteliti, diperhalusi, perlu dididik, dilatih, dimantapkan di bahagian JKM, pegawai-pegawai itu. Kalau tidak, saya rasa kita akan balik kepada masalah-masalah sebelum ini.

Selain daripada itu, EPO juga pada pandangan saya, saya juga terima salah seorang daripada Ahli Parlimen yang telah mengatakan bahawa kuasa diberikan kepada Majistret. Kalau perkara ini dibincang lebih awal dengan barisan pembangkang Yang Berhormat Menteri, saya akan memberi pandangan saya supaya EPO ini diselaraskan dengan *Fast Track Courts (FTC)* ada di India, ada di Ghana di mana dia berfungsi 24 jam. Dia adalah satu *court* yang istimewa. Bila ada isu macam ini dihadapkan ke mahkamah dan di mahkamah apabila hakim berinteraksi dengan mangsa, dia boleh buat keputusan EPO ada atau tidak dengan serta-merta. *That should be the better way*. Akan tetapi dekat sini sudah diselaraskan

dan akan diundang-undangkan. Saya minta Yang Berhormat Menteri sediakan SOP, berwaspada dengan SOP, pastikan ia diselaraskan dengan yang terbaik.

Sama juga, lepas EPO tujuh hari, IPO bila datangnya? Bila masuknya? Macam dekat India dia tidak ada EPO, IPO, PO. Dia satu *order* sahaja. Order ini terus ke mahkamah, mahkamah berinteraksi dengan mangsa. Dia dengar hujah-hujah mangsa, dia buat keputusan ada atau tidak. Lepas itu, diberi ruang kepada polis untuk menyiasat. Satu *order* sahaja. Akan tetapi di Malaysia, *special* kita ada tiga *order* sekarang EPO, IPO, PO.

■1550

Akan tetapi kalau kita tak boleh mengurangkan lagi kes keganasan rumah tangga, saya rasa Yang Berhormat Menteri pun telah buat yang terbaik, *practicality is the question of officers. Again, we are going back to the same old issue*. Saya berpandangan Yang Berhormat Menteri apabila ada EPO itu, IPO selepas tujuh hari *it should be automatic conversion. It should be automatic conversion* sebab selepas itu kita ada masalah balik. Masalah di mana kena buat laporan polis sebab IPO, PO mesti ada laporan polis. Selepas tujuh hari, kalau lepas sebulan itu mangsa datang balik ada kita hendak bagi dia balik tujuh hari? Macam mana ini? Berapa kali kita hendak bagi tujuh hari? Contoh macam suami isteri ada keretakan, dia datang minta EPO kita bagi tujuh hari. Selepas tujuh hari selesai, selepas seminggu itu dia datang balik. Berapa kali kita hendak bagi sehingga dia pergi buat laporan polis? *So, all these things have to be answered*. Kalau tidak ada masalah kepada pegawai di luar hendak membuat kerja dia nanti.

Seterusnya adalah tentang...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya, ada banyak ini. Seterusnya adalah tentang PO Tuan Yang di-Pertua, *Protection Order* 12 bulan, selepas itu ada *renew* lagi 12 bulan. Saya rasa yang ini pun Yang Berhormat Menteri kalau bincang dengan kami dan saya akan bagi pandangan saya. Sepatutnya kita tidak patut letak had setahun *renew* setahun. Apa berlaku jika orang itu datang balik selepas dua tahun? *You are starting back the whole thing again*. Sepatutnya istilah yang kita guna adalah bertaubat. Kita ada faktor-faktor yang menunjukkan si pengganas ini sudah bertaubat *and he has to be proved he is no longer dangerous to the victim*. Baru kita boleh keluarkan dia daripada kerangka order yang sedang memelihara dia supaya tidak menjadi ganas dan sebagainya. So, meletakkan tempoh masa dua tahun saya rasa merumitkan beberapa keadaan kita.

Kedua terakhir daripada saya Yang Berhormat Menteri adalah tentang – saya ikut juga apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Gombak sebentar tadi, untuk memperluaskan akta ini bukan sahaja kepada yang berkahwin dan sebagainya, yang bertunang dan yang mempunyai hubungan tanpa sah. Sebagai contoh saya ada satu kes di kawasan saya baru-baru ini. Mereka telah berkahwin mengikut upacara adat biasa tetapi tidak berdaftar telah

mempunyai dua atau tiga orang anak, saya tidak pasti. Berlaku gaduh besar dan sebagainya, isteri didera, isteri telah balik ke rumah ibu dan ada satu panggilan telefon yang mengatakan lelaki ini akan bunuh perempuan ini, telah dibawa ke balai polis, telah dilaporkan kepada polis dan sebagainya, polis tidak mengambil tindakan. Selepas hampir tiga hingga empat minggu, lelaki ini seperti yang dia ugut dalam mesej *phone call* dia, dia sudah pergi ke tempat kerja perempuan ini, belasah perempuan ini, memukul perempuan ini dan sekarang polis – seminggu yang lepas panggil kedua-dua *victims* telah meminta mereka berdamai. Minta mereka menulis satu surat bahawa kedua-dua tidak akan ganggu antara satu sama lain. Polis pula mengambil tindakan sebagai pendamai sekarang. Sepatutnya siasatan perlu dilakukan, kertas siasatan perlu dibuka dan sebagainya. Penting sekarang adalah dari sudut undang-undang mereka tidak berkahwin, tetapi dari sudut adat biasa mereka telah berkahwin dan mempunyai anak dua atau tiga orang. Bagaimana akta ini akan menjaga mereka? Bagaimana EPO akan diperaktikkan kepada mereka? Itu persoalan yang perlu dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Akhir sekali Yang Berhormat Menteri kita kena kaji punca sebenar kes keganasan rumah tangga. Saya rasa kes keganasan rumah tangga seperti isu-isu lain, seperti buli, penderaan dan sebagainya ini disebabkan oleh sindrom stres di Malaysia sekarang. Itu perlu dikaji. Saya rasa kualiti kehidupan di negara kita sekarang saban hari saban merosot. Dengan mempertingkatkan undang-undang, dengan memperkuatkan undang-undang perkara ini tidak akan selesai kalau kita tidak memberi ruang untuk mengurangkan stres kehidupan, tekanan kehidupan, sindrom stres yang sedang melanda rakyat biasa Malaysia. Apakah kerajaan memahami perkara ini? Apakah kerajaan mempunyai mekanisme *prevention* yang akan diselaraskan untuk mengharungi stres-stres ini yang mengakibatkan masalah keganasan rumah tangga?

Akhir sekali saya juga ingin meminta Yang Berhormat Menteri untuk meminta bajet yang sesuai untuk Bajet 2018 nanti yang akan dibentangkan pada 25 Oktober 2017 tahun ini. Supaya kerajaan mempunyai dana yang secukupnya, kalau tidak benda ini hendak praktikkan, hendak *train* 1,600 orang pegawai, hendak selaraskan SOP dan sebagainya, saya rasa kita akan balik ke isu yang sama dan perlu diharungi.

Terakhir sekali Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri telah melaporkan dalam BERNAMA [*Disampuk*] Ini yang terakhir, betul-betul terakhir. Yang Berhormat Menteri telah laporkan dalam – dan dilaporkan kenyataan Yang Berhormat Menteri dalam Bernama yang mengatakan bahawa “*The amendment to the bill was to beef up the protection of the victims and to restore the family institution*”. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dengan akta ini tanpa yang saya katakan tadi kesedaran dan sebagainya, mekanisme dan sebagainya. Bagaimana dengan akta ini sahaja Yang Berhormat Menteri boleh *restore*

the family institution? Itu penerangan yang saya perlukan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri saya juga – dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk merekodkan dalam Dewan yang mulia ini penglibatan beberapa NGO wanita yang telah membantu Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab ada kalangan Yang Berhormat Menteri, Ahli-ahli Parlimen semalam yang telah mengatakan bahawa NGO tidak berfungsi dan sebagainya, saya rasa itu tidak betul. Sepanjang enam bulan hingga ke setahun ini beberapa NGO yang dikenal pasti telah berinteraksi dengan kementerian telah membantu kementerian untuk menjayakan akta ini.

Saya ingin menamakan mereka dengan izin Tuan Yang di-Pertua, penghargaan perlu diberikan kepada *Women's Aid Organisation, Women's Centre for Change Penang, All Women's Action Society, Association of Women Lawyers, Justice for Sisters, Perak Women for Women Society*, Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor, Persatuan Sahabat Wanita Selangor, *Sabah Women's Action-Resource Group, Sarawak Women for Women Society, Sisters in Islam and Tenaganita*. Dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi. Ada dua lagi, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Pasir Gudang dan juga Yang Berhormat Beruas.

3.58 ptg.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas sedikit mengenai akta pada hari ini, Akta Keganasan Rumah Tangga. Pastinya perkataan keganasan rumah tangga ini suatu yang amat sedih kita dengar. Sepatutnya rumah tangga inilah “*Baiti Jannati*”, “Rumahku, Syurgaku” tetapi yang jadi terbalik pula. Keganasan di mana berlaku pukul dan sebagainya. Ini sebenarnya tidak sepatutnya berlaku. Rumah tangga adalah asas-asas – unit-unit asas dalam masyarakat. Kalau banyak rumah tangga yang rosak dalam masyarakat, masyarakat itu akan rosak. Masyarakat-masyarakat ini rosak akan menyebabkan negara kita negara yang tidak akan mencapai kemajuan. Sekiranya kita capai kemajuan, kita hanyalah kemajuan yang kosong. Atas sebab itu saya bersetuju tadi Yang Berhormat Bukit Katil kata kita kena ada satu ekosistem yang holistik untuk kita berbahas dan mempersetujui satu kerangka kerja atau satu undang-undang yang mana membolehkan ekosistem ini dapat diperkasakan.

Saya juga bersetuju kita kena ada *segmentation*. Kita kena kenal pasti sebab-sebab keganasan rumah tangga ini. Di kampung sebabnya lain, di kawasan rumah tamantaman sebabnya lain. Di kawasan rumah pangsa contohnya, sebabnya lain. Mungkin juga

disebabkan stres. Akan tetapi kalau kita kata kerajaan tidak bertindak pun tidak betul. Contohnya kita ada ramai pekerja, penjawat awam, guru-guru contohnya. Mereka duduk berasingan.

■1600

Hari ini kerajaan telah melaksanakan program di mana guru-guru yang terpisah ini disatukan semula. Saya ucapkan tahniah pada kerajaan. Baru-baru ini kita lihat kawasan-kawasan yang dahulunya stres. Akan tetapi, bila ada MRT kita sudah *take away* 140,000 kenderaan *from the road* dan ini akan mengurangkan stres. Makna, usaha-usaha ini mesti diteruskan untuk menyumbang ke arah satu ekosistem yang kurang stres dan dengan ini akan mengurangkan keganasan rumah tangga. Kalau itu yang difikirkan satu sebab-sebab utama.

Bagaimanapun, kena ada satu *segmentation* ataupun kenal pasti sebab-sebab ia atau paten-paten keganasan ini. Saya juga hendak menyebut bahawa, di dalam rumah tangga kita, bila berkahwin ini mesti ada tanggungjawab. Kita mempunyai kebebasan tetapi tiada kebebasan tanpa tanggungjawab dan tanggungjawab ini mesti diasuh, mesti dididik pada peringkat awal lagi. Mereka bukan sahaja tanggungjawab mesti juga mempunyai pertimbangan yang baik. Kalau anak-anak kita terdidik terasuh dengan pendidikan yang baik sudah tentu mereka tidak akan melakukan keganasan. Kalau kita sebagai ibu bapa menjerit, memukul, yakinlah anak-anak kita juga akan menjadi pemukul dan penjerit yang tegar.

Kitaran ini tidak akan berhenti. Malahan akan bertambah teruk lagi. Itu sebabnya asas-asas keluarga ini '*baiti jannati*' mesti diperkuuhkan supaya kitaran ini dapat diberhentikan. Kita sebagai orang Malaysia, orang Islam dan juga orang Asia mempunyai adat resam norma-norma yang baik. Kalau kita, contohnya bukan sahaja orang Islam, orang bukan Islam pun atau budaya Timur— kita berkahwin contohnya. Mempunyai ikatan. Dengan cara ini, kita formalizekan satu perhubungan yang baik dan bila berlaku sesuatu perkara contohnya keganasan rumah tangga, anak-anak itu akan terjamin. Mempunyai satu ikatan yang jelas. Kalau tidak jelas, maka kita juga menjadi sebahagian punca masalah itu sendiri.

Jadi, nilai-nilai ini adalah menjadi roh kepada ekosistem yang kita sebut tadi. Tanpa perkara ini kita lihat secara serius, apa pun akta undang-undang yang kita bahas dan kita luluskan tidak dapat dipenuhi. Tidak dapat dipenuhi dan tidak dapat terlaksana sebaik-baiknya. Saya juga hendak mengambil kesempatan di sini ucap tahniah seperti mana akta ini yang meliputi perintah-perintah kecemasan, perlindungan, interim dan juga perintah kecemasan ini lebih menyeluruh dan juga mencakupi isu-isu mengenai penderaan fizikal, penderaan material dan emosi. Saya rasa akta ini, kalau dapat dilaksanakan memanglah satu kerangka yang baik untuk kita mewujudkan satu ekosistem yang baik tadi.

Dalam pada itu, saya juga ingin mencadangkan pada kerajaan supaya di samping kita melibatkan empat peringkat tadi Polis Diraja Malaysia (PDRM), pegawai-pegawai KEMAS sudah tentulah pegawai-pegawai KEMAS ini mereka pun 1,600 orang mungkin mereka tidak

dapat mencakupi keseluruhannya atau menangkis keseluruhannya. Akan tetapi, mereka ini lebih bersifat pentadbiran, memudah cara kan tetapi *interfacing* ataupun *point man* atau orang yang betul-betul berhampiran dengan isu-isu ini tidak lain dan tidak bukan ialah jiran-jiran kita. Kalau ‘*baiti jannati*’ rumahku, syurgaku, jiran kita adalah keluarga terdekatku. Kalau tengah malam apa-apa berlaku, jiranlah keluarga yang paling hampir pada kita dan jiranlah tempat kita mengadu sepatutnya. Sama ada di kawasan kampung maupun di kawasan-kawasan bandar, taman dan kawasan-kawasan pangsapuri mewah ataupun yang biasa.

Jadi, kejiranan ini amat penting. Kalau kejiranan kita mati, tidak aktif berbagai-bagai gejala tidak dapat kita tangani dengan efektif. Jadi, konsep jiranku, keluargaku ini mesti diperkasakan. Kita ada banyak agensi ataupun kerangka-kerangka yang ada contohnya Rukun Tetangga, kita adanya kawasan persatuan penduduk, kita ada kariah dan banyak lagi dan di pejabat-pejabat juga kita ada kelab-kelab kebajikan. Selalu kelab kebajikan ini, setahun sekali *birthday* sahaja. Akan tetapi, fungsi ini sepatutnya diperluaskan lagi. Contohnya, kalau mangsa didera itu mereka rapat dalam kawasan surau kita atau kawasan kejiranan kita atau aktif di kawasan pejabat kita, ia juga mempunyai satu akses yang baik untuk sekiranya berlaku penderaan untuk kita mengesan awal pada peringkat yang lebih awal.

Kalau kita sebut sudah dipukul itu sudah terminal. Sudah sampai peringkat yang sudah teruk. Sepatutnya kita mesti mempunyai satu *interfacing* atau pemantauan yang lebih awal. Kita dapat tahu dan kita boleh membantu menyelesaikan masalah-masalah. Jadi *mediator* dan sebagainya. Atas sebab itu, saya suka mencadangkan kepada kerajaan supaya skop-skop ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rantau Panjang bangun, Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan sedikit.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Silakan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Okey. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tentang peranan jiran dalam kita sama-sama membendung gejala keganasan rumah tangga. Akan tetapi, ada setengah masyarakat kita masih lagi mempunyai sikap jangan jaga tepi kain orang. Ini menyebabkan mereka tidak berani hendak campur terutama isu-isu dalaman rumah tangga.

Jadi, saya ingin tahu apa pandangan Yang Berhormat dari sini dan kedua ialah apa pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan peranan media massa termasuk filem-filem yang ditayangkan yang boleh juga memberi pengaruh kepada keluarga. Di antaranya filem-filem yang ditayangkan kadang-kadang perwatakan yang dibawa, anaknya berkasar dengan ibu bapa dan isteri yang tidak hormat suami.

Jadi, perkara ini juga ada kesan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin memaklumkan bahawa lepas Yang Berhormat Kota Tinggi saya akan memanggil Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih pandangan daripada Yang Berhormat Rantau Panjang tadi...

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya pun tumpang tanya juga.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sebenarnya kita, we kalau diizinkan saya...

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Kota Tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Berapa minit saya ada Tuan Yang di-Pertua? *We are what we eat.* Kalau kita makan gula tiap-tiap hari kita kencing manis. Akan tetapi, kalau kita berhemah, kita jaga pemakanan kita, *insya-Allah* kita sihat. Begitu juga, kalau jiran kita tidak mengambil tahu tentang apa yang berlaku di persekitaran. Itu menunjukkan kegagalan kejiranan itu sendiri. Kita mesti menguatkan kejiranan kita sebagai keluarga terdekat kita, ibu bapa kita mungkin di kampung. Akan tetapi, kalau apa jadi berlaku merekalah orang pertama yang akan mendatangi kita. Itu sebabnya kejiranan ini mesti diperkuatkan. Saya suka mencadangkan kalau boleh skop dalam akta ini kita tidak beri dia *empowerment* tetapi kita bagi satu peranan untuk sebagai pemantauan.

Kadang-kadang kalau kariah kita atau JKJKK kita tidak diberi nanti dia jaga tepi kain orang. Akan tetapi, kalau kita bersetuju ini sebagai satu lagi perkara yang sepatutnya dicapai atau KPI ataupun satu tanggungjawab yang perlu kita ambil alih atau diambil peranan oleh kumpulan-kumpulan masyarakat dalam kejiranan kita, maka perlu kita ada satu gesaan mereka ini mengambil itu sebagai satu tanggungjawab mereka. Sama ada di peringkat surau, di peringkat rukun tetangga atau Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) atau persatuan penduduk ataupun kelab-kelab kebajikan di setiap pejabat. Fungsinya dua, sebagai *accessibility* kalau ada masalah, tempat mereka mengadu.

Kedua, kita juga kadang-kadang ada yang duduk pejabat ini dia curang contohnya. Dengan cara ini ada pemantauan di banyak peringkat yang tidak memerlukan begitu banyak perbelanjaan tetapi sudah tertanggung kepada kita semua sebagai masyarakat dalam Malaysia dan kita sedar kalau Malaysia hendak maju sistemnya, normanya dan moralnya

kena betul. Kita tidak boleh ada dalam pejabat berlaku sewenang-wenangnya perkara-perkara yang sumbang kita pejam mata. Kelab kebajikan kena main peranan. Surau kena main peranan. Kejiranan kena main peranan. Dengan cara ini, kita sahaja bukan memberi faktor-faktor pencegahan atau *deterrant*. Kita juga akan jadi faktor-faktor pemudah cara *facilitating* kalau ada penderaan ini dan yang paling penting kita ada faktor-faktor memantau peringkat pada awal.

Bukan kita sibuk jaga tepi kain orang, tetapi kalau jiran kita sudah lebam mata dan mati kita sepatutnya rasa bersalah sebab kita tidak ambil peranan pada peringkat awal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Sulong bangun Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sila, Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Sekejap sahaja. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Kota Tinggi dan juga Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa perbincangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Kota Tinggi. Kita ada satu masyarakat yang sangat prihatin. Saya bagi senario apa yang saya tahu di kawasan saya sendiri di mana terdapat satu masyarakat yang kalau orang jauh cakap 'guyup' kita rapat tetapi individu itu sendiri yang tidak mahu ke hadapan, tidak mahu membuat laporan mengenai apa yang terjadi kepada dia.

Sehingga salah satu hari apabila ada kecederaan, baru masyarakat sekeliling tahu. Jadi, daripada segi itu macam mana kita Yang Berhormat mungkin boleh cadangkan apa tindakan, macam mana kita hendak membantu orang-orang macam ini. Dia takut mungkin sayangkan suami, mungkin juga malu dengan orang ramai. Jadi, saya hendak boleh Yang Berhormat bantu sedikit.

■1610

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Bila kita mendengar cerita seseorang dipukul, itu sudah sampai *stage* yang terakhir dan kalau kita buat pun laporan *it's a matter* bak kata orang melepaskan batuk di tangga, kita *reactive*. Akan tetapi sepatutnya kejiranan bukan begitu, kejiranan bermakna kita berinteraksi bersama-sama, berat sama dipukul, ringan sama dijinjing. Kalau kita pada peringkat awal mungkin kita dapat cegah daripada berlaku pukul dan sebagainya. Kita buat *engagement* contohnya, kita pergi melawat rumah dia, kita ajak ke surau ataupun mesyuarat-mesyuarat penduduk.

Kita ada hari raya, kita ada hari kemerdekaan dan bermacam-macam program kita buat bersama-sama, yang mana ini dapat merapatkan tali silaturahim. Dengan cara ini di samping kita mencegah berlaku, kita juga membuat *engagement* dengan lebih awal supaya perkara-perkara yang terminal ini dapat dikurangkan, kalau tidak dapat dielakkan. Kalau si

pendera tadi tahu, seluruh masyarakat tahu sama ada kalau isteri dia bekerja di pejabat Kelab Kebajikan sudah berhubung dengan dia. Kalau di kawasan tempatan, jiran-jiran pun sentiasa berhubung. Kalau betullah ada pendera tegar ini, memang kita patut hukum dia. Akan tetapi kalau ketika itu berlaku, saya yakin pegawai KEMAS pun sudah tahu, PDRM pun sudah tahu, masyarakat pun sudah tahu, ini satu *deterrent* paling baik sebab kalau kita ambil tindakan bila sudah lebam mata, kita masuk pada peringkat terakhir. Sudah hendak habis waktu.

Jadi saya rasa *engagement* kita tidak tepat. Itu sebabnya saya mencadangkan kalau boleh, kita bagi *some kind of empowerment* kepada kumpulan-kumpulan dalam masyarakat kita supaya mereka mungkin bukan memantau dan sekiranya mereka datang laporan daripada surau, Kesatuan Penduduk bererti sudah tentu pihak PDRM menganggap ini suatu perkara yang serius sebab dia telah melalui proses-proses yang melibatkan ramai orang. Kita bukan hendak mengaibkan. Bukan kerja kita mengaibkan mereka tetapi dalam hal ini kita hendak menyelamatkan keluarga yang — kalau boleh bukan sahaja hendak mengaibkan, kita hendak memulihkan kalau boleh.

Tanggungjawab pulih ini bukan semata-mata kerajaan semata-mata. Kita boleh buat *framework*, kita boleh buat ada pegawai, pegawai boleh datang tetapi mana mungkin pegawai itu tercakup, tercapai semua keluarga-keluarga yang bermasalah kecuali sumber pertama yang paling dekat iaitu kejiranan. Itu sebab saya mencadangkan kalau boleh skop ini di perluaskan sedikit, kita bagi pengiktirafan peranan-peranan yang boleh diambil secara rasmi, dengan cara ini tiada timbul cerita jaga tepi kain dan sebagainya. Ini menjadi tanggungjawab kita sebagai masyarakat yang ingin hendak maju.

Satu lagi perkara tadi soalan dari Yang Berhormat Rantau Panjang mengenai filem-filem. Saya setuju macam Yang Berhormat Tanjung Manis cakap. Saya menggesa pihak media mainkan peranan untuk menunjukkan bahawa penderaan ini suatu jenayah yang amat buruk kerana kesannya tidak hanya kepada isteri atau suami, dia akan berlanjutan. Ia akan memperkasakan atau menyebabkan kitaran ganas ini akan berterusan ke generasi yang akan datang dan itu sebabnya kalau tiada *Baiti Jannati* maknanya kita duduk di dunia ini, duduk macam dalam suatu suasana yang bukan syurgalah, nerakalah kalau cerita pendeknya.

Saya juga hendak mencadangkan sini, akta perlindungan ini juga, saya berkongsi sedikit. Ada kes di mana pelindung datang hendak membantu. Jadi menyelamatkan satu wanita daripada penderaan. Selepas seminggu, dua minggu sudah baik balik, wanita ini balik pergi berjumpa famili dia, dia pun ceritalah siapa lindung dia. Tidak fasal-fasal yang lindung lepas itu, dia pula kena *harass*. Jadi kena ada juga aspek-aspek yang melindung pelindung supaya di samping kerja-kerja yang kita cakap tadi yang diamanahkan kepada pegawai-pegawai, kita juga mahu supaya mereka-mereka ini bila ada akta yang melindung mereka, mereka akan tampil ke hadapan dan membantu mereka-mereka yang terdera ini sebab

mereka yang terdera ini celaru. Mereka takut. Mereka tidak dapat hendak buat keputusan yang tepat.

Jadi *engagement* daripada masyarakat jadi amat-amat penting dan kita tahu kalau anak-anak itu bermasalah, dia boleh jumpa sebelah sahaja jiran. Akan tetapi kalau jiran pun *put a cold shoulder*, tidak mahu masuk campur, maka kitaran ini akan bertambah ganas lagi. Kita seolah-olah memperkasakan pendera-pendera tersebut. Jadi itu sahaja yang saya hendak sebut. Dari segi teknikal telah pun disebut secara panjang. Cuma saya harap dalam kata-kata ini tidak bermakna kementerian tidak melakukan. Akta ini amat baik cuma kita memerlukan penglibatan semua.

Kalau kementerian sahaja buat, saya ingat tidak cukup. Yang penting, kena ada kesedaran yang tinggi, media kena mainkan peranan, kejiranan kena— dan ini mesti dijadikan satu KPI atau satu pencapaian di kalangan agensi atau NGO-NGO yang ada sama ada, saya sebut tadi, KRT kah, Rukun Tetangga kah ataupun khususnya kelab-kelab kebajikan di pejabat-pejabat. Kita ada platform tetapi platform ini tidak dapat digunakan, hanya kepada benda-benda yang *leisure*. Kenapa kita tidak jadikan kelab-kelab ini, nama pun kelab kebajikan, untuk mengambil kira kebajikan pekerja-pekerja yang kita tahu banyak bekerja di pejabat, banyak masa di pejabat dan sebab itulah timbul isu cemburu, curang dan sebagainya. Ini juga penyumbang kepada masalah keganasan rumah tangga ini. Jadi itu sahaja. Saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

4.15 ptg.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, dua hari. Syukur *Alhamdulillah*. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada 22 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan mengenai rang undang-undang pindaan ini yang bagi saya sangat-sangat penting. Saya rasa semuanya tidak ada kata menolak dan saya mengucapkan jutaan terima kasih sebab membantu saya lagi untuk mencadangkan, untuk memperbaiki sebab saya tahu semua kita sedikit sebanyak ada pengalaman didatangi keskes keganasan rumah tangga ini. Jadi sekurang-kurangnya kita menggunakan pengalaman ini dan dibahas dengan begitu baik.

Saya ingin merakamkan di sini ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat iaitu Parit Sulong, Kota Raja, Kuala Selangor, Rantau Panjang, Tanjong Piai, Kulai, Batu Kawan, Bagan Serai, Tebrau, Bukit Gantang, Merbok, Sepang, Bukit Katil, Sekijang, Lanang, Tanjong Manis, Temerloh, Setiu, Yang Amat Berhormat daripada Gombak, Kota Samarahan, Kapar dan Kota Tinggi dan sebenarnya ramai juga yang mencelah-celah.

Jadi bermakna ini adalah menyeluruh dari segi, ini adalah sesuatu yang kalau kita dapat buatkan, saya tahu dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya rasa dengan satu pindaan ini, tidak dapat menyelesaikan segala masalah. Namun kita mesti bermula. Jadi terima kasih dan insya-Allah dengan segala cadangan, pandangan yang dikemukakan bahawa kita, satu daripada tujuan utama pindaan ini adalah untuk meningkatkan perlindungan terhadap mangsa keganasan rumah tangga dan mengadakan program pemulihan kepada pihak-pihak yang terlibat di dalam kes keganasan rumah tangga. Pindaan ini merupakan satu inisiatif dari segi perundangan di dalam menangani kes-kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan semakin hari semakin meningkat.

Untuk makluman, sebab saya ingin kembali kepada masa saya membuat pembacaan bagi bacaan kedua, sebenarnya ini telah dimulakan pada tahun 2013 di mana sebuah jawatankuasa kajian semula undang-undang berkenaan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak telah ditubuhkan dan diketuai oleh Peguam Negara. Bermakna, *it's very high level* dan kita membawa semua di dalam perbincangan dan kajian tersebut. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat Kapar. Dia menyebut semula NGO-NGO yang sebenarnya banyak membantu dan *it is a cross board* dengan izin. Semua kita ajak sekali dan sebenarnya CAUCUS pun kita bawa juga memberi pandangan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan mengikut cadangan pindaan di dalam rang undang-undang yang dibahaskan iaitu perintah perlindungan kecemasan ataupun *emergency protection order*. Kedua, perluasan tafsiran keganasan rumah tangga. Ketiga, penambahbaikan perintah perlindungan interim dan perintah perlindungan. Keempat, hak penghunian eksklusif. Kelima, program pemulihan dan keenam lain-lain isu yang berbangkit.

Mengenai perintah perlindungan kecemasan, ianya merupakan satu perintah perlindungan bertujuan melindungi mangsa keganasan rumah tangga dalam keadaan kecemasan. *The word, the keyword* dengan izin adalah 'kecemasan'.

■1620

Ia merupakan perlindungan tambahan kepada perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan PO pada masa ini. Perintah ini boleh dipohon di semua Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di seluruh Malaysia dan dikeluarkan oleh pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

Dalam hal ini, seramai 754 orang pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menghadiri taklimat dan latihan berkaitan dengan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 dan pelaksanaan EPO seperti persediaan pelaksanaan akta ini kelak.

Apa yang disebut dan menjadi kerisauan ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah dimaklumkan kepada pegawai-pegawai ini semasa mereka melalui simulasi dan latihan.

Permohonan EPO boleh dipohon pertama, tanpa pemohon membuat laporan polis dan hadir ke mahkamah. Kedua, secara *ex parte* iaitu tanpa perlu memberi notis kepada pelaku dan kehadiran pelaku. Pemohon yang dibenarkan adalah mangsa, peguam mangsa, pegawai kebajikan masyarakat selain daripada pegawai yang diberi kuasa, penjaga, saudara atau orang yang bertanggungjawab bagi seseorang kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan. Sekiranya pemohon tidak mendapat menghadirkan diri ke pejabat kebajikan masyarakat. Pegawai kebajikan masyarakat akan mengadakan siasatan ke tempat mangsa bersama pihak polis.

Walaupun permohonan perintah perlindungan kecemasan adalah terhad kepada mereka yang dinamakan di atas. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat menerima semua maklumat atau laporan daripada mana-mana orang lain yang mempunyai maklumat mengenai kejadian keganasan rumah tangga. Sama ada jiran, saudara mara dan lain-lain anggota masyarakat. Malah, laporan boleh disampaikan melalui *hotline* kementerian iaitu Talian Kasih 15999 dan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat akan melakukan siasatan untuk memutuskan kesahihan kes dan sekiranya kes sahih pegawai kebajikan masyarakat akan mengambil tindakan selanjutnya.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga menyambut baik cadangan untuk melibatkan komuniti dalam mengendali isu keganasan rumah tangga. Sesungguhnya dalam menyelesaikan masalah keluarga, penglibatan komuniti adalah penting dan boleh banyak membantu pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menjalankan tugas mereka. Kementerian saya akan memastikan dalam pelaksanaan akta ini nanti pegawai yang diberi kuasa akan mengambil kira peranan komuniti.

Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah menyediakan SOP. Ini juga tadi ramai yang telah begitu memberi penekanan kepada SOP dan SOP ini telah disampaikan kepada pegawai-pegawai kami untuk mengendalikan permohonan EPO termasuklah tatacara pengendalian maklumat yang diterima melalui telefon. Tempoh sah laku bagi EPO adalah selama tujuh hari dari tarikh EPO dikeluarkan dan mulai berkuasa apabila perintah EPO telah disampaikan kepada pelaku.

Dalam tempoh tersebut, pelaku dihalang untuk terus melakukan keganasan terhadap mangsa termasuk juga anak-anak mangsa sekiranya mereka juga terlibat. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga akan turut memberi bantuan yang sewajarnya mengikut keperluan kes semasa tempoh berkenaan. Sekiranya diperlukan pihak kerajaan juga boleh menempatkan mangsa di tempat selamat yang diselenggarakan atau diuruskan oleh kementerian atau jabatan atau mana-mana agensi lain atau organisasi sukarela yang diluluskan oleh saya.

Sebagai mana yang diperbahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kebanyakan mangsa masih mengharapkan supaya pelaku insaf lalu berubah sikap dan ada pula antara mereka yang bimbang akan masa depan anak-anak sekiranya laporan polis di buat terhadap pelaku atas pelbagai alasan. Dalam hal ini, walau apa pun keputusan mangsa sama ada mahu membuat laporan polis atau tidak mangsa akan dilindungi di bawah EPO. Tertakluk kepada keperluan dan keputusan mangsa pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat akan membantu mangsa mendapat perintah perlindungan selanjutnya seperti perintah perlindungan interim dan perintah perlindungan apabila EPO tamat.

Apabila EPO telah dikeluarkan dan berkuat kuasa pelaku yang tidak mematuhi EPO boleh dihukum seperti berikut:

- (i) denda di melebihi RM2,000 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya bagi pelanggaran EPO;
- (ii) denda tidak lebih RM40,00 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya bagi pelanggaran EPO dengan menggunakan keganasan; atau
- (iii) denda tidak melebihi RM5,000 dan penjara tidak kurang daripada 72 jam dan tidak melebihi dua tahun bagi pelanggaran kali kedua atau seterusnya.

Di dalam keadaan di mana tiada keganasan rumah tangga berlaku tetapi pemohon telah mengada-adakan cerita. Tindakan boleh diambil oleh pemohon kerana telah memberi keterangan palsu. Merujuk kepada prosedur kerja Jabatan Kebajikan Masyarakat, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat akan memastikan supaya EPO tidak dieksplotasi atau dimanipulasikan oleh mana-mana pihak dengan membuat penilaian yang sewajarnya semasa permohonan dibuat.

Dari semasa ke semasa pihak kerajaan mengadakan latihan kepada pihak-pihak yang terlibat termasuk pegawai-pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat dan polis, tadi ada disebut juga – dan polis bagi memastikan pelaksanaan EPO berjalan dengan baik. Latihan kepada pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat tentang keganasan rumah tangga yang telah dijalankan ada seperti berikut:

- (i) kursus asas kerja sosial;
- (ii) kursus kompetensi kerja sosial;
- (iii) kursus Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 kepada pegawai yang mengendalikan kes-kes keganasan rumah tangga;
- (iv) kursus kepada pegawai psikologi dan kaunselor bagi pengendalian kes keganasan rumah tangga;

- (v) program mentor-mentee, program latihan dalaman antara pegawai yang berpengalaman luas mengendalikan kes dengan pegawai lantikan baru yang belum berpengalaman; dan
- (vi) sesi jerayawara akta-akta jabatan di setiap negeri.

Pihak kementerian berterima kasih atas keprihatinan pelbagai pihak tentang cadangan EPO di dalam akta yang dicadangkan dan pelaksanaannya kelak. Pihak kementerian akan memberi perhatian kepada semua isu yang dibangkitkan dan berusaha untuk memastikan supaya terdapat *check and balance* dengan izin dalam proses EPO dikeluarkan:

- (i) garis panduan bagi pengendalian kes keganasan rumah tangga dikemaskinikan;
- (ii) tidak berlaku *bias - you know*, kita berharap sangat. Kita memang sebut ini atau ketidakadilan terhadap mangsa sama ada mangsa lelaki atau perempuan; dan
- (iii) prosedur bagi EPO dapat dilengkapkan dalam masa yang dinyatakan iaitu selewat-lewatnya di dalam masa 24 jam bagi membolehkan ia dapat berfungsi melindungi mangsa.

Sekiranya prosedur ini berjalan dengan lancar tidak mustahil bahawa prosedur ini termasuk penyampaian dapat disingkatkan. *You know, let this one* berjalan kita sama-sama tengok. *I mean* kita ini realistik, kita *try to realistic*. Memang apa-apa kita sebut ini adalah yang terbaik tapi ada sesuatu yang tidak memungkinkan ia berlaku. Sikit lagi, saya habis dulu dua, tiga sentences, terima kasih.

■1630

Dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya percaya EPO dapat dilaksanakan dengan baik, itu harapan saya. Oleh sebab ini saya katakan, ini kita teruskan, kalau tidak kita tidak mulakan langsung, ini akan lebih memberi mudarat. EPO saya hendak ceritakan, EPO ini Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya memang tadi ditanya kenapa bukan Majistret yang mengeluarkan. Sebenarnya, ini adalah satu tindakan kita untuk belum sampai kepada urusan mahkamah dan polis.

Ini sebenarnya adalah *cooling period*. Kalau dapat dalam masa tujuh hari ini dapat berdamai, dapat kita selesaikan dengan baik, sebenarnya itu harapan kita. Oleh sebab itu kita harap ia habis dekat tujuh hari itu sahaja dan tidak perlu meneruskan. Oleh sebab itu kita tambah lagi apa di dalam masa EPO ini. Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya setuju bahawa kita perlu kena masa untuk aplikasi. Apa yang saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri adalah dalam SOP itu selitkan juga bahagian-bahagian terperinci seperti bagaimana hendak tahu itu adalah keadaan *distress*, macam mana hendak tahu itu adalah *psychological abuse*. Oleh sebab setiap pegawai mempunyai pandangan yang

berbeza. Akan tetapi kalau ada *guidelines* yang teliti yang diwajibkan mereka kena guna, jadi mereka tertakluk kepada garis panduan itu. Jadi, garis panduan itu yang amat penting. Kalau boleh secara holistik, *it has to be* secara holistik.

Kedua adalah tentang Yang Berhormat Menteri kata tadi kes-kes ini hendak bagi *cooling period* itu, *cooling period*. *The seven days cooling period* yang kita nampak dekat sini adalah Pegawai JKM ada kebenaran untuk memberikan EPO *and then seven days*. *The seven days*, apa yang wajar dilakukan oleh JKM untuk berfungsi sebagai pendamai ini? Kita tidak boleh bagi dia EPO *and then* biarkan. So, *that is not covered under act, therefore* kena ada *guidelines*. *Day one, what they do?* *Day two*, apa dia kena buat? *Day three*, apa dia kena buat? *Day four*, apa dia kena buat? Kena hubungkan dua-dua pihak, boleh bincang, boleh kaunseling, *psychological treatment, whatever*. So, benda itu perlu diselaraskan, kalau tidak, apa yang kita akan buat dekat sini undang-undang, saya nampak hasrat Yang Berhormat Menteri memang murni tetapi kemurnian ini tidak akan sampai kepada pegawai-pegawai. Hasrat sebenar, naluri sebenar akta ini tidak akan tercapai. Itu kerisauan saya. Apa yang kita bincangkan dekat sini akan jadi panduan kepada pegawai dan juga polis dan juga mahkamah untuk menginterpretasikan akta ini. Itu yang saya sedang sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Di belakang itu semua penuh pegawai itu. Jadi, sebab bagi saya ini adalah usaha kita bersama. Jadi, oleh yang demikian, terima kasih Yang Berhormat. Kita akan ambil segala apa yang dicadangkan untuk kita menambah lagi baik apa-apa yang berlaku lepas tujuh hari, apa berlaku dalam tujuh hari. Oleh sebab saya masih dalam menggulung, ini termasuk tafsiran dan sebagainya.

Mengenai tafsiran, beberapa Ahli Yang Berhormat telah memohon penjelasan sama ada perbuatan *stalking* atau menghendap atau mengintip, dimasukkan di dalam tafsiran keganasan rumah tangga. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta 521 perlu dibaca bersama dengan Kanun Keseksaan. Pada masa ini, perbuatan *stalking* masih belum menjadi suatu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan, belum lagi. Sehubungan dengan itu, akta yang dicadangkan ini tidak boleh memperuntukkan perbuatan *stalking* sebagai suatu kesalahan khusus.

Namun demikian, pihak kementerian telah menjadikan perbuatan jenayah yang mempunyai elemen *stalking* di dalam tafsiran keganasan rumah tangga di dalam akta yang dicadangkan seperti berikut:

- (i) mengugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa itu takut akan keselamatan dirinya atau keselamatan hartanya atau pihak ketiga atau mengalami kesedihan; dan

- (ii) berhubung dengan mangsa atau berhubung dengan pihak ketiga tentang mangsa dengan niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa itu melalui apa-apa cara elektronik dan selainnya.

Secara ringkasnya, perbuatan *stalking per say* bukanlah suatu keganasan rumah tangga. Akan tetapi sekiranya ia di tahap mengugut mangsa atau berhubung dengan cara mengaibkan mangsa, ia merupakan suatu keganasan rumah tangga. Walau apa pun, pihak kerajaan akan sentiasa mengikuti perkembangan perbuatan *stalking* yang dihujahkan oleh pelbagai pihak pada masa ini dan akan mempertimbangkan untuk menyokong supaya ia dijadikan suatu kesalahan jenayah. Di dalam masa akan datang mungkin dalam masa terdekat dan ini juga Yang Berhormat, saya perlu juga sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada NGO-NGO untuk kita memantapkan supaya kita akan sampai ke satu tahap kita ada satu lagi akta untuk tujuan tersebut.

Antara penambahbaikan IPO dan PO di dalam akta yang dicadangkan adalah termasuk pemakluman oleh pihak polis secara bertulis kepada mangsa perihal status siasatan kes dan status permohonan IPO atau PO. Selain daripada itu, tempoh IPO hanya terhenti berkuat kuasa apabila mangsa dimaklumkan secara bertulis oleh pegawai polis bahawa siasatan telah selesai dan tiada tindakan diambil. Prosiding jenayah dimulakan ke atas pelaku dan pemakluman secara bertulis dibuat kepada mangsa dan mangsa tidak memohon perintah perlindungan dalam masa tujuh hari atau prosiding jenayah dimulakan ke atas pelaku dan pemakluman secara bertulis dibuat kepada mangsa dan mangsa memohon perintah perlindungan dalam masa tujuh hari.

Mahkamah juga boleh memberikan perlindungan tambahan yang sama bagi suatu perintah perlindungan dan perintah perlindungan interim. Antaranya, mangsa di bawah perintah perlindungan interim akan mendapat perlindungan dengan hak penghunian eksklusif kepada mangsa, melarang atau menyekat pelaku daripada memasuki tempat kediaman atau kediaman bersama atau kediaman alternatif, tempat kerja atau sekolah atau institusi lain mangsa, membuat hubungan diri dengan mangsa, mengelakkan daripada membuat perhubungan bertulis atau telefon dengan mangsa dan membenarkan mana-mana orang yang dilindungi itu untuk terus menggunakan sesuatu kenderaan yang sebelum itu yang biasanya digunakan juga terpakai bagi sesuatu perintah perlindungan interim.

Sebagai tambahan kepada penjelasan sebelum ini, ingin saya menjelaskan bahawa penghunian eksklusif bermakna keseluruhan kediaman diberikan kepada mangsa untuk tinggal dan dinyatakan dalam perintah perlindungan tersebut. Hak penghunian eksklusif diberikan oleh mahkamah setelah pihak mahkamah berpuas hati bahawa adalah perlu bagi perlindungan dan keselamatan diri mangsa, kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan. Tujuan utama sudah tentunya bagi tujuan melindungi mangsa dan di dalam

keadaan di mana pelaku mengganas di luar rumah, maka tindakan selanjutnya boleh diambil terhadap pelaku oleh pihak polis bagi menjaga ketenteraman dan keselamatan awam.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri, please. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan sikit tentang pemberian hak penghunian eksklusif kepada mangsa. Tadi saya ada dengar kawasan perumahan itu diberikan secara semua untuk mangsa tinggal. Saya hendak tanya, kalau rumah yang duduk bersama itu adalah rumah pendera, jadi dia *claim* yang rumah ini rumah dia, kalau hendak duduk dia sahaja, dia kena pergi tempat lain, satu. Kalau dia kena keluar daripada rumah pendera itu, nama dia, dia kata ini rumah dia, awak keluar, jadi dia hendak pergi mana pula? Dia sudah dapat hak eksklusif ini. Itu macam mana hendak buat, terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat, yang di sini memang tertera Yang Berhormat, memang jelas bahawa si pelaku itu keluar. Walaupun itu rumah dia sebab dia yang melaku itu, dia keluar. Tujuannya Yang Berhormat, sebelum ini, di dalam sebelum pindaan, tidak tahu, ia berbahagi. Duduk dekat atas, duduk dekat bawah. Bayangkan Yang Berhormat, dia masih duduk dalam satu rumah. Bukan kita hendak meleraikan, bukan *cooling*, lagi panas. Jadi, sekarang ini dan untuk makluman, segala-gala yang kami buat ini Yang Berhormat, sebenarnya kami mendapat fakta yang sangat-sangat penting, sebenarnya mangsa.

■1640

Kami ada beberapa orang mangsa keganasan rumah tangga dengan sukarela dia tampil ke hadapan membantu kementerian dan ini yang dia katakan kesusahan yang mereka alami kalau ini masih diteruskan macam itu. Jadi sekarang ini, Yang Berhormat, hak penghunian eksklusif adalah diberikan kepada mangsa. Jadi siapa pelaku, walaupun itu rumah dia, dia keluar dan dia keluar itu satu minggu lah sebab tujuh hari. Kan EPO ini tujuh hari. Tujuannya bukan apa, ini *cooling off period* untuk sama-sama berfikir dan juga jangan berlaku lagi keganasan semasa dalam *period* ini. Jadi terus keluar. Ini mungkin kita harap juga menjadi satu *deterrent*. *Insya-Allah*, ini harapan kami. Bila disuruh keluar itu, kita berharap juga *deterrent*. Siapa-siapa mangsa, dia duduk di rumah itu walaupun mangsa ini suami atau isteri, dia duduk. Siapa yang si pelaku, keluar. Jadi ini adalah hak penghunian eksklusif.

Mengenai program pemulihan— saya teruskan, Yang Berhormat. Di dalam akta yang dicadangkan, program pemulihan ini adalah sesuatu yang baru. Program pemulihan merupakan suatu perintah yang boleh dipohon di peringkat *interim protection order* bertujuan

untuk membolehkan pihak-pihak yang memerlukan pemulihan dibantu melalui program-program yang bersesuaian. Di antara program pemulihan yang akan ditawarkan oleh agensi-agensi di bawah kementerian saya adalah seperti contoh, LPPKN memberi kaunseling perkahwinan, kaunseling keluarga, kaunseling krisis atau trauma, psikoterapi *brain gym*. Ini sebab dia hendak mencuci balik *brain— brain gym*. Bagi JKM, kita memberi kursus *emotional focus therapy, anger management therapy, neuro linguistic program* dan *hypnotherapy*. Ini satu cara untuk kita menenangkan, meleraikan.

Mengenai cadangan supaya pemeriksaan kesihatan diadakan semasa mengadakan program pemulihan, kementerian mengambil perhatian dan akan meneliti secara mendalam cadangan yang diberikan.

Saya hendak masuk isu ini, sesuatu yang ramai yang tertunggu-tunggu, Yang Berhormat. Ini dimulakan daripada Yang Berhormat Parit Sulong ini. Lelaki sebagai mangsa keganasan rumah tangga. Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) daripada tahun 2014 hingga tahun 2016, walaupun lazimnya atau majoriti mangsa terdiri daripada wanita, sebanyak 26 peratus daripada jumlah mangsa adalah lelaki termasuk suami. Selain suami, bekas suami, saudara lelaki mahupun bapa adalah termasuk di dalam pengiraan ini dan ia turut melibatkan pelbagai kategori seperti kanak-kanak lelaki, warga emas dan orang kurang upaya lelaki.

Walau bagaimanapun, bagi mangsa lelaki yang tampil— ini Tuan Yang di-Pertua, tampil sebab kes ini memang kes tampil ke hadapan. Saya sebenarnya, Yang Berhormat, saya banyak menerima *call anonymous*. Jadi saya kata kalau *anonymous*, dengan izin, susah kami hendak meneruskan sebab *anonymous*. Saya kata sila tampil ke hadapan. Tapi seperti kita bicarakan, banyaklah sebab-sebab dia tak tampil ke hadapan. Tapi ini, Yang Berhormat, ini tampil— 26 peratus ini. Walau bagaimanapun, bagi mangsa lelaki yang tampil untuk mendapatkan intervensi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat daripada tahun 2013 hingga tahun 2016 adalah sebanyak 131 kes daripada 2,784 kes yang direkodkan adalah termasuk suami, abang kandung, bapa kandung dan bekas suami.

Berdasarkan kes-kes melibatkan suami, sebab ini yang ditanya, kes-kes dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah kes-kes yang meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan, mangsa dicederakan secara fizikal, mangsa dikurung atau ditahan tanpa kerelaannya, harta mangsa dikhianati dan penderaan emosi. Ini adalah beberapa kes. Nama memang tidak ada semua tapi saya boleh sebut tempat. Yang Berhormat okey kah saya sebut negeri kah, boleh?

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Tak boleh ya? Okey, okey. Saya tak sebut negeri. Okey, kes keganasan rumah tangga isteri mencederakan suami dengan asid. Okey, sebab? Kenapa? Poligami. *[Disampuk]* Tak apalah, ini contohlah yang datang kepada

kami. Selepas itu ada lagi kes isteri mencederakan suami dengan cuka getah. Samalah, asid jugalah itu kan— cuka getah. Kenapa? Perselisihan faham, pertengkaran.

Kes keganasan rumah tangga isteri mencederakan suami menggunakan objek. Dan kenapa berlaku? Perebutan hak penjagaan anak. Kes mencederakan suami fizikal dengan objek sebab isteri panas baran, garang. Kita semua rekod semua ini. Selepas itu di Melaka— sorry, tersebut, tersebut. Sorry, sorry, maaf, maaf.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bukan Yang Berhormat Bukit Katil kah apa?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, minta maaf.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Tak sengaja.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Negeri boleh, negeri boleh. Nama sahaja tak boleh.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Eh, tak ada. Nama memang...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Negeri boleh itu.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Tapi dua, tiga kes itu di Kelantan. Sebab sudah tersebut Melaka kan, nanti dia kata ini pula kan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang poligami itu di mana?

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Poligami tadi di Kelantan. Cuka getah pun di Kelantan. Di situ agaknya lebih asid. *[Ketawa]* Selepas itu di Selangor, menggunakan objek itu tadi. Dua-dua kes di Selangor menggunakan objek. Baran, baran. Melaka, sengaja meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan, kecederaan fizikal dan disebabkan oleh masalah kewangan. Ada satu lagi, Yang Berhormat. Dia berlaku juga di Melaka. Suami koma satu minggu dalam hospital sebab isteri dia adalah pemegang *belt* hitam, *black belt*. *[Disampuk]* *[Ketawa]* Ini betul ya, bukan diada-adakan. Bermakna apa-apa boleh terjadilah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Mana? Ha, Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ada yang saya dengar yang dipotong dengan gunting dengan pisau pun ada. Ini ada dalam rekod tak? Ini pun bahaya ini.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Yang Berhormat, memang saya pun ada dengar juga, Yang Berhormat, memang sampai ke situ. Kan dalam media ada keluar. Tetapi kes ini dia tak sampai kepada kami sebab itu kes polis. Dia tak perlu kebajikan dan itu memang cedera teruklah. Ini yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat, ini kes datang kepada Jabatan Kebajikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Pengalaman Yang Berhormat Setiu sebagai hakim?

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Memang ada, saya rasa, ada. *[Disampuk]* Tidak ada? Tetapi memang berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Perlindungan di bawah akta ini adalah terpakai kepada pasangan suami isteri de facto iaitu mereka yang telah melalui suatu bentuk istiadat yang diiktiraf sebagai suatu istiadat perkahwinan. Akta ini tidak terpakai kepada pasangan yang tidak mempunyai ikatan perkahwinan walaupun mempunyai hubungan intim. Walaupun pasangan ini tidak dilindungi oleh akta ini, laporan terhadap keganasan pelaku boleh dilaporkan oleh mangsa dan pelaku boleh dikenakan hukuman sewajarnya di bawah Kanun Keseksaan seperti di bawah seksyen 323 dan 324 dan sebagainya.

Pada masa ini...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Menteri, Kuala Krai. Depan, belah kiri you.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai. Depan ya.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Ya, silakan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: On a serious note, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, perbahasan yang diulas oleh Menteri mengenai rungutan atau pandangan supaya aspek kebajikan kepada kaum lelaki-lelaki, suami, bapa dan sebagainya itu diberikan perhatian, bagi sayalah, perbahasan ini *for completeness sake* supaya ia terlibat. Tapi saya hendak mengingatkan Menteri, jangan terlalu cair dengan hujah ini sehingga—perhatian besar kita ialah kepada kaum wanita.

■1650

Jadi itu kena diberikan penumpuan, jangan sampai kita bawa isu gender yang satu lagi ini sampai kita rasa kena bagikan tumpuan yang besar. Bagi saya yang mungkin *chauvinist* sikit tetapi bagi orang lelaki ini kita mungkin ada kaedah mempertahankan diri, kita ada *peer group* kita, kita tahu tempat mana kita hendak lepak untuk hilangkan stres. Jadi *please* fokus lebih kepada kaum wanita, ibu, isteri yang kita tumpukan. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hanya menjawab, ini adalah perbahasan. Jadi kalau saya tidak menjawab yang ditanya fasal lelaki, dikatakan bahawa saya tidak menjawab. Jadi saya tidak pernah meninggalkan hakikat bahawa 70 lebih peratus mangsa keganasan rumah tangga adalah wanita Yang Berhormat. Lain-lain saya sebutkan itu adalah untuk wanita tetapi sebenarnya untuk semua mangsa keganasan rumah tangga, lebih-lebihnya kepada wanita. Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang fokus, saya tidak dikaburi dengan dan minta maaflah saya bercakap, tadi kita ketawa dan sebagainya bukan tujuan saya untuk mengambil ini ringan tetapi betul Yang Berhormat, yang koma itu tadi memang isteri daripada *black belt*. Jadi agak dia terlupa, dia lepuk lebih agaknya, dia koma. Akan tetapi Yang Berhormat...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Yang Berhormat Kapar? EPO? EPO dah lepas.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Baru lepas, yang berkaitan dengan hubungan tidak sah, yang tidak berdaftar itu. Boleh Yang Berhormat? Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Saya ingin mendapat komitmen daripada Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat kata yang tidak dikaitkan, contohnya berdaftar menggunakan cara tradisi tetapi tidak secara sah di JPN dan sebagainya. Mereka tidak boleh gunakan akta ini, bermaksud mereka tidak ada hak untuk mendapatkan EPO, mereka terpaksa ke seksyen 323 dan sebagainya. Itu pandangan Yang Berhormat? Kalau itulah pandangan Yang Berhormat, saya ingin cadangkan kepada Yang Berhormat supaya meneliti akta ini untuk masa depan, membuka ruang kepada hubungan-hubungan intim yang tidak tertakluk kepada definisi rumah tangga. Itu sahaja, terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi kita menggunakan bahawa yang berkahwin. Kadang-kadang berkahwin secara tradisi pun kami ambil itu sebagai berkahwin. Akan tetapi sebab terlalu dibuka luas Yang Berhormat, sebab tadi banyak Yang Berhormat mengatakan takut *effectiveness* pun tidak ada. Jadi kalau kita buka terlampau luas, nanti kita tidak termampu untuk ini, jadi biarlah ia macam sekarang ini, takrif sekarang ini Yang Berhormat. Ini adalah untuk pasangan yang berkahwin dan ini juga bagi mana-mana yang melalui istiadat perkahwinan. Jadi kalau itu tadi Yang Berhormat, dikatakan tadi yang etnik dan sebagainya, tetapi sebenarnya itu adalah satu perkahwinan pun kita ambil kira juga. Akan tetapi ada banyak yang disebut *boyfriend – girlfriend* itu, saya rasa kita tidak mampu dahulu hendak masuk ke dalam pindaan ini. Kalau ada seperti Yang Berhormat katakan keperluan-keperluan, kita lihat pada masa-masa akan datang sebab masa ini kita tentukan sebagai mereka yang sah diiktiraf.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, saya minta jasa baik Yang Berhormat. Saya terima baik pandangan Yang Berhormat, tetapi perbezaan perlu diletakkan di antara hubungan *boyfriend – girlfriend* dengan hubungan intim terutamanya yang ada anak sebab *the welfare of the children will be in question* bila ada keganasan rumah tangga. Walaupun akta ini tidak merangkumi bahagian itu tetapi yang saya selitkan tadi, SOP sepatutnya dah ada, *guidance* dah ada kepada pegawai daripada JKM dan juga pegawai polis supaya mengharungi juga situasi di mana mereka intim bukan sebulan, dua bulan tetapi bertahun-tahun dan mempunyai beberapa orang anak perlu diklasifikasikan dari pandangan

yang berbeza daripada *just a boyfriend and girlfriend relationship*. Buat masa ini, *at least*. *Thank you Yang Berhormat.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya berterima kasih kerana Menteri sangat realistik kerana menyebut tentang kemampuan keluasan undang-undang ini. Cuma seperti juga yang disebut oleh Yang Berhormat Kapar tadi, saya cuma bimbang kerana walaupun perkahwinan ini tidak sah di segi undang-undang, namun mereka hilang *benefit* daripada kaunseling, perlindungan dan sebagainya. Walaupun kes seperti ini boleh dilaporkan kepada polis dan undang-undang *penal*, undang-undang jenayah boleh diambil ke atas pendera, namun selepas itu tidak ada *follow-up* nya.

Seperi yang disebut oleh Yang Berhormat Kapar, maknanya dalam kes ini mereka ada anak dan perhubungan itu sudah lama dan hendak menyelamatkan “*rumah tangga*” yang tidak disahkan dari segi undang-undang ini, maka mereka tidak ada peluang dan ruang untuk diberi kaunseling dan mungkin daripada situ kita hendak satu *step* lagi untuk mengesahkan perkahwinan mereka itu. Itu cuma pandangan kita buat masa ini supaya tidak terlepas daripada pandangan penguat kuasa. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada dua orang bangun Yang Berhormat, hendak bagi? Yang Berhormat Batu Kawan dan Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Yang Berhormat Batu Kawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin membangkitkan dua perkara di sini. Satu, persetujuan saya bersama dengan rakan-rakan saya di sini, Yang Berhormat yang lain mengenai dengan izin, *the inclusiveness of this act on* kepada pasangan yang tidak berkahwin sebab mengikut satu *statement* yang Dato' Sri Rohani buat tahun lepas bulan Oktober, dengan izin Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, “*Stalking violence among lovers to be included in amended Domestic Violence Act*”. Jadi pada masa itu bila saya baca saya memang sangat-sangat ada persepsi yang sangat positif terhadap pindaan ini sebab ia akan melindungi pasangan daripada menjadi mangsa keganasan

walaupun tidak ada taraf sah dari segi undang-undang sebagai pasangan yang berkahwin. Akan tetapi sebagai sebuah negara yang pertama dalam Asia Pasifik *region* ini yang mula-mula *to have the Domestic Violence Act*, saya rasa kita patut melihat contoh seperti negara Australia yang ada *defect to Marriage Act* dan juga Kanada yang ada *common law* yang melindungi pasangan yang tidak berkahwin.

Lagi satu Yang Berhormat Menteri, saya juga ingin tahu mengapa, tadi Yang Berhormat Menteri kata buat masa ini *stalking* tidak akan dimasukkan dalam pindaan ini tetapi soalan saya mengapa. Ini kerana ada dua kes yang kita tahu memang sudah masuk surat khabar. Sekiranya ada undang-undang *stalking* ini dalam Akta Keganasan Rumah Tangga, maka mangsa dapat diselamatkan sebab paten, corak *stalker* ini adalah bekas suami yang tidak mahu melepaskan isterinya selepas cerai sampai mereka bawa senapang ke firma guaman mereka di Kuala Lumpur bulan Februari ini dan telah menembak mati isterinya dan membunuh diri di sana. So kita tahu ada banyak kes di mana bekas pasangan tidak dapat melepaskan pasangan mereka. Jadi mereka akan terus menghendap melalui sosial media walaupun hendapan itu tiada unsur jenayah. Seperti Yang Berhormat Menteri katakan tadi, sekiranya tidak ada elemen jenayah, *there is no criminal element there*, maka ia tidak dikategorikan sebagai *stalking*. Akan tetapi sekiranya ia tidak dijenayahkan, maksudnya kita memberikan pas percuma kepada mereka untuk terus menghendap sebelum mereka berani untuk bertindak. Jadi saya mohon komen daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, ini sambungan daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Batu Kawan, sikit saja. Kalau pihak Menteri hendak menimbang untuk memasukkan hubungan intim tanpa perkahwinan dalam definisi kita, saya rasa perkara ini hanya boleh dihadkan kepada *non Muslim*. Kalau kepada Islam, memang kita tidak iktiraf langsung, tidak boleh dijadikan ia sebagai ahli keluarga sebab tidak ada hubungan perkahwinan dan sebagainya. Jadi kalau kita nak timbang juga, maknanya kena ada pengecualian. Itu sahaja. Terima kasih.

■1700

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih. Tambahan kepada isu hubungan intim ini. Persoalannya, kenapakah mereka ini tidak mahu ada satu ikatan yang sah yang mana dengan adanya ikatan ini, mereka akan mendapat perlindungan. Yang perempuan akan mendapat perlindungan, yang laki-laki pun akan mendapat perlindungan dan anak-anak pun akan mendapat penjagaan. So kenapakah mereka ini tidak hendak kahwin? Jadi itu sesuatu yang pelik. Jadi adakah pihak kementerian mempunyai satu cara yang mana bagi mereka yang tak mahu kahwin dengan cara Islam kah, cara *temple* kah atau cara apa, ada suatu sistem yang mana mereka ini dikahwinkan oleh jabatan supaya senang mereka ini dijaga oleh jabatan di bawah undang-undang ini jika ada berlaku perbalahan di antara mereka. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya itulah yang menyebabkan saya memberi jawapan macam ini. Kalau betul ada ikatan itu, buatlah secara berkahwin atau secara ikatan. Kalau dia kata itu ada cara etnik-ethnik, itu pun sebenarnya kita terima. Bermakna itu nampak ada satu ikatan secara sahlah walaupun ia adalah hanya didaftarkan di pejabat ketua kampung dan sebagainya. Bagi kami pun, itu pun ada. Jadi Yang Berhormat, mungkin ini adalah satu *push factor*, kita adakan yang ini untuk tadi ada beberapa Yang Berhormat katakan untuk memastikan bahawa pasangan-pasangan ini mencari jalan khususnya kalau dah ada anak. Bagi saya, pagi tadi kebetulan saya menjawab soalan mengenai anak. Sebab anak ini tak ada dokumen. Saya ditanya, saya menyenaraikan bagaimana ceritanya anak-anak ini tidak ada dokumen dan bermakna kalau saya menjawab itu, kita cuba juga mencari jalan supaya pada masa-masa akan datang, kita ingat jangan untuk kita sahaja. Ingatkan juga untuk anak-anak dan masa depan anak-anak ini.

Balik kepada *stalking*. Yang Berhormat Batu Kawan, betul Yang Berhormat, itu hasrat saya. Memang itu hasrat saya tetapi kadang-kadang hasrat saya, saya kan ada pegawai-pegawai, penasihat-penasihat dan sebagainya. Jadi tertimbuk dahulu tetapi bukan penghujung cerita Yang Berhormat, tidak. Dikatakan mungkin *stalking* jangan dimasukkan dalam ini sebab pindaan ini berlainan tetapi *stalking* itu saya tahu, Yang Berhormat. Akan tetapi Yang Berhormat, *rest assured*. Saya tengah mengadakan sesuatu tetapi saya tak boleh juga umumkan. Saya nak mengadakan sesuatu *engagement*, macam kita buat ini. Saya mendapat sokongan daripada NGO-NGO, aktivis yang ada di luar sana termasuk yang ini cadangan daripada Ahli Yang Berhormat. Kenapa kita perlu ada pula akta mengenai *stalking per se*, dia sendiri *stand alone*.

Jadi itu saya rasa akan lebih kukuh dan ramai di sini boleh membantu. Jadi, bagi masa Yang Berhormat. Jadi memang itu hasrat saya, Yang Berhormat. Memang saya merasakan bahawa mungkin boleh dimasukkan sebab saya tahu, bekas suami, bekas isteri, bekas-bekas ini ada mengacau. Kadang-kadang tidak sampailah kepada kes yang disebut Yang Berhormat sehingga kematian dan sebagainya. Akan tetapi masih mengintip, masih mengintai. Jadi ini menjadi satu kerisauan, bukan? Saya tahu Yang Berhormat, saya pun risau tetapi oleh kerana saya dinasihatkan bahawa dia tak kuat di sini, dia kuat lagi *stand alone*.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *[Bangun]*

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey. Yang Berhormat Menteri, yang mana?

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Yang Berhormat, saya bagi kepada Yang Berhormat Tanah Merah dahulu.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, terima kasih. Penerangan Yang Berhormat Menteri tadi cukup baik tetapi saya terfikir boleh tak saya

hendak bagi pandangan dan cadanganlah supaya isu keganasan rumah tangga ini, tadi Yang Berhormat cakap kita perlu dedahkan tetapi boleh tak juga mungkin boleh dipertimbangkan, kita boleh dedahkan kepada seluruh masyarakat hingga kalau boleh di peringkat sekolah dan juga mungkin ke institusi pengajian tinggi kerana dengan ini, kalaularang dengan adanya pendedahan supaya mereka dapat pendedahan lebih awal. Jadi apabila mereka daripada sekolah pergi ke IPTA ataupun IPTS dan sebagainya, jadi mereka dah boleh aware dah apa hak dan sebagainya. Saya ingin bagi cadanganlah dan pandangan saya supaya mereka faham bahawa satu hari nanti mereka mungkin akan menjadi mangsa ataupun supaya benda ini boleh dielakkan. Itu pandangan sayalah, terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih. Saya menerima pakai semua idea-idea disebutkan. Mungkin tidak di dalam ini tetapi dalam ruang-ruang yang lain tetapi terima kasihlah. Mengenai *road show* tadi, ini kita akan masuk dalam *road show* untuk kita memberi pendedahan bahawa ada lagi akta-akta ini yang boleh melindungi. Saya sampai kepada ...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Menteri, sikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, nak bagi Yang Berhormat Kota Raja?

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak perkara ini dicatatkan di dalam *Hansard*. Mengenai tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Putih mengenai mereka-mereka yang tak hendak kahwin ini. Sebenarnya pada realitinya, ada kes-kes yang hendak kahwin tetapi tak dapat kahwin. Pertama, adalah kes-kes yang berkahwin di luar negara, tidak balik mendaftar. Ini untuk orang Islam.

Kedua adalah kes-kes di mana perkahwinan mereka itu di tempat-tempat rumah ibadat mereka seperti agama Hindu dan sebagainya yang mereka tak boleh hendak daftar kerana ada dokumen-dokumen yang tak ada dan juga berlaku apabila ada perkahwinan-perkahwinan terutamanya saya lihat dalam kalangan bangsa India kerana nama salah seorang dia punya staf itu adalah nama Islam. Yang Berhormat Sungai Siput boleh jadi saksi dalam hal ini. Dia mengamalkan agama Hindu tetapi namanya nama Islam kerana sejarah ibu bapanya. Jadi tak boleh kahwin sebab seorang nama Islam, seorang nama Hindu. Jadi ada untuk makluman Menteri, ada kes-kes sebegini. Jadi perkara-perkara ini perlu kita cerakinkan dan kita cari jalan penyelesaian kerana mangsanya adalah anak-anaknya. *Just for the record*, terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Mengenai perlindungan bagi mangsa OKU. Sekiranya mangsa adalah seorang OKU, beliau akan dikategorikan sebagai orang yang tidak berkeupayaan di bawah akta ini dan bagi permohonan EPO, saudara atau penjaga OKU tersebut atau pegawai jabatan kebajikan

masyarakat sendiri boleh membuat permohonan EPO bagi pihak OKU berkenaan. Susulan daripada permohonan tersebut, pegawai yang diberi kuasa akan membuat penilaian mengenai kes mangsa dengan mengambil kira keadaan mangsa dan bukti-bukti yang diterima melalui pemohon berkenaan.

Sekiranya terdapat keperluan, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat juga boleh mendapatkan bantuan daripada NGO-NGO OKU untuk membantu dalam mengendalikan kes yang melibatkan OKU termasuk mendapatkan maklumat dan bukti yang diperlukan dalam pertimbangan pengeluaran perintah EPO kepada mangsa OKU. Sekiranya seseorang kanak-kanak itu telah pun berkahwin dengan kebenaran yang sewajarnya di bawah undang-undang di Malaysia menjadi mangsa keganasan rumah tangga, saudara atau penagangnya boleh membuat aduan atau memohon selain daripada mangsa sendiri untuk mendapatkan EPO bagi pihak mangsa.

Pihak kerajaan tidak menyediakan elauan khusus atau elauan khas kepada mangsa, ibu tunggal dan kanak-kanak apabila pelaku yang merupakan suami atau bapa dipenjarakan setelah disabitkan dengan kesalahan yang berkaitan dengan kes keganasan rumah tangga. Namun tadi ada beberapa Yang Berhormat mencadangkan menyediakan tabung dan sebagainya, *insya-Allah* kita cuba perincikan. Walau bagaimanapun, kerajaan ada menyediakan rumah perlindungan dan segala keperluan semasa dalam perlindungan adalah di bawah tanggungan kerajaan. Selain daripada itu, pihak kerajaan boleh mempertimbangkan bantuan kewangan seperti berikut:-

- (i) secara *one off* bagi mangsa mengikut keperluan daripada tabung bantuan segera dengan had maksimum RM500;
- (ii) bantuan bulanan kepada anak-anak di bawah 18 tahun iaitu Skim Bantuan Kanak-kanak RM100 bagi setiap orang kanak-kanak dengan had maksima RM450 sebulan bagi setiap keluarga melebihi empat orang kanak-kanak bagi membantu meringankan kos sara hidup dan;
- (iii) Skim Bantuan Am iaitu bantuan kepada mana-mana orang yang berpendapatan di bawah paras garis kemiskinan; dan
- (iv) Geran Pelancaran iaitu sebagai modal untuk memulakan perniagaan berskala kecil.

Pihak kerajaan menyambut baik cadangan mengenai mahkamah bagi kes-kes keganasan rumah tangga. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan meneliti cadangan ini dan mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak mahkamah.

■1710

Pihak kementerian juga bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa masyarakat juga perlu lebih prihatin bahawa keganasan rumah tangga bukan merupakan suatu hal keluarga sahaja tetapi suatu jenayah yang mana perlu ditangani bersama dengan

melindungi mangsa dan tidak menyembunyikan hal kejadian keganasan rumah tangga ini apabila diketahui. Saya mengambil maklum segala cadangan dan pandangan yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang sama-sama kita mengharapkan penyelesaian secara baik, perlindungan serta keadilan agar institusi keluarga bahagia ini dapat berkekalan dan menjurus kepada negara sejahtera.

Sebagai penutup, pihak kerajaan mengucapkan jutaan terima kasih atas sokongan yang telah diberikan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam membahaskan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 ini. Sekali lagi kementerian mengucapkan jutaan terima kasih atas kerjasama yang telah diberikan oleh semua NGO seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kapar tadi termasuk NCWO mana tertinggal tadi, Gabungan Kumpulan Wanita Bertindak Bagi Kesamarataan Gender atau JAG, *Women's Aid Organization, Women's Centre for Change* dan semua NGO lain yang banyak membantu dalam usaha kerajaan menyediakan perundangan yang terbaik untuk semua.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat Menteri, *last sekali boleh Yang Berhormat? Seminit, seminit sahaja. Seminit, last sekali.*

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Saya nak terima kasih dah.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Bila sebut NGO itu saya tertarik. Kita tengok rata-rata NGO kebanyakan untuk wanita. Ada tak NGO untuk lelaki?

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Sebenarnya Yang Berhormat, ada, tetapi seperti saya katakan, banyak NGO ini tidak tampil ke hadapan dan ada satu lagi NGO Yang Berhormat, NGO ini adalah *he for she*. NGO ini adalah *they call it White Ribbon*. Dia memang membantu daripada segi apa-apa masalah wanita. Ini adalah NGO lelaki tetapi dia lebih kepada membantu wanita. Jadi, NGO-NGO lelaki Yang Berhormat, saya haraplah banyak lagi tampil ke hadapan untuk membantu...

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Sebabkan akta ini untuk dua-dua kan? Suami dan isteri kan?

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Dua-dua, dua-dua.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Memang itu...

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Tetapi kami memang menggunakan semua NGO, semua pejabat peguam, Peguam Negara pun semua masuk untuk kami pastikan bahawa segala yang kita utarakan ini adalah mengikut lunas-lunas yang betul. Jadi terima kasih kepada semua dan harapan saya bahawa ini adalah permulaan, satu langkah dan Yang Berhormat, *bear dengan* saya di kementerian ini adalah satu langkah sebenarnya sangat banyak memerlukan pengorbanan tetapi sekurang-kurangnya kita dapat membawa ke Dewan yang mulia ini dan saya seterusnya memohon sokongan daripada semua Ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)] mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

Fasal-fasal 1 hingga 15 -

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengurus. Saya masuk kepada fasal 3A di mana perkataan yang digunakan adalah dalam satu permohonan melibatkan satu aduan keganasan rumah tangga yang aduan ini perlu dilaporkan kepada JKM dan pegawai yang bertugas. Bagaimana aduan ini, format yang diselaraskan. Ada tak format telah diselaraskan seperti kalau ke laporan polis, kita ada laporan ataupun format yang sedia ada. Sini, saya ingin kepastian apakah format yang akan diguna pakai. Adakah format ini mempunyai satu kesamarataan seperti juga laporan polis. Itu yang pertama.

Yang kedua, kalau rujuk kepada 3A ini, kita juga ada bacaan di bawah di mana saya bacakan daripada barisan keempat, “rumah tangga yang disebut dalam perenggan A atau B, takrif keganasan rumah tangga di bawah seksyen 2”. Untuk perhatian Yang Berhormat Menteri dan juga Dewan yang mulia ini, takrifan keganasan rumah tangga di bawah Akta Ibu, ia sebenarnya antara A hingga H. *Domestic violence means a commission of one or more of the following acts; A, B, C, D, E, F, G, H* di mana kini ada juga penambahbaikan di mana E kita ada EA, EB, EC tetapi bila kita baca seksyen 3A, dia hanya tertakluk kepada perenggan A atau B. Adakah ia bermaksud EPO tidak boleh digunakan sekiranya penganas itu telah melakukan kesalahan di bawah takrifan C, D, E, F, G dan H? Tetapi pada waktu yang sama di bahagian pindaan seksyen 2 di bawah 2A, kita telah masukkan EA, EB, EC. Ini satu perkara yang Yang Berhormat Menteri kena teliti betul-betul sebab taksiran ini mengikut pandangan saya, saya rasa ada sesuatu yang tidak kena mengena. So saya minta pegawai membantu untuk menerangkan kepada saya, mungkin ada sesuatu yang saya terlepas pandang tetapi beberapa kali saya cuba baca balik sebab dia terangkan dekat sini takrif keganasan rumah tangga.

Kalau Yang Berhormat Menteri tengok balik akta ibu di bawah seksyen 2, di bawah *interpretation*, dia terangkan tentang *child*, dia terangkan tentang *court*, ada A dan B. Tentang *domestic violence* ada A hingga H tetapi bila balik kepada 3A ini, dia hanya mengatakan di dalam perenggan A atau B, takrif keganasan rumah tangga. Bermaksud takrif C, D, E, F, G, H tak ada. Pada waktu yang sama di fasal 2, ada pula penambahan kepada EA, EB dan EC. Saya minta yang ini diterangkan secara terperinci. Kalau tidak, pelaksanaan akan terbantut apabila kita meluluskan akta ini. Saya merasakan memang ada kesilapan tetapi saya minta pegawai membantu Yang Berhormat Menteri terangkan sebab itu adalah terperinci daripada sudut undang-undang.

Balik kepada seksyen 3A(2). Di sini, kalau pada baris kedua dia kata, sesuatu permohonan bagi suatu perintah perlindungan kecemasan boleh dibuat pada bila-bila masa. Ini memang sesuatu yang bagus tetapi saya minta *commitment* di dalam Dewan yang mulia ini bahawa bila-bila masa ini ditakrifkan sebagai dua bahagian yang utama daripada sudut 24/7. Bermaksud 24 jam dalam seminggu. Dua, mana-mana pejabat kebajikan (JKM) atau jabatan kebajikan masyarakat yang berdekatan. So, mana-mana jabatan perlu ada kuasa untuk melakukan EPO ini ataupun perintah ini sebab takrifan pada bila-bila masa nanti mungkin berbeza bila sampai ke bawah. So, kita hendak bahagian itu diselaraskan dalam Dewan yang mulia ini.

Yang ketiga, bila kita masuk ke fasal 3A(3)(c), dia menggunakan perkataan “*orang yang bertanggungjawab bagi menjaga kanak-kanak*”. Yang ini perlu diterangkan sebab kedua-dua pihak ada hak sebab ini lebih kepada rumah tangga, suami dan isteri. Dua-dua pihak ada kemahuan terhadap kanak-kanak dan ini perlu juga diterangkan sebab kita kata orang yang bertanggungjawab bagi menjaga kanak-kanak. Si suami pun ada hak untuk menjaga kanak-kanak, si isteri pun ada hak untuk jaga kanak-kanak. So, daripada sudut bila isu ini sampai ke JKM dan pegawai yang bertugas untuk menilai EPO ini, saya rasa dia tak ada kuasa mahupun dia tak ada kepakaran untuk menilai siapa yang ada hak untuk menjaga anak-anak dan adakah kita nak terus membuat kesimpulan dalam masa dua jam, seorang ini telah cedera maka dia ada hak untuk menjaga kanak-kanak.

■1720

So itu perlu diteliti secara terperinci. Seterusnya, kita masuk ke 3A(5) di mana permohonan ini hendaklah didengar oleh pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa dengan serta-merta dan pengeluaran perintah perlindungan kecemasan dalam masa dua jam selepas permohonan itu dibuat. Seperti yang saya terangkan tadi, yang ini perlu ada SOP. Dalam masa dua jam itu, apa yang dia perlu lakukan. Selepas dua jam itu, sehingga hari ketujuh, apa yang perlu dilakukan sebab ini melibatkan 1,600 pegawai di seluruh Malaysia. Bagaimana mereka hendak membuat pertimbangan?

Salah satu yang Yang Berhormat Menteri perlu fahami dekat sini adalah pegawai yang akan duduk dekat sini dan yang akan mengeluarkan EPO ini, dia tidak ada rekod-rekod jenayah tentang pengganas ini. Dia tidak ada data-data tentang pengganas ini. So apa hubungan JKM dengan PDRM? Ada apa-apa *networking* dekat sini yang akan berlaku, *linking* yang akan berlaku di antara dua pihak ini supaya JKM boleh dapat *database* tentang latar belakang seorang yang telah dituduh ini? Pengganas ini. Katakan isteri *complaint* tentang suami. Bagaimana kita hendak dapatkan data-data tentang suami itu? Ataupun suami *complaint* terhadap isteri. Macam mana kita hendak dapatkan data-data tentang isteri itu? *That's very complex* yang perlu dilakukan dalam masa dua jam. Saya minta Yang Berhormat memberi penerangan.

Selepas itu bahagian 3A.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, lazimnya dalam peringkat Jawatankuasa, sepuluh minit maksimum. Yang Berhormat ada seminit atau dua minit lagi, ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi, saya rasa semua seksyen ini sekali gus.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya tetapi tidak bolehlah sampai 15 seksyen semuanya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Setiap ini saya minta supaya Dewan boleh terangkan. Bila aplikasi nanti senang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang lain pun mahu, Yang Berhormat. Oleh sebab itu kita lazimnya pada peringkat Jawatankuasa, 10 minit seorang, Yang Berhormat. Kita ada batasan waktu, ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Okey, saya cuba pergi kepada yang penting sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Seterusnya 3A(6), Yang Berhormat Menteri, tentang laporan polis yang tidak diperlukan ini. Apakah aplikasi yang akan digunakan? *Is it strict interpretation atau lenient interpretation?* Bagaimana kita hendak menginterpretasikan supaya laporan polis tidak dikehendaki?

Ada banyak lagi tetapi— satu lagi adalah tentang IPO seksyen 4. Fasal 4. Fasal 4, kita hanya menukar selaras dengan EPO sebab ini berkaitan dengan 3A dan sebagainya. Akan tetapi jangka masa daripada EPO ke IPO tidak diselaraskan. Yang membezakan adalah EPO kita tahu tujuh hari. Selepas itu IPO kita tahu setelah ada laporan polis. So bagaimana tempoh masa ini? Ada atau tidak had tempoh masa yang akan lakukan? Adakah dalam masa tujuh hari ini sewajarnya siasatan dilakukan dan nasihat telah diberikan kepada mangsa untuk melakukan laporan polis? So tempoh masa itu amat penting, Yang Berhormat Menteri.

Selain daripada itu, katakan dalam masa tujuh hari EPO akan tamat secara automatik, bagaimana kalau si pengadu atau mangsa ini datang balik dan minta balik EPO? Ini kerana dalam hasratnya dia tidak mahu lakukan laporan polis. Macam mana kita hendak guna *interpretation of this act and the practicality* dalam keadaan sebegini? Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Katil.

5.24 ptg.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ada tiga perkara sahaja, Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, di muka surat tiga ini dinyatakan bahawa sesuatu permohonan bagi satu perintah perlindungan kecemasan boleh dibuat pada bila-bila masa tetapi tidak dinyatakan di mana tempat seseorang mangsa itu ingin mendapatkan perintah perlindungan kecemasan. Apakah niat penggubal undang-undang ini ingin memberikan satu gambaran bahawa perintah perlindungan ini boleh diberi tidak kira tempat? Misalnya di rumah mangsa ataupun di kedai makan kah ataupun di tempat yang selamat kah? Sebab itu tidak dinyatakan secara *express* atau secara nyata di manakah tempat untuk memfailkan perintah perlindungan kalau boleh saya faham dalam konteks pemfailan.

Perkara kedua, para tiga itu iaitu satu permohonan bagi satu perintah perlindungan kecemasan hendaklah dibuat secara *ex parte* oleh satu pihak. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dari segi penggubal undang-undang ini, apakah prosedur yang dipakai untuk pemfailan *ex parte* ini? Adakah satu *guideline* akan dibuat ataupun sekadar satu borang semata-mata untuk memfailkan permohonan *ex parte* kerana bagi pengamal undang-undang, *ex parte* ini dia punya tafsirannya, pemfailan satu pihak dan ada panduannya. Ada *rules of high court* dan sebagainya. Jadi perkara ini perlu dijelaskan supaya ia tidak timbul masalah di kemudian hari.

Perkara ketiga Tuan Pengerusi ialah di muka surat lima di item ataupun fasal 3D di mana pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis atau mana-mana pegawai polis lain di bawah perintahnya yang disebut dalam subseksyen 3B (i) hendaklah memfailkan bukti penyampaian salinan perintah. Maknanya ada perintah perlindungan kecemasan. Dalam masa segera mesti diserahkan kepada pegawai polis. Pegawai polis pula kena faiklan ataupun kena sampaikan perintah perlindungan itu. Saya ingin bertanya kaedah ataupun niat penggubal undang-undang ini. Apakah cara pemfailan bukti penyampaian ini? Adakah melalui afidavit ataupun tidak ada peraturan yang akan mengikat kecuali cukup sekadar satu surat dan sebagainya? Kali ini bukti-bukti yang saya fikir perlu ada pengetatan dalam undang-undang ini supaya ia tidak akan dicabar dan diambil sambil lewa oleh mana-mana pihak. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

5.26 ptg.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kapar, format aduan sedang disediakan dan akan dijadikan peraturan di bawah akta ini. *So, it will be at standard format.* Pemakaian EPO. Memang permohonan EPO hanya dibenarkan bagi perenggan (a) dan (b) di bawah seksyen 2 tafsiran iaitu yang melibatkan mangsa di dalam keadaan ketakutan, kecederaan fizikal dan dicederakan secara fizikal. Tiada kesilapan dari segi penggubalan dan EPO tidak boleh dimohon bagi perenggan (c) dan seterusnya. Laporan polis tidak dikehendaki. JKM akan menggunakan *strict interpretation* iaitu laporan polis tidak diperlukan dalam membuat permohonan EPO.

Mengenai anak tadi, siapa yang bertanggungjawab menjaga anak-anak ini? JKM tidak akan menentukan mana-mana ibu atau bapa yang bertanggungjawab menjaga kanak-kanak tetapi mana-mana ibu atau bapa yang mahu melindungi kanak-kanak daripada dicederakan, boleh membuat permohonan. Jadi ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kapar dan...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, boleh minta penjelasan?

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Ya. Dia ada macam ini? Timbal balas macam ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh-boleh.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Boleh? Boleh, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Okey, jangan panjang sangat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, hari ini kita telah menambahbaikkan takrifan keganasan dalam fasal 2 di mana kita ada penambahan (ea), (eb), (ec) dan sebagainya. Akan tetapi (ea), (eb) dan (ec) tidak terlibat EPO. Itu daripada penerangan Yang Berhormat sekarang. Saya ingin mendapat penjelasan mengapa kita tidak gunakan EPO kepada subseksyen lain seperti (c) hingga (h) sebab macam saya kata tadi, *causing psychological abuse* yang ini semua adalah sesuatu yang memudaratkan sekarang. Memang kes-kes itu memang kes yang berat. Ini kerana fasal itu kita ada dari (a) hingga (h). Saya tidak faham mengapa kita memperincikan EPO ini hanya kepada (a) dan (b) tetapi yang lain kita tidak guna termasuk (ea), (eb) dan (ec) yang kita masukkan ke dalam sebagai tafsiran baharu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta penerangan. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Yang Berhormat, saya ingin mengembalikan kepada takrifan *emergency*. *Emergency Protection Order*. Sebab itu kita pilih dua sahaja yang seperti Yang Berhormat katakan iaitu kecederaan melampau dan juga niat untuk mencederakan. Sebab itu kami takrifkan sebagai *Emergency Protection Order*. Akan tetapi kalau *psychological*, Yang Berhormat, dia bermacam-macam. Sudahlah kita dalam kekangan, perkara ini mesti di dalam satu minggu dan di dalam *cooling-off period*. Jadi kita kena *limit*-kan, Yang Berhormat. Akan tetapi yang lain itu masih berjalan di bawah IPO dan PO.

Jadi kita memberikan ini. Kita pilih sebab ada keadaan yang sampai itu Yang Berhormat, yang memberi kita satu pengajaran yang begitu baik yang memang di dalam keadaan yang begitu ketakutan dan trauma sebab seperti Yang Berhormat Batu Kawan tadi katakan, *it's a matter of life and death*. Sebab itu kita mesti takrifkan sebagai *Emergency Protection Order*. Jadi kita tidak mahu mentakrifkan terlampau luas macam yang ada di dalam seperti Yang Berhormat katakan. Kita *maintain*, kitakekalkan kepada dua untuk memberi yang mana yang *emergency*. Kita tidak mahu *emergency* itu dipermainkan, Yang Berhormat.

Yang itulah sebagai ringkasannya. Jadi dengan adanya kita membuat macam itu, kita khusus kepada betul-betul yang sangat—keadaan yang gentinglah kita kata. Jadi kita *limit*-kan kepada dua perkara ini. *Cooling-off* satu minggu. Selepas itu dirasakan bahawa mangsa itu dia merasakan dia tidak boleh reda daripada keadaan, jadi kita pergi ke proses IPO dan juga PO. Terima kasih Yang Berhormat.

[Fasal-fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri) dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam sepuluh pagi, hari Rabu, 27 Julai 2017.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang]